خديجة

HARI SAYYIDATINA KHADIJAH

خديجة

# Hari Sayyidatina Khadijah

1442H/ 2021M

15-17 Syaaban 1442H/ 29-31 Mac 2021
Kompleks Kota Darulnaim

حَتَّىٰ تَكُونِي عَظِيمَةً مِثْلَ خَدِيجَة رضي الله عنها

*"Agar Dirimu Semulia Khadijah"*

*Kepada Dato'/ Datin/ YB/ Tuan/ Puan/ Cik*

..............................................................................................

# SELAMAT HARI WANITA

## *Hari Sayyidatina Khadijah*

## 2021

*Agar Dirimu Semulia Khadijah*

حَتَّى تَكُونِي عَظِيمَةً مِثْلَ خَدِيجَةَ ﵂

**AS HONOURABLE AS KHADEEJAH**

**HARI SAYYIDATINA KHADIJAH 2021**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis.

**EDITORIAL**
HARI SAYYIDATINA KHADIJAH 2021

**PENASIHAT**
Ilvira Mohd Dasuki
Hjh Mas Rozita Mas Mohamad

**KETUA**
Nur Adyani Mohamed

**AHLI JAWATANKUASA**
Norsham Shamsuddin
Nik Nur Asma Zulykha Nik Hassan
Samiah Abdullah

**SIDANG PENGARANG**
Nur Sabrina Shaari
Nabihah Fauzi
Nor Shakila Adnan
Nur Atikah Ahmad Pauzi
Siti Amani Mohd Rahim
Siti Aisyah Abdul Rahim
Nur Farhana Md Noor

**KONSEP / PERWAJAHAN KULIT**
Farah Farhana Ab Malek
Norazlina Mohd Nawi

**Diterbitkan Oleh:**
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan
Aras 2, Blok 2 Kompleks Kota Darulnaim
15503 Kota Bharu
Kelantan
Tel: 09-747 6568  Faks: 09-7476510
Emel: ukekwa@kelantan.gov.my

17

# DOA SAYYIDATINA KHADIJAH

اَللَّهُمَّ اَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُودُ
السَّلَامُ فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَاَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ
السَّلَامِ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ يَاذَ الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Ya Allah, Engkaulah kesejahteraan, dari Engkaulah asas kesejahteraan dan kepadaMu pula kembali kesejahteraan. Maka hidupkanlah aku dengan kesejahteraan dan masukkanlah aku ke dalam syurga negeri kesejahteraan. Maha Mulia Engkau Ya Allah yang memiliki kemegahan dan kemuliaan.

April 2015


DOA PENYERI WAJAH
وَأَلْقَيْتُ عَلَيْكَ مَحَبَّةً مِّنِّى
وَلِتُصْنَعَ عَلَىٰ عَيْنِىٓ
Dan Aku telah melimpahkan kasih sayang yang datang dari-Ku; dan supaya kamu diasuh di bawah pengawasan-Ku.
Surah Thaha : Ayat 39
اوروس ستيا كباجيكن، ڤمباڠونن كلوارڬ دان وانيتا كراجأن نڬري كلنتن
URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA
KERAJAAN NEGERI KELANTAN
Pejabat U-KeKWa, Aras 2, Blok 2, Kompleks Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu Kelantan
Tel: 09-747 6568/ 09-748 1957 Faks: 09-747 6510
Emel: ukekwa@kelantan.gov.my

53

# DOA PENYERI WAJAH

**Untuk menaikkan seri wajah, cuba amalkan ayat ini sebagai doa harian.**

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ إِنِّى رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا
وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِى سَٰجِدِينَ

**“(Ingatlah peristiwa) Ketika Nabi Yusuf berkata kepada bapanya: “Wahai ayahku! Sesungguhnya aku mimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan; aku melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku.””**

*Surah Yusuf : Ayat 4*

Mac 2021 | Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

الدُّنْيا مَتاعٌ وَخَيْرُ متاع الدنيا المَرْأَةُ الصَّالِحَة

Dunia ini adalah sebaik-baik perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita solehah

(HR. Muslim, Ibn Majjah & Nasaei)

# SAMBUTAN HARI SAYYIDATINA KHADIJAH 2021

## SEMPENA

## MEDIA RASMI

# ANJURAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# DENGAN KERJASAMA

# BADAN BUKAN KERAJAAN

# PENAJAAN

PKINK

MALAYSIAN PALM OIL COUNCIL

Persatuan Wanita Sejahtera Negeri Kelantan (WANIS)

# SENARAI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Seuntai Amanat Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan | 10 |
| Setitis Embun Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat | 13 |
| Sekapur Sireh Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan | 16 |
| Semanis Bicara Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan | 19 |
| Jawatankuasa Pelaksana Hari Sayyidatina Khadijah 2021 | 21 |
| Latar Belakang | 28 |
| Objektif | 30 |
| “Agar Dirimu Semulia Khadijah” | 31 |
| Atur Cara Hari Sayyidatina Khadijah 2021 | 36 |
| Definisi Reka Bentuk Logo Hari Sayyidatina Khadijah | 48 |
| Lagu Tema Hari Sayyidatina Khadijah | 52 |
| Tokoh HSK 2021 | 83 |
| Ikon HSK 2021 | 110 |
| Tokoh Wanita Parlimen 2021 | 127 |
| Tokoh Wanita DUN 2021 | 129 |

Ikon Wanita Parlimen 2021 132

Galeri Foto – Program Wanita Kelantan 134

Berita & Keratan Akhbar 137

Buku-buku U-KeKWa 138

Info Media Sosial Hari Sayyidatina Khadijah 144

Sekalung Penghargaan 145

Inisiatif Kelantan Cakna Wanita 147

Autograf 152

Iklan Penaja 154

# SEUNTAI AMANAT



**YAB DATO’ BENTARA KANAN**
Menteri Besar Kelantan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الأَنْبِيَاءِ وَ الْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِأَجْمَعِيْنَ

Firman Allah SWT yang bermaksud:
“*Hai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi wanita dengan jalan paksaan dan janganlah kamu menyusahkan mereka kerana hendak mengambil kembali sebahagian dari apa yang telah kamu berikan kepadanya, kecuali apabila mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah dengan mereka secara baik. Kemudian bila kamu tidak menyukai mereka, (maka bersabarlah) kerana mungkin kamu tidak menyukai sesuatu, padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak.*” (An-Nisa: 19)

Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) 2021 adalah suatu kesinambungan pengiktirafan peranan wanita dibawah lembayung pentadbiran Membangun Bersama Islam dalam membangunkan ummah dengan pelbagai peranan penting yang perlu dimainkan sama ada di rumah, tempat kerja dan dalam masyarakat.

Dalam ayat di atas dapatlah kita fahami bahawa wanita tidak boleh diperlakukan secara kasar atau dibebani dengan sesuatu yang bukan merupakan tanggungjawabnya. Hal yang demikian tidak diredhai oleh Allah.

Golongan wanita sangat perlu diberi perhatian, pendedahan dan pendidikan sejak kecil supaya golongan ini apabila menjadi seorang yang bernama ibu mampu memikul tanggungjawab yang besar dan hebat dalam mengurus rumah tangga, menjaga anak-anak dan membina.

Cara hidup yang relevan dan menepati kehendak syari'ah. Permulaan pendidikan anak-anak dari rumah yang tertanam dalam minda dan akhlak anak-anak akan mempengaruhi bagaimana seseorang itu membina jatidiri.

Suasana pandemik COVID-19 yang menguji kesabaran kita semua memperlihatkan besarnya peranan wanita terutamanya apabila rakyat perlu berada di rumah semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Saya selaku Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan bersyukur atas kesungguhan dan kesudian pihak U-KeKWa merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk membangkitkan kesedaran, mencipta peluang dan memberi perkhidmatan kepada golongan wanita supaya Negeri Kelantan akhirnya dapat melahirkan generasi masa hadapan yang terpimpin, terdidik dan berakhlak, bukan sahaja baik untuk Negeri Kelantan malah untuk seluruh alam, Insya Allah.

Saya juga mengharapkan agar masyarakat dapat mengambil manfaat dan peluang untuk turut serta dalam setiap program yang dilaksanakan oleh U-KeKWa supaya hasrat Kerajaan Negeri untuk melahirkan generasi rabbani dapat direalisasikan.

Saya menyeru semua agar pemerkasaan dan pemartabatan wanita memerlukan kerjasama semua pihak terutamanya golongan lelaki yang menjadi wali kepada wanita.

Marilah kita sama-sama menanam tekad untuk berperanan dalam mewujudkan keharmonian, keselesaan dan keselamatan di rumah, tempat kerja dan di mana- mana sahaja. Tarbiyyatul awlad yang berkesan dapat dilihat apabila wanita selaku pendidik awal mempunyai hati, jiwa dan minda yang tenang dan sihat. Ingatlah seorang insan itu lebih menghormati apabila dia sentiasa dihormati. Oleh itu, hormati dan hargailah wanita kerana di situlah bermula sebuah kehidupan seorang insan.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah buat YB Dato’ Hjh Mumtaz binti Md Nawi dan semua urusetia yang berkhidmat bagi menjayakan HSK tahun 2021.

Saya doakan agar program HSK ini dapat memotivasikan golongan wanita dan menjadikan mereka rasa dihargai oleh masyarakat. Sekian. Wassalam. Sirru ‘Ala Barakatillah, Sekian, Wassalam.

**** RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT ****

****MERAKYAT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN****

Dengan hormatnya,

**YAB DATO’ BENTARA KANAN**
**USTAZ DATO’ HAJI AHMAD BIN YAKOB,**
**S.J.M.K., D.J.M.K., J.P., S.M.K. (Kelantan)**
15 Syaaban 1442 / 29 Mac 2021

# SETITIS EMBUN

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI**
Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat



بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

إِنَّ ٱلْمُسْلِمِينَ وَٱلْمُسْلِمَٰتِ وَٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ
وَٱلْقَٰنِتِينَ وَٱلْقَٰنِتَٰتِ وَٱلصَّٰدِقِينَ وَٱلصَّٰدِقَٰتِ وَٱلصَّٰبِرِينَ
وَٱلصَّٰبِرَٰتِ وَٱلْخَٰشِعِينَ وَٱلْخَٰشِعَٰتِ وَٱلْمُتَصَدِّقِينَ
وَٱلْمُتَصَدِّقَٰتِ وَٱلصَّٰٓئِمِينَ وَٱلصَّٰٓئِمَٰتِ وَٱلْحَٰفِظِينَ
فُرُوجَهُمْ وَٱلْحَٰفِظَٰتِ وَٱلذَّٰكِرِينَ ٱللَّهَ كَثِيرًا
وَٱلذَّٰكِرَٰتِ أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ٣٥

*"Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar".*

(Surah Al-Ahzab: 35)

Segala pujian hanya untuk Allah S.W.T. selawat dan salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad ahli keluarga, para sahabat dan pengikut setia Baginda hingga ke akhir zaman.

Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan buat YB Dato' Hjh Mumtaz binti Md Nawi dan seluruh jawatankuasa atas usaha dan sumbangan bagi menjayakan Hari Sayyidatina Khadijah tahun 2021. Inovasi nama sambutan hari wanita bersempena nama Khadijah A.S merupakan salah satu usaha yang baik dalam menjadikan Ummul Mukminin sebagai inspirasi dan model terbaik kepada semua wanita bagi mencapai hasrat menjadi insan terbaik.

Bersesuaian dengan tema Hari Wanita di peringkat nasional, *Wanita Bangkit Mendepani Cabaran* - Khadijah A.S adalah wanita bijaksana yang mempersiapkan mindanya untuk berdepan dengan cabaran berdakwah yang bakal dilalui oleh suaminya. Walau situasi kita sekarang sudah lebih setahun berdepan dengan situasi COVID-19 yang melesukan dunia seluruhnya, namun kita harus manfaatkan keadaan sekarang untuk tidak lagi berlengah-lengah menambah baik keperibadian dan membina antibodi yang kuat dengan suntikan ilmu bermanfaat serta berusaha mempraktikkan dalam kehidupan harian kerana tidak mustahil kita mungkin berhadapan dengan cabaran yang lebih besar di masa-masa akan datang.

Suka saya maklumkan, pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) begitu komited meneruskan agenda Pemerkasaan Wanita bagi tahun 2021 dengan meningkatkan libatsama komuniti dalam melindungi wanita termasuk memberi sokongan dari sudut psikososial untuk keperluan rakyat. Fokus kedua penting ialah meningkatkan peluang menjana ekonomi dan mampu berdikari sekaligus mengurangkan kadar pengangguran di kalangan wanita B40. Ketiga ialah memperkukuhkan jaringan komunikasi dan penyampaian maklumat melalui kerjasama dengan lebih banyak NGO berkaitan wanita supaya mampu dicapai oleh kumpulan sasar di peringkat akar umbi.

Akhir kata, semoga sambutan Hari Sayyidatina Khadijah pada tahun ini akan menjadi lebih bermakna lagi diberkati dengan meningkatnya penyertaan wanita Kelantan secara lebih efektif dalam membangunkan keluarga, masyarakat dan negara dari segenap aspek.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

*Selamat Menyambut Hari Sayyidatina Khadijah 2021*

**YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff,**
**D.J.M.K.(Kelantan), S.M.K.**
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
4 Syaaban 14412/18 Mac 2021

*#WanitaBangkitMendepaniCabaran*
*#WanitaWajaNegara*
*#HariWanita2021*

# SEKAPUR SIREH



**YB DATO' PENGERUSI**

Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita,
Kerajaan Negeri Kelantan

بسم الله الرحمن الرحيم

مَنْ عَمِلَ صَٰلِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُۥ
حَيَوٰةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا۟
يَعْمَلُونَ ٩٧

*"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan". (Al-Nahl: 97)*

Pertamanya, marilah kita merafakkan syukur ke hadrat Allah S.W.T sempena **Hari Sayyidatina Khadijah 2021,** satu hari yang teristimewa buat wanita seluruh Kelantan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jazakumuLlah khayrul jazak, tahniah dan penghargaan kepada semua wanita yang telah menyumbang dalam pelbagai aspek kepada pembangunan Negeri Kelantan selama ini.

Sambutan kali ini berbeza kerana kita meraikannya dalam tempoh PKP akibat pandemik COVID-19, satu gandingan program semuka dengan norma baru dan secara maya. Seramai 94 orang tokoh wanita dan ikon wanita muda Kelantan telah dipilih  atas sumbangan mereka sebagai pengiktirafan, bakat dan budi mereka perlu disedari dan dihargai oleh masyarakat, negeri dan negara.

Selaras dengan semakan  Dasar Wanita Kelantan (2015-2030) maka pelan tindakan untuk wanita Kelantan telah diperkenalkan sejak 2019. Gagasan Wanita Kelantan (Solehah) ini telah diperincikan mengikut sub sektor dan sasaran yang tersendiri. Justeru, libatsama para wanita, lelaki dan keluarga mereka. Amatlah diharap dalam menjayakan gagasan ini dengan sebaiknya sekaligus menggapai cita-cita di akhirat dengan tidak melupakan peranan mereka di dunia hari ini.

Alhamdulillah, setelah genap 6 tahun Sambutan Hari Wanita Negeri ditukar kepada Hari Sayyidatina Khadijah, kini ikon Ummul Mukminin ini telah diangkat ke persada negara. Kesediaan dan pengiktirafan murni dan mulia ini oleh pelbagai pihak dalam negara merupakan satu syiar kejayaan kita dalam menginstitusikan Sayyidatina Khadijah sebagai satu model bukan sekadar sebutan nama  sahaja.

Kini, dengan kerjasama PUM dan institusi pengajian tinggi seperti UITM, KIAS dan UMK, Model Ummahatul Mukminin siri 1 iaitu Modul Usahawan Sayyidatina Khadijah (MUSK) sedang digubal berdasarkan kepada ciri-ciri yang mampu ditiru oleh tokoh wanita tempatan.

Doakan agar pembangunan modul wanita solehah   bersandarkan kepada tokoh-tokoh wanita Al-Quran dan pendamping para nabi ini dapat disiapkan dengan jayanya. Suri ummah yang menjadi bidadari dan serikandi perjuangan.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua Jawatankuasa Pelaksana HSK dengan kerjasama semua ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen yang bertungkus lumus demi menjayakan seluruh acara dan program pada tahun ini. Syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung menjayakan program ini.

Diharapkan usaha murni kita semua diterima sebagai amalan kebajikan dan diberikan ganjaran pahala oleh Allah s.w.t. Semoga program ini dapat memberi semangat kepada semua wanita di Kelantan terus menyumbang dalam pembangunan serta kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara. Semoga negeri Kelantan menjadi negeri yang disebut dalam Al-Quran sebagai *Baldatun Toyyibatun wa Rabbun Ghafur* (Negeri yang baik dan diampuni Tuhan) melalui usaha-usaha menyantuni para wanita sebagai tongkat serandang negeri ini. Siru ala Barakatillah.

Dengan hormatnya,

**YB DATO' HJH MUMTAZ MD. NAWI**
(D.J.M.K, J.M.K)
Exco,
Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Negeri Kelantan

# SEMANIS BICARA



**PENGARAH**

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita,
Kerajaan Negeri Kelantan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

Segala pujian kepada Allah SWT, Tuhan sekalian makhluk dan alam. Selawat dan salam ke atas junjungan agung Nabi Muhammad SAW serta para ahli bait dan para sahabat R.A.

Syukur ke hadrat Allah SWT di atas keizinan-Nya, Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah Negeri Kelantan dapat diteruskan bagi tahun 2021 walaupun di dalam suasana berbeza dan norma baharu.

Setinggi-tinggi penghormatan ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad bin Yaakob, Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan, Yang Berhormat Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Yang Berhormat Dato' Hjh Mumtaz binti Md Nawi, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita kerana sentiasa memberikan galakan, dorongan dan dokongan yang padu dalam meraikan wanita Kelantan melalui program Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah.

Sekalung penghargaan juga kepada seluruh ahli jawatankuasa program dan kakitangan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan yang telah mengerah seluruh tenaga dalam menjayakan program ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada

semua penaja yang telah memberikan sokongan dan sumbangan bagi kelangsungan program ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua sukarelawan yang sentiasa memberikan komitmen dan menjadi sebahagian dalam melancarkan program ini.

Kekangan pandemik COVID-19 tidak menjadi penghalang pihak Kerajaan Negeri Kelantan dalam mengadakan Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah sebagaimana tahun-tahun sebelumnya walaupun secara sederhana. Justeru, saya berharap semoga kelainan sambutan kali ini tetap mencapai segala objektif dan memberi impak maksima kepada seluruh wanita Negeri Kelantan secara khususnya dalam melahirkan wanita yang mendapat redha Allah swt.

Sekian, wassalam.

"Agar Dirimu Semulia Khadijah"
"Kelantan Cakna Wanita"

Salam hormat,

**ILVIRA MOHD DASUKI**
Pengarah
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan
Wanita Kelantan
(U-KeKWA)

# Jawatankuasa Pelaksana Hari Sayyidatina Khadijah 2021

# Jawatankuasa Induk

**Ex-Officio**
**YABhg. Datin Bentara Kanan**
**Hjh Siti Zabidah Abdul Hamid**
Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Dan Isteri Pegawai Tinggi Kerajaan Negeri Kelantan (PURNAMA)

**Pengerusi**
**YB Dato' Hjh. Mumtaz Md. Nawi**
Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita

**Timbalan Pengerusi**
**YB Rohani Ibrahim**
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita

**Ketua Pengarah**
**YBrs. Puan Ilvira Mohd Dasuki**
Pengarah
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita

**Timbalan Ketua Pengarah I**
**YABrs. Puan Hasmaryanti Kamaruzzaman**
Pengarah
Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Kelantan

**Timbalan Ketua Pengarah II**
**YBrs. Puan Mas Rozita Mas Mohamad**
Timbalan Pengarah
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita

**Pengarah Operasi**
**YBrs. Puan Nur Adyani Mohamed**
Penolong Pengarah Kanan Unit Pembangunan Wanita
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita

# Jawatankuasa Pelaksana Tertinggi

**YB Dato' Hjh Mumtaz Md Nawi**
Pengerusi Jawatankuasa

**YB Rohani Ibrahim**
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa

**Puan Ilvira Mohd Dasuki**
Ketua Pengarah

**Puan Hasmaryanti Kamaruzzaman**
Timbalan Ketua Pengarah I

**Puan Mas Rozita Mas Mohamad**
Timbalan Pengarah II

**Puan Nur Adyani Mohamed**
Pengarah Operasi

**Puan Norsham Shamsuddin**
Setiausaha

**Jawatankuasa Sekretariat & Pusat Maklumat**
1. Puan Samiah Abdullah
2. Puan Nor Mazlina Hasan
3. Puan Nur Hidayah Mohamad Zawawi
4. Encik Mohd Razali Mohd Din
5. Encik Muhamad Abdul Aziz Mohamed Zin
6. Encik Nurul Ikhwan Mohd Suhaimi
7. Puan Noor Hidayu Abd Ghani

**Petugas**
1. Puan Nur Liyana Fakruddin

**Jawatankuasa Ucapan & Resolusi**
1. Puan Norhasidah Ismail
2. Puan Nasywa Muhammad Ariff Bakhtiar

**Jawatankuasa Pereka Grafik**
1. Puan Farah Farhana Ab Malek
2. Puan Norazlina Mohd Nawi

**Jawatankuasa Pengurus Acara**
1. Puan Nik Nur Asma Zulykha Nik Hassan
2. Puan Susilawati Hasan
3. Puan Nur Aqilah Hasan
4. Puan Noor Haseken P Rameli
5. Puan Nazurah Razani
6. Puan Siti Nur Shakirah Suhaimi
7. Puan Nur Qayyimah Azmi

**Jawatankuasa Pengurus Emcee**
1. Puan Nur Hafizah Mat Husain
2. Puan Siti Farah Hamizah Hassan

**Jawatankuasa Komunikasi Media, Publisiti & Promosi**
1. Puan Badura Bakri
2. Dr. Khairul Afnan Khalid
3. Encik Nazman Che Ibrahim
4. Puan Shariah Derahman

**Petugas**
1. Puan Wan Hazirah Wan Jusoh

**Jawatankuasa Protokol, Penyambut Tetamu & Pegawai Pengiring**
1. Puan Norhaiti Ibrahim
2. Encik Muhammad Aminuddin Bunyamin
3. Encik Muhammad Ihsan Husain
4. Puan Nikmatul Zaikha Khamis
5. Puan Suhaila Ghazali
6. Encik Amirul Hisham Aimi Che Amran

**Petugas**
1. Puan Anis Alwani Wan Nawang
2. Puan Wan Hafizah Wan Hassan
3. Puan Nor Amaleen Mohamad
4. Puan Nur Aida Mohamad Shidik
5. Puan Nurul Fatihah Ismail
6. Puan Nik Noor Amira Abdul Aziz
7. Puan Nazihah Muhammad
8. Puan Siti Aisyah Abu Nipah
9. Puan Nur Ain Sofiah Khairuddin
10. Puan Anis Amalin Amran
11. Puan Wan Husna Nazirah Mohd Tarmizi
12. Puan Farah Farhana Mohamad
13. Puan Aida Fatiha Khairi Anuar
14. Puan Noor Hazlini Taib
15. Puan Fatin Nabihah Fathi Amin
16. Puan Norliana Mohd Nasir
17. Puan Noor Isha Hassan
18. Puan Ismalaily Ibrahim
19. Puan Nur Hanis Saari
20. Puan Wan Ainun Mardhiah Syamsudin
21. Puan Nur Qurrataa'ina Mohd Ruslan
22. Puan Farah Ilya Izzati Abd Aziz
23. Puan Nurul Husna Mohd Zaini
24. Puan Nurul Fariza Mohd
25. Puan Ummul Waiezah Ab Rahman
26. Puan Nik Nur Amni Sufiah A Rahman
27. Puan Siti Nur Atierah Abd Latiff
28. Puan Farah Hanan Najwa Abd Aziz
29. Puan Lubna Mohd Hilman
30. Puan Wan Qurratu'aini Wan Mamat Ramli
31. Puan Siti Nur Khairiyah Md Nawawi

32. Puan Nur Fatin Fakhira Junoh
33. Puan Fadhilah Mohd Nor
34. Puan Hiliah Amaanie Mohamed Nawi
35. Puan Aniss Sofea Meliana
36. Puan Nurul Saadatul Kaamilah Mohamed
37. Puan Nik Nur Anis Mohd Atuah
38. Puan Siti Filzah Aimuni Mohd Nazri
39. Puan Rohati Mat Nor
40. Puan Nur Aliya Syaffa' Khairuddin
41. Puan Ainur Jannah Hashim
42. Puan Nik Nur Hannan Omar
43. Puan Suriati Mohd Nasir
44. Puan Nur Bahiyah Abd Rashid @ Azman
45. Puan Noor Azimah Wan Razali
46. Puan Jamimah Din
47. Puan Balqis Athirah Muhammad Rathi
48. Puan Nur Shafiqah Najihah Azhar
49. Puan Nurul Azhariah Mohd Adanan
50. Puan Rosnormazita Mohamed
51. Puan Mariam Zakaria
52. Puan Noor Nadhira Amalin Md. Roseli
53. Puan Siti Mariam Che Hussin
54. Puan Suriani Mat Nor
55. Puan Nor Atikah Hassan
56. Puan Nazimah Abd Hamid
57. Puan Zuraida Mohd Saufi
58. Puan Rafidah Abdul Rahman
59. Puan Hazimah Khalifah
60. Puan Samsiah Chuyu Otoma
61. Puan Nurul Hidayah Ahmad Bakhari

**Jawatankuasa Persiapan Tempat**
1. Puan Nik Nur Nabilah Nik Mahmood
2. Encik Ahmad Mustapha Ab Azais
3. Encik Muhammad Faqih Muhammed

**Jawatankuasa Persegaran**
1. Puan Aimi Munirah Abd Aziz
2. Puan Shazwani Sanusi

**Petugas**
1. Puan Nur Farra Izyani Noor Yazid
2. Puan Siti Nur A'idah Elias
3. Puan Siti Munirah Abd Wahab

**Jawatankuasa Pengangkutan & Logistik**
1. Encik Muhammad Hilmi P. Rameli
2. Encik Muhammad Arif Mohd Nor
3. Puan Wan Nazihah Wan Yusoff

**Jawatankuasa Teknikal, Siaraya & Multimedia**
1. Puan Nik Safilah Mat Daud
2. Encik Mohd Redwan Ilias
3. Encik Muhammad Khairul Naim Mohd Jazli
4. Encik Khairul Asyraf Abu Bakar
5. Puan Shasliza Samsuddin
6. Puan Nurul Syuhada Jamaluddin

**Petugas**
1. Encik Muhammad Hafeezi Bahrudin
2. Encik Mohammad Syakiran Nafi
3. Encik Mohammad Naim Hakim Che Abdullah
4. Encik Ahmad Fahimie Mohamad Yusoff

**Jawatankuasa Pendaftaran dan Keselamatan**
1. Puan Nur Aina Othman
2. Puan Norma Mohamed Salleh
3. Puan Noraisyatul Izzati Omer @ Omar
4. Puan Siti Nur Athirah Mohamad Shaadi
5. Puan Nur Imana Balqis Ramli
6. Puan Noratikah Che Yusof
7. Briged Muslimat Kelantan

**Petugas**
1. Puan Humaira' Aishah Muhamad Nasir

**Jawatankuasa Cenderamata**
1. Puan Rabiatul Adawiah Yusof
2. Puan Nurul Adilah Che Soh
3. Puan Noor Hiluani Shafie
4. Puan Wan Nor Fatihah Wan Din

**Jawatankuasa Penajaan**
1. Dr Wan Martina Wan Yusoff
2. Puan Hajah Ahlaami Ab. Halim
3. Puan Rosemaliza Muhamad
4. Puan Norsaniah Omar

**Jawatankuasa Tugas-tugas Khas**
1. Puan Rahimah Rani

**Jawatankuasa Tokoh**
1. Puan Nur Sabrina Shaari
2. Puan Siti Amani Mohd Rahim
3. Puan Siti Aisyah Abdul Rahim
4. Puan Nur Farhana Md Noor

**Koordinator Daurah Wanita Istimewa *Online***
1. Puan Tuan Azura Raja Ismail
2. Puan Nik Nurul Atikah Nik Mahmud
3. Puan Siti Nur Syuhada' Ismail
4. Puan Wan Husnul Amni Wan Mohamed
5. Puan Nurzalinaiza Indah Zakaria

**Koordinator Di Bawah Naungan Satu Ayat *Online***
1. Puan Mazidah Muhammad
2. Puan Wan Nor Ainon Wan Abdullah
3. Puan Nurul Huda Mamat
4. Puan Haziqah Fasihah Hamzah
5. Puan Aimi Solehah Shamsul Amri

**Koordinator Ekspo Wanita *Online***
1. Puan Bazilah Kamaruldin
2. Puan Nur Aisyah Mohamad Adnan
3. Puan Siti Nur Hidayah Razali
4. Puan Nurul Amalina Hamzah

**Petugas**
1. Puan Siti Fatimah Azzarah Jusof

**Koordinator Karnival Kerjaya**
1. Puan Nur Laila Matlin
2. Encik Mohamad Farid Bin Ahmed
3. Puan Nor Baizura Ismail
4. Puan Noraziah Yusoff
5. Puan Edilla Elissa Ahmad
6. Puan Nurul Hidayah Isa
7. Puan Nursyazwani Ab Ghani

**Koordinator Majlis Acara Dan Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah**
1. Puan Siti Nurhajartum Akmal Mohammad
2. Puan Norsham Shamsuddin
3. Puan Nur Syazwani Abdullah
4. Puan Nurhidayah Razali

**Petugas**
1. Puan Nur-Syafiqqa Me

“Lakukanlah kebaikan sekecil apapun, karena engkau tidak pernah tahu kebaikan yang mana yang akan membawamu ke syurga."

Imam Hasan Al-Basri

# Latar Belakang Hari Sayyidatina Khadijah

Islam telah mengangkat martabat serta darjat para wanita dan mengiktiraf peranannya selari dengan dasar Membangun Bersama Islam. Sejarah telah merekodkan bahawa Sayyidatina Khadijah, isteri Rasulullah S.A.W adalah antara individu yang penting dalam mendokong kerja dakwah Rasulullah S.A.W, malahan sanggup mengorbankan diri dan harta bagi memastikan Islam dapat disebarkan ke serata alam. Surah An-Nisa', surah yang keempat dalam Al-Quran membawa mesej bahawa Islam mengangkat darjat seorang wanita.

Peranan wanita sebagai ibu, pendidik dan penggerak masyarakat amat penting dalam membawa perubahan kepada pembangunan masyarakat dan tamadun bagi sesebuah negara. Sumbangan aktif kaum wanita terhadap pembangunan negeri dan negara perlu disedari dan dihargai oleh masyarakat.

Semenjak tahun 1990, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengadakan pelbagai program dan penganugerahan kepada wanita Kelantan dengan penganjuran program seperti Hari Wanita Kelantan, Hari Ibu Mithali, Hari Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan, Hari Suri Mithali, Hari Polis, Hari Ibubapa, Sambutan Hari Jururawat, Sambutan Hari Guru dan pelbagai sambutan bagi menghargai jasa bakti mereka terhadap keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

Bermula pada tahun 2015, nama Hari Wanita Kelantan telah ditukarkan kepada nama Hari Sayyidatina Khadijah. Sebelum ini, Hari Sayyidatina Khadijah telah disambut setiap tahun di peringkat 45 Dewan Undangan Negeri (DUN), kawasan parlimen dan di peringkat negeri.

Program Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah atau ringkasnya HSK ini adalah satu inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan untuk menghargai sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh wanita khususnya wanita Kelantan sepanjang 25 tahun pentadbiran Kerajaan Membangun

Bersama Islam dibawah kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, kemudian disambung di bawah pentadbiran YAB Dato’ Bentara Kanan Ustaz Dato’ Ahmad Bin Yakob bermula pada tahun 2013 dengan tema Merakyatkan Membangun Bersama  Islam sehingga sekarang.

Pada tahun ini bersempena sambutan 31 tahun Merakyat Membangun Bersama Islam, sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2021 telah diraikan bersama tokoh–tokoh dan ikon yang menjadi ikutan semasa dan banyak memberi sumbangan di peringkat DUN, parlimen dan negeri.

Pada hari pertama acara berlangsung, anugerah akan disampaikan kepada 45 orang Tokoh Wanita DUN yang dipilih daripada 45 DUN di Kelantan. Seterusnya, 14 orang wanita muda yang mewakili 14 parlimen akan menerima anugerah Ikon Wanita Parlimen bagi menghargai jasa dan sumbangan mereka di parlimen masing-masing.

Kemuncak acara yang berlangsung pada tahun ini akan diadakan penganugerahan kepada 14 Tokoh Wanita Parlimen,  Tokoh HSK 2021 dan Ikon HSK 2021. Kerajaan Negeri Kelantan akan menganugerahkan 13 anugerah tokoh dan anugerah khas iaitu Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid, Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar, Tokoh Siti Aminah Abd Wahab, Tokoh Zinnirah Al-Rumiyah, Tokoh Sayyidatina Zainab Khuzaimah, Tokoh Al-Khansa’ Amru, Tokoh Sayyidatina Mariah Al-Qibtiyah, Tokoh Siti Hajar Al-Qibtiyah, Tokoh Juwairiyah Al-Harith, Anugerah Khas Wanita Orang Asli, Anugerah Khas Wanita Bukan Islam, Anugerah Khas Pendidikan dan Anugerah Jasamu Dikenang. Manakala, 8 anugerah Ikon akan turut diberikan iaitu Ikon Usahawan, Ikon Pendidikan, Ikon Kepimpinan, Ikon Kemasyarakatan, Ikon Kesenian, Ikon Sukan, Ikon Inovatif dan Anugerah Ikon Khas Juri.

# Objektif

1. Meraikan dan mengiktiraf peranan dan jasa bakti wanita dalam pembangunan negeri dan menjadikan program ini sebagai platform untuk mempromosikan pencapaian wanita Kelantan.

2. Mengangkat dan meletakkan nama serta personaliti Sayyidatina Khadijah sebagai ikon semua wanita dalam semua aspek kehidupan peribadi, keusahawanan, keluarga, kepimpinan dan masyarakat.

3. Menyediakan satu wadah kepada wanita untuk beramah mesra di samping bertukar buah fikiran, pandangan dan berkongsi pendapat dalam urusan berkaitan wanita secara lebih kondusif.

# “Agar Dirimu Semulia Khadijah”

Mulianya Sayyidatina Khadijah R.A Siapa yang tidak mengenali Sayyidatina Khadijah, wanita unggul yang setia di samping Rasulullah S.A.W. Beliaulah isteri, teman, ibu dan pejuang yang harus dicontohi oleh generasi hari ini. Adakah kita mampu menjadi insan semulia Sayyidatina Khadijah? Menyelusuri perjalanan hidup Sayyidatina Khadijah, menjadi satu kewajipan kepada muslimat hari ini yang diselubungi oleh perang pemikiran, keruntuhan akhlak dan berlakunya tradisi-tradisi yang mengandungi unsur-unsur kekufuran dan amalan jahiliyah dalam kehidupan harian.

Peranan Sayyidatina Khadijah sebagai isteri, teman, ibu dan pejuang tidak boleh dinafikan oleh sesiapapun hatta oleh orientalis barat sekalipun yang sentiasa cuba memaparkan unsur-unsur negatif dalam kehidupan Sayyidatina Khadijah bersama Rasulullah S.A.W. Hebat dan mulianya Sayyidatina Khadijah hinggakan Jibrail A.S datang menemui Rasulullah yang ketika itu Sayyidatina Khadijah berada di sisi baginda. Jibrail A.S berkata kepada Sayyidatina Khadijah, “Allah mengucapkan salam kedamaian kepadamu wahai Khadijah,” Maka Sayyidatina Khadijah menjawab, “Sesungguhnya Allah adalah kedamaian. Semoga kedamaian, rahmat dan berkatnya tercurah ke atas Jibrail serta ke atasmu.” Mulianya Sayyidatina Khadijah hingga Allah mengirimkan salam padanya. Kita mungkin tidak sehebat Sayyidatina Khadijah, namun biarlah kehidupan kita para muslimat hari ini mencontohi akhlak dan peribadi yang dimiliki oleh Sayyidatina Khadijah.

Sayyidatina Khadijah R.A ialah wanita pilihan Allah yang layak untuk dijadikan isteri kepada Muhammad bin Abdullah yang diangkat menjadi Nabi dan Rasul akhir zaman. Sebagai isteri, Sayyidatina Khadijah tidak pernah mengabaikan segala keperluan Nabi dan sentiasa menjadi penenang kepada Nabi di kala Nabi dalam ketakutan disaat menerima wahyu daripada Jibrail A.S di Gua Hira’, menjadi penghibur di kala Nabi dilanda kesedihan akibat ditolak oleh kaumnya sendiri dan menjadi penyelamat di saat Nabi dalam kesempitan yang memerlukan pengorbanan segala harta benda.

Di saat Rasulullah merasa ketakutan ketika menerima wahyu daripada Jibril A.S di Gua Hira', dan merasa kesulitan, lantas apa yang diucapkan Sayyidatina Khadijah kepada baginda, "Janganlah begitu, bergembiralah! Demi Allah, Allah tidak akan mengkhianatimu, selama-lamanya. Demi Allah! Sesungguhnya, engkau telah menyambung tali silaturrahim, berkata benar, memikul beban orang lain, suka mengusahakan sesuatu yang tidak ada, meraikan tetamu dan sentiasa membela kebenaran, lembut tutur katanya namun cukup membina yang menjadikan perasaan dan jiwa Rasulullah S.A.W. tenang kembali. (HR. Muttafaq 'alaih).

Seorang isteri hendaklah menjaga amanah suaminya, menjaga maruah dan kehormatannya di kala ketiadaan suami, menjaga rumahtangga dan harta serta mendidik anak-anak agar tidak tergelincir dari landasan Islam. Isteri yang solehah tidak harus meragui suaminya dan meletakkan kepercayaan terhadap suami yang tidak berbelah bahagi. Sebagaimana Sayyidatina Khadijah yang meletakkan kepercayaan yang sepenuhnya terhadap apa yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W. dan tanpa ragu-ragu menerimanya yang menjadikan beliau sebagai wanita pertama memeluk Islam. Keputusannya memeluk Islam bukan disebabkan ikut-ikutan atau kepura-puraan untuk sekadar menarik hati Muhammad S.A.W., melainkan kerana benar-benar terkesan dan yakin untuk menerimanya. Demikianlah seharusnya bagi seorang wanita muslimah di dalam keluarganya. Tidak ada yang diinginkan bagi seorang suami melainkan seorang isteri yang dapat menerimanya seadanya, percaya dan yakin kepadanya serta selalu membantunya ketika sulitnya.

Sayyidatina Khadijah ialah ibu mithali yang wajar dicontohi oleh setiap wanita yang bergelar ibu pada hari ini. Bagaimana Sayyidatina Khadijah mendidik anak-anaknya hingga menjadi anak-anak dan ibu yang solehah, harus diikuti. Hasil didikan Sayyidatina Khadijah, anakandanya Fatimah diberi pengiktirafan oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad sebagai sebaik-baik wanita di dunia ini selain Maryam binti 'Imran, Asiyah puteri Muzahim (isteri Firaun), dan Khadijah binti Khuwailid.

Sebagai seorang ibu, muslimat hari ini sewajarnya mendidik anak-anak dengan ajaran Islam yang sebenarnya. Ibu-ibu moden pada hari ini berdepan dengan cabaran yang sangat hebat dalam mendidik anak-anak generasi Y dan Z yang terdedah dengan dunia tanpa sempadan. Pengaruh internet dan telefon pintar amat sukar dibendung dan mampu menenggelamkan generasi muda ke dunia alam maya yang mengkhayalkan. Hanya Islamlah yang mampu menyelamatkan generasi muda hari ini dari terus dibuai oleh keseronokan yang tiada penghujung ini. Bagaimana penyelesaiannya? Kembali kepada cara didikan yang berteraskan Islam adalah jalan penyelesaian terbaik kepada masalah remaja hari ini. Di sinilah ibu memainkan peranan penting untuk mendidik anak-anak sedari kecil dengan ajaran Islam yang syumul.

Sayyidatina Khadijah adalah pejuang Islam yang turut sama berjuang bersama Rasulullah S.A.W. dalam menegakkan syiar Islam di bumi Arab. Sayyidatina Khadijah tidak pernah berkira dalam mengorbankan segala harta bendanya demi Islam dan membantu perjuangan suaminya Nabi Muhammad S.A.W. Bagaimana dengan kita? Adakah kita merelakan diri kita untuk berjuang demi agama Allah ini? Atau kita masih berdolak dalik dengan pelbagai alasan untuk turut sama berjuang?

Mulianya Sayyidatina Khadijah sehingga beliau sanggup menginfakkan dirinya sendiri untuk perjuangan Islam. Di saat Sayyidatina Khadijah tenat kerana menderita sakit akibat pemulauan puak kafir Quraisy terhadap Bani Hasyim, Sayyidatina Khadijah sempat berbicara kepada Rasulullah S.A.W.: "Seandainya kesakitanku ini membawa kematianku dan orang Quraisy akan terus menyakitimu, dan tidak ada benda lagi yang boleh aku berikan kepadamu, pada saat itu Ya Rasulullah, sekiranya kau rasakan perlu, kau cungkillah tulang rusukku ini, kau ambillah ia dan kau jadikan ia pedang untuk mempertahankan dirimu dan agama ini Ya Rasulullah."

Kalau Sayyidatina Khadijah R.A. rela mengorbankan seluruh harta bendanya untuk perjuangan Islam, takkanlah kita hari ini tidak mampu menghulurkan walaupun sedikit bantuan untuk menyokong perjuangan umat Islam yang dianiayai dan ditindas. Takkanlah kita hanya mahu

menjadi penonton kepada kekejaman pihak kuffar yang ingin menghancurkan umat Islam. Agama Islam yang ditegakkan oleh Rasullullah S.A.W. didokong oleh isteri tercinta Sayyidatina Khadijah R.A. dan para sahabat baginda, hendaklah kita pertahankan dengan seluruh jiwa dan raga.

Sayyidatina Khadijah telah lama pergi meninggalkan kita, namun kemuliaan yang dimilikinya biarlah menjadi inspirasi dan teladan buat para muslimat hari ini. Contohilah Sayyidatina Khadijah R.A.  Jadikanlah Sayyidatina Khadijah RA sebagai idola dalam menjalani kehidupan sebagai seorang isteri, teman, ibu dan pejuang dalam menjalankan syariat yang diwariskan oleh Rasulullah S.A.W. Jika di belakang Rasullah S.A.W. berdirinya Sayyidatina Khadijah R.A. sebagai pendokong dan penyokong kepada kejayaan Nabi, maka biarlah di sebalik kejayaan suami hari ini berdirinya kita sebagai pendamping, seorang isteri yang bersedia membantu walau dalam apa jua keadaan.

Kisah hidup para pejuang wanita Islam di zaman silam perlu ditonjolkan untuk tatapan generasi muda hari ini agar dapat diambil iktibar dan dijadikan ibrah dalam kehidupan. Remaja hari ini memuja dan mencontohi individu yang tidak layak untuk dijadikan teladan. Justeru menjadi tanggungjawab keluarga, masyarakat dan kerajaan untuk menonjolkan tokoh-tokoh wanita Islam yang telah berjaya mencorak dunia dan melakar sejarah agar lebih dikenali serta dicintai oleh generasi muda hari ini.  Marilah sama-sama kita mendidik diri kita agar bisa menjadi sehebat dan semulia Sayyidatina Khadijah binti Khuwailid R.A. Sayyidatina Khadijah, sungguhpun dirimu telah lama pergi, perjuanganmu dan cinta kasihmu terus mekar menjadi tatapan generasi hari ini.

Sumbangan Artikel Oleh:
Awanis Mohd
Johan Pertandingan Pengkisahan Tokoh Kenegaraan
Peringkat Kebangsaan 2005
27 Syawal 1437 H Bersamaan 1 Ogos 2016

"Islam menaikkan darjat wanita dari dasar bumi sehingga pada akhirnya syurga diletakkan di bawah kakinya.”

Dr. Maulana Ansari

# Pra Sambutan
# Hari Sayyidatina Khadijah
# 2021

**Pra Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2021 -**
**Daurah Wanita *Online* Parlimen**
***Tema : "Ummul Mukminin, Suri Ummah Sepanjang Zaman"***

*Link Facebook* HSK 2021 : https://bit.ly/3vGVZoa

**1 - 14 Sya'ban 1442 / 14 - 28 Mac 2021 (2 Minggu)**

| 14 MAC 2021 (AHAD) | 15 MAC 2021 (ISNIN) | 16 MAC 2021 (SELASA) | 17 MAC 2021 (RABU) | 18 MAC 2021 (KHAMIS) | 19 MAC 2021 (JUMAAT) | 20 MAC 2021 (SABTU) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| TUMPAT | PENGKALAN CHEPA | KOTA BHARU | PASIR MAS | RANTAU PANJANG | KUBANG KERIAN | BACHOK |
| **21 MAC 2021 (AHAD)** | **22 MAC 2021 (ISNIN)** | **23 MAC 2021 (SELASA)** | **24 MAC 2021 (RABU)** | **25 MAC 2021 (KHAMIS)** | **26 MAC 2021 (JUMAAT)** | **27 MAC 2021 (SABTU)** |
| KETEREH | TANAH MERAH | PASIR PUTEH | MACHANG | JELI | KUALA KRAI | GUA MUSANG |

# Atur Cara Majlis Hari Sayyidatina Khadijah 2021

| **29 MAC 2021 (ISNIN)<br>15 SYA'BAN 1442** | **30 MAC 2021 (SELASA)<br>16 SYA'BAN 1442** | **31 MAC 2021 (RABU)<br>17 SYA'BAN 1442** |
|---|---|---|
| **8.00 pg – 12.00 t/hari**<br>Di Bawah Naungan Satu Ayat Online | **8.00 pg – 12.00 t/hari**<br>Daurah Wanita Istimewa Online | **8.00 pg – 1.00 t/hari**<br>Majlis Acara Sambutan HSK 2021 |
| Dalam Talian<br>(Page *Facebook*) | Dalam Talian<br>(Page *Facebook*) | Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim |
| **9.30 pg – 12.30 t/hari**<br>Karnival Kerjaya Wanita 2021 | **9.30 pg – 12.30 t/hari** | |
| | **2.30 ptg – 4.30 ptg** | |
| | Karnival Kerjaya Wanita 2021 | |
| Crystal Colour Avenue | Crystal Colour Avenue | |
| **1.30 ptg – 4.00 ptg**<br>Pra Penganugerahan Anugerah HSK 2021 | | |
| Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim | | |
| **2.30 ptg– 4.30 ptg**<br>Karnival Kerjaya Wanita 2021 | | |
| Crystal Colour Avenue | | |

# Atur Cara Majlis Hari Sayyidatina Khadijah 2021

**Hari Pertama – Di Bawah Naungan Satu Ayat *Online*, Pra - Penganugerahan Hari Sayyidatina Khadijah 2021**

Link *Facebook* HSK 2021 : https://bit.ly/3vGVZoa
Link *Facebook* PSSH : https://bit.ly/3sbZkJK

**15 Sya'ban 1442 / 29 Mac 2021 (Isnin)**

| Masa | Aktiviti | Lokasi |
|---|---|---|
| 8.00 pagi – 12.00 tengah hari | Di Bawah Naungan Satu Ayat *Online* | Dewan Bunga Teratai, Kota Darulnaim |
| 1.30 petang – 4.00 petang | Pra - Penganugerahan Hari Sayyidatina Khadijah 2021 | Dewan Bunga Teratai, Kota Darulnaim |

## Atur Cara Di Bawah Naungan Satu Ayat *Online*

| *MASA* | *AKTIVITI* |
|---|---|
| 8.00 pagi : | Pendaftaran / Kehadiran Peserta |
| | Sarapan Pagi |
| 8.50 pagi: | Ucapan Aluan Pengacara Majlis |
| 9.00 pagi: | Di Bawah Naungan Satu Ayat, Buku 'Suri Hati Tok Guru'<br>Panel 1 : YBhg. Ustazah Wan Nor Ainon Wan Abdullah<br>Panel 2 : YBhg. Puan Nik Amalina Nik Abdul Aziz<br>Panel 3 : Ybhg. Puan Nor Haniza Taib<br>Panel 4 : YBhg. Puan Nurhamizah Salleh<br><br>Moderator : YBhg. Puan Nurhamizah Salleh |
| 10.30 pagi: | Sesi Soal Jawab |
| 11.00 pagi: | Selesai |
| 12.00 t/hari: | Solat Zohor, Rehat & Makan Tengah Hari |

## Atur Cara Pra - Penganugerahan Anugerah Hari Sayyidatina Khadijah 2021

| *MASA* | *AKTIVITI* |
|---|---|
| 01.30 t/hari: | Pendaftaran / Kehadiran Peserta |
| 02.00 petang: | Ucapan Aluan Pengacara Majlis |
| 02.10 petang: | Ucapan Aluan<br>Oleh: YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi<br>Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga, dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan |
| 02.30 petang: | Penyampaian<br>Pra Penganugerahan Hari Sayyidatina Khadijah 2021<br>1) Tokoh Wanita DUN<br>2) Ikon Wanita Parlimen |
| 04.00 petang: | Minum Petang & Bersurai |

# Atur Cara Karnival Kerjaya Wanita 2021

**Hari Pertama – Karnival Kerjaya Wanita 2021 Peringkat Negeri Kelantan Bersempena Hari Sayyidatina Khadijah**

**15 Sya'ban 1442 / 29 Mac 2021 (Isnin)**

| Masa | Aktiviti | Lokasi |
|---|---|---|
| SESI PAGI | | |
| 9.30 pagi – 10.30 pagi | Revolusi Industri 4.0: 'Go Digital'<br>Kelantan ICT Gateway | Crystal Colour Avenue |
| 10.30 pagi – 12.30 tengahari | Ketrampilan Dalam Kerjaya<br>Tuan Sophian Bin Ab Rahman<br>Penolong Datuk Paduka Maharaja Lela<br>Istana Negara | |
| SESI PETANG | | |
| 2.30 petang – 3.30 petang | Tenang Dan Tindak: Demonstrasi Pertolongan Cemas<br>St Johns Ambulans | Crystal Colour Avenue |
| 3.30 petang – 4.30 petang | Penjanaan Pendapatan Melalui Bisnes Penghantaran Makanan<br>COD Chef | |

# Atur Cara Majlis
# Hari Sayyidatina Khadijah 2021

**Hari Kedua – Daurah Wanita Istimewa *Online***

Link *Facebook* HSK 2021 : https://bit.ly/3vGVZoa

**16 Sya'ban 1442 / 30 Mac 2021 (Selasa)**

| Masa | Aktiviti | Lokasi |
|---|---|---|
| 8.00 pagi – 12.30 tengah hari | Daurah Wanita Istimewa *Online* | Dewan Bunga Teratai, Kota Darulnaim |

# Atur Cara Daurah Wanita Istimewa Online

| *MASA* | *AKTIVITI* |
|---|---|
| 8.00 pagi: | Pendaftaran Peserta Dan Sarapan Pagi |
| 9.00 pagi: | Ucapan Aluan Pengerusi Majlis |
| 9.10 pagi: | Forum "Sayyidatina Khadijah, Suri Mithali Sepanjang Zaman"<br><br>Panel 1 : YBhg. Datuk Dr. Norhafizah Musa<br>Tokoh Pendakwah Selebriti Kelantan 2019<br><br>Panel 2 : YBhg. Dr Nik Rosmawati nik husain<br>Tokoh Wanita HSK 2018<br><br>Panel 3 : Puan Zawati Ibrahim<br>Pengasas JATIMAS<br><br>Moderator : YBhg. Puan Hamidah Abdul Razak<br>Johan Program Da'i Musim Ke-3 |
| 11.30 pagi: | Sesi Soal Jawab |
| 12.00 t/hari: | Tayangan Montaj Video |
| 12.05 t/hari | Ketibaan YB Dato' Hjh Mumtaz Md Nawi<br>Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan,<br>Pembangunan Keluarga, Dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan |
| 12.15 t/hari: | Ucapan Aluan<br>Oleh: YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi<br>Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan,<br>Pembangunan Keluarga, Dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan |
| 12.30 t/hari: | Solat Zohor, Rehat & Makan Tengah Hari |

# Atur Cara Karnival Kerjaya Wanita 2021

**Hari Kedua – Karnival Kerjaya Wanita 2021 Peringkat Negeri Kelantan Bersempena Hari Sayyidatina Khadijah**

**16 Sya'ban 1442 / 30 Mac 2021 (Selasa)**

| Masa | Aktiviti | Lokasi |
|---|---|---|
| SESI PAGI | | |
| 9.30 pagi – 10.30 pagi | Platform Digital – E-Rezeki dan Global Online Workforce (GLOW)<br>Malaysia Digital Economy Corporation (MDec) | Crystal Colour Avenue |
| 10.30 pagi – 11.30 pagi | Pengurusan Kewangan Berhemah<br>Agensi Kawalan Dan Pengurusan Kredit (AKPK) | |
| 11.30 pagi – 12.30 tengahari | Taklimat Latihan Keusahawanan dan Pembiayaan<br>SME Corp | |
| SESI PETANG | | |
| 2.30 petang – 3.30 petang | Perasmian Penutup Karnival Kerjaya Wanita 2021 Peringkat Negeri Kelantan bersempena Hari Sayyidatina Khadijah | Crystal Colour Avenue |
| 3.30 petang – 4.30 petang | Penjanaan Pendapatan Melalui Bisnes Penghantaran Makanan<br>OdaMakan<br>AuntieRose | |

# Atur Cara Majlis
# Hari Sayyidatina Khadijah
# 2021

**Hari Ketiga – Majlis Acara Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah**

**17 Sya'ban 1442 / 31 Mac 2021 (Rabu)**

| Masa | Aktiviti | Lokasi |
|---|---|---|
| 8.00 pagi – 1.00 tengah hari | Majlis Acara Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah | Dewan Bunga Teratai, Kota Darulnaim |

## Atur Cara Majlis Acara Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah

| *MASA* | *AKTIVITI* |
|---|---|
| 8.00 pagi | Pendaftaran Peserta dan Sarapan Pagi |
| 8.30 pagi | Persembahan Nasyid |
| 8.45 pagi | Ketibaan :<br>YB Dato' Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga Dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan<br><br>YB Dato' Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat |
| 9.00 pagi | Ucapan Aluan Pengacara Majlis |
| 9.10 pagi | Bacaan Ayat Suci Al-Quran |
| 9.20 pagi | Ucapan Aluan<br>Oleh: Puan Ilvira Mohd Dasuki<br>Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kelantan |
| 9.40 pagi | Ucaptama HSK 2021<br>Oleh: YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi<br>Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan |
| 10.00 pagi: | Ucapan Perasmian HSK 2021<br>Oleh: YB Dato' Hajah. Siti Zailah Mohd Yusoff<br>Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| 10.20 pagi | Gimik Perasmian HSK 2021 & Pelancaran Bantuan Khas Cakna Hawa |
| 10.40 pagi | Penyampaian Anugerah Hari Sayyidatina Khadijah 2021<br>Tokoh Wanita Peringkat Parlimen 2021 |
| 11.20 pagi | Persembahan Nasyid |

| *MASA* | *AKTIVITI* |
| --- | --- |
| 11.40 pagi | Penyampaian Anugerah Hari Sayyidatina Khadijah 2021 |

1. Ikon Wanita 2021
    1) Ikon Usahawan
    2) Ikon Pendidikan
    3) Ikon Kepimpinan
    4) Ikon Kemasyarakatan
    5) Ikon Kesenian
    6) Ikon Sukan
    7) Ikon Inovatif
    8) Ikon Khas Juri

2. Tokoh Wanita dan Anugerah Khas 2021

a. Tokoh Wanita
    1) Tokoh Khadijah Khuwailid (Keusahawanan)
    2) Tokoh Aisyah Abu Bakar (Pendidikan)
    3) Tokoh Aminah Abd Wahab (Armalah/ Ibu Tunggal)
    4) Tokoh Zinnirah Al-Rumiyah (Orang Kurang Upaya)
    5) Tokoh Zainab Khuzaimah (Kemasyarakatan)
    6) Tokoh Al-Khansa' Amru (Kesenian)
    7) Tokoh Mariah Al-Qibtiyah (Mualaf)
    8) Tokoh Siti Hajar Al-Qibtiyah (Inovatif)
    9) Tokoh Sayyidatina Juwairiyah Al-Harith ( Influencer)

b. Anugerah Khas
    1) Anugerah Khas Wanita Orang Asli
    2) Anugerah Khas Wanita Bukan Islam
    3) Anugerah Khas Pendidikan
    4) Anugerah Jasamu Dikenang

| | |
| --- | --- |
| 1.00 t/hari | Bersurai dan Makan Tengah Hari |

فَلَا تَخْضَعْنَ بِٱلْقَوْلِ فَيَطْمَعَ ٱلَّذِى فِى قَلْبِهِۦ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا

"Janganlah perempuan-perempuan itu terlalu lunak dalam berbicara sehingga berkeinginan (menghairahkan) orang yang ada perasaan dalam hatinya, tetapi ucapkanlah perkataan-perkataan yang baik“

(Surah Al Ahzab : 32)

# Definisi
# Reka Bentuk Logo
## Hari Sayyidatina Khadijah

**Pendahuluan**

Logo Hari Sayyidatina Khadijah telah dicipta sempena Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016 anjuran Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan (UPWK) yang kini dikenali sebagai Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa).

Logo HSK





**Bentuk 'Bunga Cempaka'**

- ❑ Bentuk 'bunga' melambangkan wanita dan sifat kewanitaan.
- ❑ Bunga Cempaka dalam konteks budaya muslimah Kelantan, bunga ini sentiasa diletakkan bersama telekung solat di dalam sejadah atau dipakai bersama sanggul di rambut bertujuan mendapatkan harumannya. Ia melambangkan kasih sayang dan kesucian.
- ❑ Bunga Cempaka berasal dari negara-negara tropika namun sudah diangkat menjadi bunga antarabangsa disebabkan kelebihan harumannya. Keadaan ini bersignifikan dengan hasrat U-KeKWa mengangkat imej lebih ramai wanita Kelantan ke peringkat antarabangsa melalui dasar-dasar yang sudah digubal dan program-program yang telah dilaksanakan.

**Tujuh Kelopak Bunga**

Melambangkan kepelbagaian, kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh Wanita Kelantan merangkumi 7 bidang utama iaitu;

i. Pengurusan & pentadbiran.
ii. Pendidikan dan dakwah (termasuk dalam kategori ini ialah para ibu yang memberi pendidikan informal di rumah, para pendidik di sekolah dan universiti, menjadi pakar akademik dalam pelbagai bidang. Contoh: Agama, sains, kesusasteraan, undang-undang sivil dan syariah, ekonomi dan lain-lain).
iii. Keusahawanan (menjana ekonomi keluarga dan negara).
iv. Pertanian dan Penternakan.
v. Politik (termaktub dalam sejarah, wanita Kelantan terlibat dengan politik sejak berabad lamanya. Antara nama yang masyhur ialah Raja Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong).
vi. Penulisan (dalam pelbagai genre).
vii. Kesenian dan kebudayaan (termasuk di dalamnya berqasidah, tilawah bertarannum, kraftangan dan lain-lain).

**7 Kelopak** juga merupakan simbol kepada:

i. 7 hari seminggu: Wanita Kelantan sangat menghargai hari-hari kurniaan Allah SWT, lalu diterjemahkan dengan sifat memanfaatkannya dengan pengisian dan jadual yang seimbang antara diri, keluarga dan masyarakat.
ii. 7 petala langit dan 7 lapisan bumi: Sifat muslimah Kelantan yang banyak mengingati dan tafakkur pada kebesaran Allah SWT
iii. 8 syurga dan 7 neraka: Sifat banyak mengingati akhirat dan berwawasan akhirat. ‘Ingat akhirat’ mampu menjadi pemangkin seseorang berusaha yang terbaik untuk dunia dan akhiratnya.

**Tulisan Jawi "Khadijah" Berwarna Merah**

Melambangkan cinta wanita Kelantan dalam mendaulatkan Islam sebagai cara hidup kerana tulisan Jawi sangat akrab dengan khat al-Quran itu sendiri yang menjadi rujukan atau manual hidup utama umat Islam.

Warna merah yang melatari tulisan Jawi melambangkan keberanian wanita Kelantan dalam melaksanakan gagasan Membangun Bersama Islam yang sudah diterokai lebih 31 tahun.

**Warna Putih yang Melatari Keseluruhan Logo**

Gabungan warna-warni pada 7 kelopak akhirnya menjadi putih seperti mana warna asal Bunga Cempaka

Putih melambangkan kekuatan spiritual. Sifat suci hati yakni ikhlas menjadi asas kepada semua perilaku positif. Juga melambangkan sifat rendah diri, anggun, berakhlak mulia dan sentiasa berusaha ke arah kesempurnaan diri yang menjadi objektif pihak penganjur dalam mendidik para wanita secara amnya merangkumi semua bangsa, bahasa dan agama rakyatnya.

**Tulisan Rumi "Khadijah" Berwarna Hitam**

Menjelaskan Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah yang mendaulatkan **Bahasa Malaysia** sebagai bahasa kebangsaan negara.

HSK diadakan bersempena Sambutan Hari Wanita dengan mengangkat tema sempena nama **Khadijah binti Khuwailid**, isteri pertama Rasulullah S.A.W yang menjadi insan dan wanita pertama beriman dengan Nabi Muhammad S.A.W.

Sambutan ini selari dengan Sambutan Hari Wanita sama ada di peringkat kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa bagi meraikan

sumbangan dan pengorbanan wanita kepada agama, keluarga, masyarakat dan negara.

Warna **Hitam** yang melatari tulisan Rumi melambangkan kekuatan selari dengan sifat Hitam yang mengumpul semua kekuatan aura warna-warna lain. Kekuatan ini turut mewakili sifat yakin dan teguh muslimah Kelantan pada dasar dan prinsip Islam sebagaimana teguhnya iman Khadijah R.A di awal sinar Islam menerobos kegelapan jahiliyah kaumnya.

**Kelopak-kelopak Bunga Pelbagai Warna**
Melambangkan wanita Kelantan yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang disebabkan ada faktor-faktor pendorong hasil sikap positif yang didefinisikan oleh 7 warna berikut;

| | |
|---|---|
| Hijau | Alam semulajadi, kedamaian dan berilmu pengetahuan |
| Kuning | Aura energetik, bersemangat tinggi, optimis dan kreatif. |
| Merah | Berwibawa, berani, gigih dan tabah. |
| Merah jambu | Bersifat penyayang dan memahami. |
| Ungu | Bijak, berinisiatif dan berdikari. |
| Biru | Cinta kedamaian, tenang dan jujur. |
| Hitam | Elegan, menarik dan rapi. |

Penafian:

Logo dan warna logo merupakan rekaan dan pilihan pihak penganjur iaitu Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa) yang cuba memberi gambaran ciri dan wanita Kelantan sedia ada (Sebahagiannya sudah dibuktikan oleh tokoh-tokoh muslimah Kelantan dalam pelbagai bidang sejak generasi terdahulu hingga sekarang). Juga sebagai gagasan jauh ke hadapan untuk dipenuhi aspirasi positif tersebut oleh generasi ummah yang lebih baik di masa-masa akan datang, dengan izin Allah SWT jua. Ia sekali-kali tidak bermaksud memberi gambaran yang tidak realistik tentang wanita Kelantan secara umum kerana pihak U-KeKWa sedar di sana masih banyak ruang dan medan yang perlu diperbaiki dalam melaksanakan dasar-dasar yang baik untuk membangunkan wanita Kelantan ke arah yang diredai Allah swt.

# Lagu Tema
## Hari Sayyidatina Khadijah

### SEMULIA KHADIJAH

Menyingkap kembali sirah risalah
Mewangi semangat serikandi Ummah
Mu'minah pertama Sayyidatina Khadijah
Qudwah keteguhan wanita solehah

Dia At Tahirah hadiah Allah
Dari rahimnya zuriat mulia
Hidupnya disanjung perginya dikenang
Wanita terbaik Sayyidatina Khadijah

Harta jiwa raga bukti kesungguhan
Tak luntur semangat demi kebenaran
Sebagai isteri peneguh suami
Sebagai ibu pendidik generasi
Hartawan dermawan
Serikandi terbilang

Sayyidatina Khadijah, *mother of believers*
*Teacher of loyalty, a symbol of modesty,*
Khadijah At-Tahirah, *the first of believers,*
*Her noble sacrifice, has marked the history*

خديجة الطاهرة همتها عالية
أميرة الجنة سيرتها غالية
سيدة النساء معلمة الوفاء
فلتستمر فلتحيا قصتها المعطرة

Semangat Khadijah terus membara
Semangat Khadijah membakar jiwa
Fitrah kelembutan bukan kelemahan
Kesantunan budi itu kecantikan
Ayuhlah muslimah,
Teladani Khadijah,
Agar dirimu semulia Khadijah

Kemuliaan Khadijah Mari kita suburkan!
Kecekalan Khadijah ayuh semarakkan!
Tiada noktah dalam perjuangan
Tiada sempadan mulia pengorbanan

Lirik & lagu: Mohd Firdaus Sahiddin
Susunan Muzik: Alfa Booty Kesuma
Studio: Rumie Music Lab
Susunan Vocal: Bard Muffins
Jururakam: Ratno Junaidi
Vokal: Kumpulan Soutul Amal



# Justifikasi Tokoh / Ikon Wanita 2021

Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri akan memberikan anugerah kepada tiga belas (13) kategori Anugerah Tokoh HSK 2021 dan Anugerah Khas Wanita mewakili tiga belas (13) orang wanita yang terpilih dari seluruh pelosok negeri mengikut kategori masing-masing.

Setiap kategori disandarkan kepada tokoh-tokoh wanita dan serikandi Islam yang masyhur dengan sumbangan dalam bidang masing-masing sebagaimana yang termaktub dalam lipatan sejarah silam. Pembaharuan yang dibuat pada HSK 2021 ialah dengan memperkenalkan Anugerah Khas Wanita. Kategori tokoh ialah sebagaimana berikut :

1. Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid (Keusahawanan)
2. Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar (Pendidikan)
3. Tokoh Siti Aminah Abd Wahab (Armalah / Ibu Tunggal)
4. Tokoh Zinnirah Al-Rumiyah (Orang Kurang Upaya)
5. Tokoh Sayyidatina Zainab Khuzaimah (Kemasyarakatan)
6. Tokoh Al-Khansa' Amru (Kesenian)
7. Tokoh Sayyidatina Mariah Al Qibtiyah (Mualaf)
8. Tokoh Siti Hajar Al-Qibtiyah (Inovatif)
9. Tokoh Sayyidatina Juwairiyah Al-Harith (Influencer)
10. Anugerah Khas Wanita Orang Asli
11. Anugerah Khas Wanita Bukan Islam
12. Anugerah Khas Pendidikan
13. Anugerah Jasamu Dikenang

Selain itu, sebanyak lapan (8) kategori Anugerah Ikon HSK 2021 juga akan dianugerahkan kepada lapan (8) orang wanita muda yang terpilih. Kategori yang dimaksudkan adalah:

1. Ikon Usahawan
2. Ikon Pendidikan
3. Ikon Kepimpinan
4. Ikon Kemasyarakatan
5. Ikon Kesenian
6. Ikon Sukan
7. Ikon Inovatif
8. Ikon Khas Juri

Pencalonan perlulah mematuhi dan memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak urus setia sebelum mencalonkan atau menghantar pencalonan. Berikut merupakan kriteria- kriteria yang telah ditetapkan:

**Syarat-syarat Umum Penyertaan:**

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang bermastautin di Kelantan kecuali kepada kakitangan dan ahli keluarga kakitangan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan.
2. Setiap penyertaan hendaklah melalui borang penyertaan yang dikeluarkan oleh pihak urusetia dan boleh dicetak semula oleh peserta. Borang hendaklah dicetak di atas warna kertas yang sama seperti borang asal mengikut kategori (kertas warna hijau untuk borang pencalonan Tokoh HSK 2021 dan warna ungu untuk borang pencalonan Ikon HSK 2021).
3. Setiap calon hanya layak untuk pencalonan bagi satu kategori sahaja.
4. Belum pernah menerima sebarang anugerah dari U-KeKWa.

**Syarat UMUM Bagi Pencalonan Tokoh:**

1. Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan;
2. Wanita SAHAJA;
3. Berumur 40 tahun dan ke atas;

**Syarat UMUM Bagi Pencalonan Ikon:**

1. Warganegara Malaysia kelahiran Kelantan ATAU bermastautin di Kelantan.
2. Wanita SAHAJA
3. Berumur 39 tahun dan ke bawah

# KATEGORI TOKOH
# (Usia 40 Tahun Ke Atas)

## A. KATEGORI TOKOH SAYYIDATINA KHADIJAH KHUWAILID (KEUSAHAWANAN)

1. Terlibat dalam bidang keusahawanan secara aktif lebih 10 tahun.
2. Terlibat dalam jenis perniagaan yang sah dan halal.
3. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan keusahawanan terhadap masyarakat umum.
4. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang keusahawanan.
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme keusahawanan.

## B. KATEGORI TOKOH SAYYIDATINA AISYAH ABU BAKAR (PENDIDIKAN)

1. Berkhidmat dalam bidang pendidikan sekurang-sekurangnya 15 tahun dan ke atas (formal/ tidak formal).
2. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan pendidikan di pelbagai tahap (tadika/ sekolah rendah/ sekolah menengah/ pondok/ IPTA/ IPTS).
3. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha memartabatkan ilmu dan pembinaan sahsiah pelajar melalui pendidikan.
4. Calon yang masih berkhidmat dalam bidang pendidikan atau telah bersara.
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme pendidikan.

## C. KATEGORI TOKOH SITI AMINAH ABDUL WAHAB (ARMALAH / IBU TUNGGAL)

1. Masih bekerja atau telah bersara.
2. Mampu mendidik anak-anak sehingga berjaya ke menara gading dan soleh/solehah.
3. Menunjukkan usaha dan komitmen yang tinggi dalam membantu masyarakat kearah pembangunan diri yang lebih baik.
4. Terlibat secara aktif dalam program-program kemasyarakatan dan program-program berkaitan armalah.

## D. KATEGORI TOKOH ZINNIRAH AL-RUMIYAH (ORANG KURANG UPAYA)

1. Masih bekerja atau telah bersara.
2. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha membantu masyarakat OKU di pelbagai tahap tanpa mengharapkan pulangan yang lumayan secara peribadi.
3. Terlibat secara aktif dalam program-program kebajikan, pembangunan masyarakat umumnya khususnya wanita dan lain-lain yang berkaitan.
4. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan orang kurang upaya.

## E. KATEGORI TOKOH SAYYIDATINA ZAINAB KHUZAIMAH (KEMASYARAKATAN)

1. Masih bekerja atau telah bersara dan penting dalam bidang berkaitan kemasyarakatan di pelbagai tahap.
2. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha membantu masyarakat di pelbagai tahap tanpa mengharapkan pulangan yang lumayan secara peribadi.
3. Terlibat secara aktif dalam program-program kebajikan, pembangunan masyarakat umumnya khususnya wanita dan lain-lain yang berkaitan.
4. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita.

## F. KATEGORI TOKOH AL-KHANSA' AMRU (KESENIAN)

1. Terlibat dalam bidang kesenian secara aktif lebih 10 tahun.
2. Terlibat dalam bidang kesenian yang patuh syariah.
3. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan kesenian terhadap masyarakat umum.
4. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang kesenian.
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme kesenian.

## G. KATEGORI TOKOH Mariah ALQIBTIYAH (MUALAF)

1. Mengekalkan hubungan baik dengan keluarga asal.
2. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang dakwah kepada orang bukan Islam dan masyarakat umum.
3. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri ke arah memahami dan menyebarkan Islam.
4. Keutamaan kepada calon mualaf yang telah memeluk agama Islam selama 10 tahun ke atas.
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita.

## H. KATEGORI TOKOH SITI HAJAR AL QIBTIYAH (INOVATIF)

1. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang ciptaan dan inovasi di dalam komuniti.
2. Ciptaan atau hasil inovasi pernah mendapat pengiktirafan samada di peringkat agensi, jabatan atau negeri.
3. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita.

## I. KATEGORI TOKOH SAYYIDATINA JUWAIRIYAH AL-HARITH (INFLUENCER)

1. Mempunyai bilangan pengikut yang ramai di media sosial dan media masa.
2. Mengharumkan nama negeri atau negara di peringkat kebangsaan atau antarabangsa dengan pencapaian yang membanggakan tetapi dalam masa yang sama masih mengekalkan adat ketimuran dan mematuhi syariat.
3. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita.

## J. KATEGORI ANUGERAH KHAS WANITA ORANG ASLI

1. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang dakwah kepada orang asli dan masyarakat umum.
2. Mempunyai taraf pendidikan yang tinggi dan menjadi contoh kepada masyarakat orang asli setempat.
3. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri ke arah membangunkan jati diri orang asli.

## K. KATEGORI ANUGERAH KHAS WANITA BUKAN ISLAM

1. Mempunyai sahsiah dan keperibadian yang mulia dan menjadi contoh kepada masyarakat umum.
2. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri serta mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam membantu masyarakat di pelbagai peringkat tanpa mengharapkan pulangan yang lumayan secara peribadi.
3. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita.

## L. KATEGORI ANUGERAH KHAS PENDIDIKAN

1. Mempunyai sumbangan yang bermakna dalam bidang pendidikan di dalam negeri atau pun negara tetapi tidak berkesempatan untuk diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Negeri sepanjang hayatnya.
2. Berkhidmat dalam bidang pendidikan sekurang-sekurangnya 30 tahun dan ke atas (formal / tidak formal).
3. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha memartabatkan ilmu dan pembinaan sahsiah pelajar melalui pendidikan.

## M. KATEGORI ANUGERAH JASAMU DIKENANG

1. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam membantu dan merawat mangsa yang terlibat dengan pandemi Covid 19.
2. Menunjukkan komitmen yang tinggi dan sanggup mengorbankan nyawa demi memastikan keselamatan orang awam.
3. Keutamaan kepada calon yang yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita.

# KATEGORI IKON
# (Usia 39 Tahun Ke Bawah)

## A. KATEGORI IKON USAHAWAN

1. Terlibat dalam bidang keusahawanan secara aktif.
2. Terlibat dalam jenis perniagaan yang sah dan halal.
3. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan keusahawanan terhadap masyarakat umum.
4. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang keusahawanan.
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan yang bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme keusahawanan.

## B. KATEGORI IKON PENDIDIKAN

1. Berkhidmat dalam bidang pendidikan sekurang-sekurangnya 5 tahun dan ke atas (formal/ tidak formal)
2. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan pendidikan di pelbagai tahap (tadika/ sekolah rendah/ sekolah menengah/ pondok/ IPTA/ IPTS)
3. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha memartabatkan ilmu dan pembinaan sahsiah pelajar melalui pendidikan.
4. Calon yang masih berkhidmat dalam bidang pendidikan.
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme pendidikan.

## C. KATEGORI IKON KEPIMPINAN

1. Menunjukkan kredibiliti dalam memimpin organisasi, berkarisma dan menunjukkan komitmen yang tinggi sebagai pemimpin wanita di pelbagai peringkat.
2. Terlibat secara aktif dalam program-program kepimpinan, pembangunan masyarakat umumnya khususnya wanita dan lain-lain yang berkaitan;
3. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan bermakna terhadap pembangunan kaum wanita.

## D. KATEGORI IKON KEMASYARAKATAN

1. Masih bekerja atau telah bersara dan berperanan penting dalam bidang berkaitan kemasyarakatan di pelbagai tahap;
2. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha membantu masyarakat di pelbagai tahap tanpa mengharapkan pulangan yang lumayan secara peribadi;
3. Terlibat secara aktif dalam program-program kebajikan, pembangunan masyarakat umumnya khususnya wanita dan lain-lain yang berkaitan;
4. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan bermakna terhadap pembangunan kaum wanita.

## E. KATEGORI IKON KESENIAN

1. Terlibat dalam bidang kesenian secara aktif.
2. Terlibat dalam bidang kesenian yang patuh syariah;
3. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan kesenian terhadap masyarakat umum.
4. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang kesenian.
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme kesenian.

## F. KATEGORI IKON SUKAN

1. Terlibat dalam bidang sukan secara aktif.
2. Terlibat dalam bidang sukan yang patuh Syariah.
3. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang berkaitan sukan terhadap masyarakat umum.
4. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha pembangunan diri dalam bidang sukan.
5. Keutamaan kepada calon yang mempunyai sumbangan bermakna terhadap pembangunan kaum wanita melalui mekanisme kesukanan.

## G. KATEGORI IKON INOVATIF

1. Mempunyai sumbangan yang besar dan penting dalam bidang ciptaan dan inovasi di dalam komuniti.
2. Ciptaan atau hasil inovasi pernah mendapat pengiktirafan samada di peringkat agensi,jabatan atau negeri.

## H. KATEGORI IKON KHAS JURI

1. Mengharumkan nama negara ke persada antarabangsa dengan pencapaian yang membanggakan dengan hasil penemuan baru dengan mendapat hadiah nobel.
2. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam sumbangan terhadap pembangunan masyarakat secara amnya.

## Tokoh Pertama: Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid

توكوه سيدتنا خديجة خويلد (اوسهاون)

TOKOH SAYYIDATINA KHADIJAH KHUWAILID (USAHAWAN)

Sayyidatina Khadijah R.A adalah puteri Khuwailid bin As'ad bin Abdul Uzza bin Qusai bin Kilab al-Qurasyiyah al-Asadiyah. Beliau merupakan seorang isteri, sahabat, dan kekasih yang penyayang kepada baginda Rasulullah S.A.W. Namun, di sebalik sifat tersebut, beliau merupakan seorang ahli perniagaan wanita yang amat dikenali sekitar tahun 585 Masihi mewarisi perniagaan peninggalan bapa dan suaminya.

Dalam situasi masyarakat Arab pada zaman itu yang memandang rendah terhadap kemampuan kaum hawa, Sayyidatina Khadijah R.A telah dapat berdiri seiring dangan mereka. Kehebatannya dalam bidang perniagaan merupakan sesuatu yang amat mengagumkan pada ketika itu. Sayyidatina Khadijah R.A menggunakan lima strategi perniagaan:

1. Menggunakan konsep *"empowerment"*
2. Memanfaatkan konsep mudharabah
3. Kesinambungan perniagaan dan rancangan pewarisan
4. Dapat menjangka masalah dalam perniagaan
5. Kecekapan menguruskan masalah agensi

**PERTAMA:** Sayyidatina Khadijah R.A telah menggunakan konsep ***'empowerment'*** dalam perniagaannya. Konsep ini amat bertentangan dengan konsep berniaga secara kuku besi atau autokrasi. Ini kerana, beliau membenarkan para pekerjanya untuk berfikir, bertindak dan mengambil keputusan dengan bebas. Dengan sikap sedemikian, ia memberikan satu sumbangan yang positif dalam pengukuhan dan kemantapan sesebuah organisasi untuk berkembang.

Dalam konteks perniagaan, Sayyidatina Khadijah R.A telah memberikan kuasa sehingga ke tahap yang tertentu kepada para pekerja dan "mudarib-nya" iaitu (rakan kongsi yang mempunyai kepakaran dalam

pengurusan) untuk menjalankan bisnesnya. Ini terbukti, apabila rombongan pekerja dan mudarib-nya berniaga, tanpa beliau turut menyertai mereka.

**KEDUA**: Konsep **mudharabah** ini adalah sangat bermanfaat kepada ekonomi sesebuah negara kerana ia menggalakkan sifat keusahawanan, mengurangkan kebergantungan terhadap subsidi, dan menambahkan peluang pekerjaan untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan.

Dalam konsep mudharabah, perniagaan dikendalikan oleh mudarib dan para pekerja yang diberi kuasa untuk melanjutkan *"empowerment".* Namun begitu, pemantauan yang berterusan tetap perlu dijalankan. Bagi Rasulullah S.A.W, selain mendapat faedah kewangan, baginda turut mendapat faedah di atas kontrak mudharabah dari segi strategi dan operasi perniagaan yang dijalankan oleh Sayyidatina Khadijah R.A.

**KETIGA**: Intipati kejayaan Sayyidatina Khadijah R.A seterusnya adalah kesinambungan perniagaan dan rancangan pewarisan atau *"succession planning"*.

Ia memberikan peranan penting dalam meneruskan perniagaan. *"Succession planning"* adalah satu proses dalam mempersiapkan orang lain sebagai pengganti kepada individu tertentu untuk sesebuah institusi. Institusi yang dimaksudkan disini adalah perniagaan Sayyidatina Khadijah R.A. Gangguan terhadap perniagaan selepas bersara atau meninggal dunia dapat dicegah sekiranya, *'succession planning'* dijalankan. Jodoh Sayyidatina Khadijah R.A dengan Rasulullah S.A.W sangat sepadan kerana sifat keusahawanan dan amanah baginda yang mulia menjadikan Nabi Muhammad S.A.W sebagai tonggak yang akan menggantikannya dalam urusan perniagaan kelak.

Jika kita menganalisis perniagaan Sayyidatina Khadijah R.A dapat dilihat secara jelas bahawa ia berada di fasa perluasan. Sebelum perniagaannya memasuki fasa kemerosotan, beliau telah berikhtiar dan memanfaatkan pelapis dan penerus yang sesuai dan berkelayakan bagi memastikan jangka hayat perniagaannya panjang.

**KEEMPAT**: Intipati kejayaan yang seterusnya adalah beliau dapat menjangka segala permasalahan dalam perniagaan. Antara masalah yang dapat dijangka oleh Sayyidatina Khadijah R.A adalah:

1. Saiz pasaran tempatan yang kecil.
2. Kurangnya perbezaan sehingga menyebabkan perniagaan lambat berkembang atau gagal.
3. Strategi perniagaan yang lemah hingga menyebabkan perniagaan tidak produktif.
4. Tiada pasukan pengurusan yang efektif.
5. Pelan perniagaan yang tidak berkesan.
6. Matlamat perniagaan yang kabur atau tidak jelas.

Bagaimana Sayyidatina Khadijah R.A menyelesaikan masalah itu. Bagi masalah yang pertama, beliau telah meneroka pasaran luar seperti Syria dan Yaman dan tidak hanya menumpukan perhatian kepada perniagaan di Mekah sahaja.

Seterusnya, Sayyidatina Khadijah R.A telah memilih Nabi Muhammad S.A.W sebagai rakan kongsi kerana beliau dapat melihat kebijaksanaan baginda dalam menguruskan perniagaan.

Bagi masalah ketiga, beliau telah menyelesaikannya dengan menawarkan keuntungan yang tinggi kepada Nabi Muhammad S.A.W. sebagai pelaburan yang akan mendatangkan keuntungan berlipat ganda. Ini menunjukkan kebijaksanaan Sayyidatina Khadijah R.A dalam pengurusan kewangannya.

Bagi masalah yang keempat pula, Sayyidatina Khadijah R.A mengurangkan risiko ini dengan menghantar pembantunya, Maisarah bagi membantu Nabi Muhammad S.A.W sekaligus membantu memantau perniagaannya. Bagi mengatasi masalah serta pelan perniagaan yang tidak berkesan, beliau telah berjaya mengurangkan masalah agensi secara langsung dan tidak langsung. Bagi penyelesaian

kepada masalah yang terakhir, Sayyidatina Khadijah R.A menggunakan konsep mudharabah yang memadankan insentif dan matlamat perniagaan.

**KELIMA**: Seterusnya, intipati yang terakhir adalah, kecekapan Sayyidatina Khadijah R.A dalam menguruskan masalah agensi.

Dalam perniagaan yang melibatkan pemodal dan pengurus perniagaan, wujud potensi untuk terbitnya masalah agensi. Bagi kontrak mudharabah, masalah akan timbul apabila usahawan tidak menjalankan tugasnya dengan baik mengikut cara yang melindungi hak-hak pihak yang terlibat.

Situasi yang dapat menggabungkan cara Sayyidatina Khadijah R.A dalam mengurangkan masalah agensi adalah dari segi insentif. Dengan adanya kontrak mudharabah, Rasulullah S.A.W. mempunyai insentif untuk menjana keuntungan sebanyak mungkin. Ini kerana, semakin banyak keuntungan, maka semakin banyak pendapatan yang diperoleh.

Seterusnya, mekanisme pembahagian keuntungan. Mekanisme ini wujud melalui konsep kontrak mudharabah. Seterusnya, pemantauan dilakukan oleh Sayyidatina Khadijah R.A secara berterusan dengan bantuan pembantunya, Maisarah. Maisarah juga turut membantu memberikan maklumat yang sahih kepada Sayyidatina Khadijah R.A.

Sebagai kesimpulan, Sayyidatina Khadijah R.A bukan sahaja seorang wanita yang mempunyai perilaku yang baik, malah beliau juga merupakan tokoh usahawan yang disegani kerana bijak menguruskan perniagaannya di tengah-tengah masyarakat Arab yang kebanyakannya dimonopoli oleh kaum lelaki.

## Tokoh Kedua: Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar

توکوه سيدتنا عائشة ابوبکر (ڤنديديقن)

TOKOH SAYYIDATINA AISYAH ABU BAKAR (PENDIDIKAN)

Kisah hidup Sayyidatina Aisyah R.A telah membuktikan bahawa wanita mampu menguasai bidang keilmuan setanding dengan kaum lelaki serta mampu menjadi pendidik kepada para ilmuan dan pakar-pakar pelbagai bidang.

Kehidupan beliau juga menjadi bukti kemampuan wanita dalam mempengaruhi pandangan masyarakat, baik lelaki mahupun wanita, serta membekalkan sumber inspirasi dan kepimpinan yang mantap.

Wanita yang kaya dengan pekerti tinggi, lemah lembut serta sopan santun ini juga, telah membawa kebahagiaan dan ketenangan hati yang tidak putus kepada suami beliau.

Lafaz ucapan beliau menjadi kajian dalam bidang sastera. Fatwa-fatwa syariah yang dikeluarkan oleh beliau telah dikaji di institusi perundangan. Khazanah pengetahuan yang dimiliki Sayyidatina Aisyah R.A diperoleh sejak beliau masih seorang kanak- kanak lagi. Pada usia mudanya, Sayyidatina Aisyah R.A dibesarkan oleh bapanya, seorang Muslim yang dihormati dan disegani ramai.

Sayyidatina Aisyah R.A terkenal dengan paras rupanya yang menawan serta daya ingatan yang kuat. Beliau diletakkan di bawah jagaan Rasulullah S.A.W sendiri sejak beliau masih muda lagi sebagai seorang isteri serta pendamping baginda Rasulullah S.A.W.

Sayyidatina Aisyah R.A berpeluang menimba ilmu pengetahuan dari baginda sehingga ke tahap yang tidak mungkin ditandingi oleh wanita-wanita lain.

Sayyidatina Aisyah R.A hidup selama hampir 50 tahun setelah kewafatan Rasulullah S.A.W. iaitu sepuluh tahun hidup sebagai isteri Rasulullah S.A.W. Sebahagian besar waktu itu diluangkan dengan mempelajari dua sumber ilmu yang penting iaitu al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W.

Di antara tiga orang daripada isteri-isteri Rasulullah S.A.W yang menghafaz al-Quran, salah seorang daripadanya ialah Sayyidatina Aisyah R.A (disamping Ummu Salamah dan Hafsah). Sebagaimana Hafsah, Sayyidatina Aisyah R.A juga mempunyai salinan al-Quran yang ditulis setelah kewafatan Rasulullah S.A.W.

Sayyidatina Aisyah R.A juga merupakan salah seorang daripada empat orang sahabat (termasuk Abu Hurairah, Abdullah Ibnu Umar dan Anas Ibnu Malik) yang meriwayatkan lebih dua ribu hadith. Kebanyakan hadith-hadith ini berkaitan dengan amalan peribadi Rasulullah S.A.W.

Antara aspek penting berkenaan hadith yang diriwayatkan, Sayyidatina Aisyah R.A ialah hadith-hadith tersebut disampaikan dalam bentuk tulisan oleh anak saudara beliau, Urwah Ibnu Az-Zubair yang merupakan salah seorang ulama terkenal di kalangan tabi'in Abu Musa Al-'Ashari pernah berkata: "Sekiranya kami di kalangan sahabat Rasulullah S.A.W menghadapi kemusykilan, maka akan kami bawa kepada Sayyidatina Aisyah R.A."

Urwah Ibnu Az-Zubair menegaskan bahawa Sayyidatina Aisyah R.A bukan sahaja arif dalam bidang fiqh, bahkan juga dalam bidang perubatan dan syair. Ramai di kalangan sahabat Rasulullah turut merujuk kepada beliau berkenaan masalah pewarisan harta yang memerlukan kemahiran tinggi dalam bidang matematik.

Para ulama menganggap Sayyidatina Aisyah R.A sebagai salah seorang ahli fuqaha Islam terawal di samping Umar Ibnu al-Khattab, Ali dan Abdullah Ibnu Abbas.

Rasulullah S.A.W pernah mengiktiraf tentang kehebatan ilmu pengetahuan Sayyidatina Aisyah R.A dalam Islam: “Pelajarilah sebahagian daripada agamamu dari al-Humaira.” “Al-Humaira” atau ‘si merah’ adalah nama panggilan Rasulullah S.A.W kepada Sayyidatina Aisyah R.A.

Sayyidatina Aisyah R.A bukan sahaja memiliki ketinggian ilmu pengetahuan, bahkan turut memainkan peranan penting dalam proses pendidikan dan pembentukan masyarakat ketika itu. Sebagai seorang guru, beliau memiliki lisan yang jelas dan menarik hati serta kelancaran tutur kata beliau digambarkan dengan begitu tinggi oleh al-Ahnaf:

“Aku pernah mendengar ucapan dari Abu Bakar dan Umar, dari Uthman dan Ali serta para khulafa’ hingga ke hari ini, tetapi belum pernah aku mendengar ucapan yang lebih indah dan lebih menarik hati dari mulut seorang pun melainkan Sayyidatina Aisyah R.A.”

Manusia dari segenap pelusuk tanah Arab telah pergi menemui Sayyidatina Aisyah R.A untuk mempelajari ilmu yang dimilikinya.

Dikatakan lebih ramai bilangan wanita daripada lelaki yang datang untuk menimba ilmu daripada beliau. Di samping menjelaskan kemusykilan orang ramai, beliau turut mengambil anak-anak kecil, ada di kalangan mereka yatim piatu, untuk dibesarkan dan dilatih di bawah bimbingan beliau sendiri. Di samping itu juga terdapat saudara- saudara beliau yang mendapat bimbingan yang sama. Dengan demikian, rumah Sayyidatina Aisyah R.A dijadikan sekolah dan sebuah institusi pengajian.

Di antara pelajar wanita didikan Sayyidatina Aisyah R.A ialah Umrah binti Abdur Rahman. Umrah dianggap oleh para ulama’ sebagai seorang perawi hadith yang thiqah (dipercayai) dan dikatakan bertindak sebagai setiausaha Sayyidatina Aisyah R.A dalam menerima dan menjawab surat-surat yang diterima beliau. Peranan Sayyidatina Aisyah R.A dalam menggerakkan proses pendidikan terutamanya bagi kaum wanita seharusnya dijadikan contoh ikutan.

Selepas Khadijah al-Kubra (yang hebat) dan Fatimah Az-Zahra (yang menawan), Aisyah as-Siddiqah (yang membenarkan) dianggap sebagai wanita terbaik dalam Islam. Dari keteguhan peribadinya, beliau menjadi seorang pakar dalam setiap bidang pengetahuan, dalam masyarakat, politik bahkan peperangan. Sayyidatina Aisyah R.A kembali kerahmatullah pada tahun ke 58 selepas Hijrah dan jasad beliau telah disemadikan di perkuburan Baqi' di kalangan para sahabat.

Sayyidatina Aisyah R.A kembali ke rahmatullah dalam bulan Ramadhan pada tahun kelima puluh lapan selepas Hijrah. Atas arahan beliau sendiri, jasadnya disemadikan di Jannat.

## Tokoh Ketiga: Tokoh Siti Aminah Abdul Wahab

توکوه سيتي امينه عبدالوهاب (ارمله)

TOKOH SITI AMINAH ABDUL WAHAB (ARMALAH)

Bonda kepada Nabi Muhammad S.A.W yang diutus Allah sebagai rahmat seluruh alam. Cukuplah baginya kemuliaan dan kebanggaan yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Allah Azza Wa Jalla telah memilih beliau sebagai ibu kepada seorang rasul yang mulia dan nabi yang terakhir. Seorang wanita berhati mulia, pemimpin para ibu. Seorang ibu yang telah dianugerahkan anak tunggal yang mulia pembawa risalah yang lurus dan kekal, rasul yang bijak, pembawa hidayah. Risalah yang dibawa putera tunggalnya sempurna, benar dan kekal sepanjang zaman. Ibu yang melahirkan Nabi Muhammad S.A.W seorang ibu yang hebat dan cekal.

Siti Aminah adalah wanita yang tabah mengharungi cabaran hidup biarpun kehilangan suami pada saat mengandung tiga bulan. Ketabahannya sebagai armalah yang muda belia, cantik rupawan, terpuji dan tetap setia tidak berkahwin lain demi membesarkan anak lelakinya selepas pemergian suaminya, Abdullah bin Abdul Mutalib. Beliau cekal dan memiliki kekuatan jiwa yang hebat kerana mampu mengawal kesedihan emosi walaupun kehilangan orang tersayang.

Beliau begitu mementingkan kesejahteraan anaknya, Muhammad S.A.W dengan memberikan yang terbaik buatnya. Sebagai ibu, Siti Aminah begitu mementingkan didikan kasih sayang sejak dalam kandungan demi memastikan anaknya memiliki sahsiah yang terpuji. Tanggal 12 Rabiulawal tahun gajah, bersamaan 20 April 571 Masihi, lahirlah Nabi Muhammad S.A.W dengan penuh rahmat dan keberkatan daripada-Nya.

Beliau terpaksa berpisah dengan buah hatinya sejak bayi lagi demi mendapat penyusuan yang berkhasiat, suasana asuhan, di samping kanak-kanak lelaki lain yang lasak serta pendidikan bahasa yang fasih di perkampungan Bani Saad.

Rasulullah S.A.W dikembalikan semula ke pangkuan Siti Aminah ketika umur baginda mencecah empat tahun. Meskipun anaknya seorang anak yatim, baginda mendapat perhatian dan kasih sayang yang penuh dari bondanya yang penyayang.

Apabila Nabi Muhammad S.A.W berusia enam tahun, Siti Aminah membawa anaknya itu menziarahi keluarganya di Madinah dan pada masa yang sama peluang itu diambil bagi menziarahi makam suaminya. Beliau kemudiannya juga meninggal dunia tanpa sempat melihat anaknya membesar sepenuhnya. Benarlah ungkapan yang berbunyi kekuatan jiwa seorang anak lahir daripada kekuatan jiwa seorang ibu.

## Tokoh Keempat: Tokoh Zinnirah Ar-Rumiyah

توکوه زنيرة الرومية (اورڠ کورڠ اوڤاي)

TOKOH ZINNIRAH AR-RUMIYAH (ORANG KURANG UPAYA)

Zinnirah Ar-Rumiyah adalah seorang wanita berketurunan bangsa Rom. Beliau telah ditawan dan dijual di sebuah pasar di Mekah. Akhirnya, beliau telah dibeli oleh Umar Al-Khattab untuk dijadikan sebagai hamba. Dari segi fizikalnya, Zinnirah Ar-Rumiyah kelihatan lemah tetapi dari segi spiritualnya beliau mempunyai jiwa yang cukup kental dan tabah.

Pada peringkat awal keislaman beliau, Zinnirah Ar-Rumiyah melakukan suruhan-suruhan Islam secara sembunyi-sembunyi kerana takut diketahui oleh tuannya, Umar Al-Khattab yang terkenal dengan sifatnya yang tegas dan berani. Umar sebelum memeluk Islam amat memusuhi Rasulullah S.A.W dan kaum muslimin. Zinnirah Al-rumiyah mendirikan solat, berzikir, membaca Al- Quran dan berdoa kepada Allah dengan penuh syahdu dan keinsafan. Semua ini dilakukan dengan penuh hati-hati.

Penderitaan ke atas Zinnirah bermula setelah Umar mengetahui keislamannya. Umar dapat menghidu perubahan yang telah berlaku ke atas hambanya itu. Setelah diselidiki, ternyatalah bahawa hambanya itu telah menerima ajaran tauhid yang dibawa oleh Muhammad S.A.W. Zinnirah menjadi mangsa awal kerana kebencian Umar terhadap Islam dan kaum muslimin. Umar menyeksa dan mendera Zinnirah Ar-Rumiyah dengan harapan Zinnirah Ar-Rumiyah akan kembali kepada agama asalnya dan meninggalkan Islam.

Pelbagai seksaan dikenakan terhadapnya. Pukulan, hentakan, sepak terajang, dijemur di tengah-tengah panas terik menjadi rutin biasa dalam kehidupan Zinnirah Ar-Rumiyah. Semuanya dihadapi dengan penuh kesabaran disamping hati dan jiwanya bergantung penuh kepada pertolongan Allah.

Kemuncak penderaan terhadap Zinnirah Ar-Rumiyah ialah apabila kedua matanya dicucuk dengan besi panas yang mengakibatkannya hilang penglihatannya dan terpaksa mengharungi kehidupan dalam kegelapan. Namun begitu, hatinya penuh dengan cahaya keimanan. Iman menjadi penyuluh hidupnya dalam menghadapi kesengsaraan azab dari tuannya.

“Ini untukmu Ya Allah. Aku mengharungi kesengsaraan ini untuk mendapat kesenangan di akhirat kelak. Perjuangan ini sememangnya berat, selalu menderita dan sengsara kerana aku sedar untuk mendapat syurga-Mu, aku terpaksa menagih ujian berat, sedangkan neraka itu

dipagari oleh pelbagai kesenangan”. Inilah rintihan hati Zinnirah Ar-Rumiyah kepada Allah ketika bermunajat kepadaNya di setiap malam sebagai penawar jiwa diatas segala kesengsaraan yang dihadapi. Zinnirah Ar-Rumiyah akhirnya dibeli oleh Abu Bakar As-Siddiq. Walaupun menerima pelbagai rupa seksaan daripada Umar tetapi beliau tidak mendendami tuannya itu. Malah beliau berdoa kepada Allah memohon agar diberikan hidayah kepada Umar. Penderitaan Zinnirah Ar-Rumiyah tidak berakhir di sini, malah dia dicerca oleh kaum musyrikin Mekah. Mereka mengatakan Zinnirah Ar-Rumiyah buta kerana mendapat laknat daripada tuhan Latta dan Uzza.

Namun begitu, Zinnirah Ar-Rumiyah dengan penuh keberanian mempertahankan dirinya dengan mengatakan dirinya buta bukan kerana tuhan mereka, tetapi ia adalah perbuatan Umar dan Allah mengizinkannya berlaku.

Walaupun diuji dengan pelbagai ujian, keyakinannya kepada Allah tidak berubah. Allah memberi karamah kepadanya. Matanya yang buta itu dapat melihat kembali. Malah sinaran matanya itu lebih bercahaya.

Zinnirah Ar-Rumiyah, seorang wanita biasa, yang mungkin tidak dikenali, yang tidak punya harta atau ijazah tetapi mendapat pujian daripada Allah. Para malaikat mendoakan kesejahteraannya. Mata kasarnya buta tapi mata hatinya celik, disinari dengan cahaya keimanan serta keyakinan kepada Allah.

## Tokoh Kelima: Tokoh Sayyidatina Zainab Khuzaimah

توکوه سيدتنا زينب خزيمة (کمشارکتن)

TOKOH SAYYIDATINA ZAINAB KHUZAIMAH (KEMASYARAKATAN)

Sebelum memeluk Islam, Sayyidatina Zainab binti Khuzaimah sudah terkenal dengan sifat penyayang, pemurah dan budiman terhadap masyarakat sekeliling terutama kepada orang-orang miskin. Disebabkan sikap beliau inilah, beliau telah mendapat gelaran **Ummul Masakin** (ibu orang-orang miskin).

Ini telah dijelaskan dalam kitab *Thobaqat Ibnu Saad* bahawa Sayyidatina Zainab binti Khuzaimah bin Haris bin Abdillah bin Amru bin Abdi Manaf bin Hilal bin Amir bin Shashaah al-Hilaliyah adalah Ummul Masakin. Gelaran tersebut disandang sejak zaman jahiliah lagi, walaupun pada waktu itu beliau belum mengetahui bahawa orang-orang yang baik, penyantun dan penderma akan memperoleh pahala di sisi Allah.

Berdasarkan asal-usul keturunannya, beliau termasuk keluarga yang dihormati dan disegani. Tarikh lahir beliau tidak diketahui dengan pasti, namun ada riwayat yang menyebutkan bahawa beliau lahir sebelum tahun ketiga belas kenabian. Beliau termasuk antara kelompok orang yang pertama memeluk agama Islam dari kalangan wanita.

Beberapa sejarawan berpendapat bahawa beliau menikahi Tufail bin Harits, tetapi jodoh beliau tidak panjang dan kemudiannya menikah untuk kali kedua dengan Ubaidah bin Harith. Jodohnya juga tidak lama apabila suaminya syahid semasa perang Badar.

Ketika suami beliau gugur sebagai seorang syahid, Sayyidatina Zainab Khuzaimah R.A sedang menjalankan tugasnya merawat tentera-tentera Islam yang tercedera dan terluka. Kematian suami beliau tidak menghalang beliau untuk terus berkhidmat dan melaksanakan tugasan yang dipikul sehingga akhirnya Allah mentakdirkan kemenangan buat kaum Mukmin dalam pertempuran pertama melawan kaum Musyrikin. Walaupun berasa sangat sedih dengan kesyahidan suaminya,namun ianya segera terubat kerana dirawat oleh kemanisan iman, tawakkal dan keyakinan kepada Allah SWT. Jiwanya kuat dan hatinya teguh. Semangatnya tidak pudar.

Setelah habis iddah, Sayyidatina Zainab Khuzaimah R.A tidak sesekali menyangka akan dipinang oleh lelaki terbaik sepanjang zaman, Nabi Muhammad S.A.W. Rasulullah menikahi Sayyidatina Zainab Khuzaimah R.A kerana beliau ingin melindungi dan meringankan beban kehidupan yang dialaminya, di samping kerana kesabaran dan

ketetapan hati serta kegigihan perjuangan beliau. Baginda membangunkan sebuah rumah kecil berhampiran rumah Sayyidatina Aisyah R.A dan Sayyidatina Hafsah R.A. Terdapat perbezaan pendapat tentang tempoh Sayyidatina Zainab Khuzaimah R.A memasuki rumah tangga Rasulullah, salah satu pendapat mengatakan tiga bulan dan pendapat yang kedua menyatakan lapan bulan. Beliau meninggal ketika Rasulullah masih hidup dan jasadnya di makamkan di perkuburan Baqi'.

## Tokoh Keenam: Tokoh Al-Khansa Amru



TOKOH AL-KHANSA AMRU (KESENIAN)

Tumadhar binti 'Amr bin Syuraid bin 'Ushayyah As-Sulamiyah atau yang dikenal dengan Al Khansa (dari bahasa Arab yang bererti 'kijang') adalah seorang sahabat wanita yang mulia dan sangat terkenal sebagai penyair. Syair-syairnya ditujukan kepada orang-orang tercinta yang telah tiada, terutama kepada kedua orang saudara lelakinya, yaitu Muawiyah dan Sakhr yang telah meninggal dunia. Selain itu ia dikenal sebagai ibu para syuhada karena telah berjaya mendidik keempat puteranya menjadi syuhada di medan Perang Qadisiyah.

Khansa berkahwin dengan Rawahah bin Abdul Azis As-Sulami. Dari perkahwinan itu beliau mendapat empat orang anak laki-laki: Yazid, Mu'awiyah, 'Amr, dan 'Amrah, semuanya memeluk Islam.

Al Khansa binti Umar bin Kharis bin Syarit masuk Islam sewaktu mendatangi Nabi Muhammad S.A.W bersama dengan Bani Syulaim.

Semua pakar keilmuan telah bersepakat bahawa tiada seorang wanita pun, baik sebelum Khansa' mahupun sesudahnya, yang dapat menandingi kehebatannya dalam bersyair. Beliau dinobatkan sebagai penyair paling mahir di Arab.

Setelah beliau masuk Islam, beliau pun berkata “Dulu aku menangisi kehidupanku, namun sekarang, aku menangis karena takut akan siksa neraka.” Keempat-empat anaknya pernah diberi hadiah oleh Umar bin Khathab, masing-masing sebanyak 400 dirham. Keadaannya terus berubah setelah masuk Islam, ujian yang dialaminya menjadi kesabaran yang didasari iman dan dihiasi oleh takwa, hingga ia tidak lagi merasa sedih ketika kehilangan apa pun dari kenikmatan duniawi ini.

Ketika Mutsanna bin Haritsah asy-Syaibani berangkat ke Qadisiyah di masa Umar bin Khattab radhiyallahu’anhu, Al Khansa’ turut berangkat bersama keempat puteranya untuk menyertai pasukan tersebut. Empat putera kandung Al-Khansa’ bergabung dengan pasukan muslim yang ditugaskan menyerang Qadisiyah. Sehari sebelum perang, Al-Khansa’ R.A menyampaikan beberapa wasiat kepada putera-puteranya,

“Hai Putra-putraku, kalian semua memeluk Islam dengan suka rela dan berhijrah dengan senang hati. Demi Allah yang tidak ada Tuhan selain Dia, sesungguhnya kalian adalah keturunan dari satu ayah dan satu ibu. Aku tidak pernah merendahkan kehormatan dan merubah garis keturunan kalian. Ketahuilah, sesungguhnya kehidupan akhirat jauh lebih baik daripada kehidupan dunia yang fana.

Putra-putraku, sabarlah, tabahlah, bertahanlah, dan bertakwalah kepada Allah. Semoga kalian menjadi orang-orang yang beruntung. Jika kalian melihat genderang perang telah ditabuh dan apinya telah berkobar, maka terjunlah ke medan laga dan serbulah pusat kekuatan musuh, pasti kalian akan meraih kemenangan dan kemuliaan, di dalam kehidupan abadi dan kekal selama-lamanya”.

Keesokan harinya, mereka terjun ke medan perang dengan gagah berani. Jika ada seorang di antara mereka yang semangatnya mulai surut, maka saudara-saudaranya langsung mengingatkannya dengan nasihat Ibunda mereka yang telah tua renta, dengan begitu semangatnya berkobar kembali dan menyerbu musuh seperti singa yang mengamuk. Serangan-serangannya seperti siap melumat musuh-musuh-Nya. Mereka tetap berjuang dengan penuh semangat, hingga satu persatu berguguran menjadi syuhada.

Ketika Al-Khansa’ R.A mendengar berita kematian empat puteranya dalam hari yang sama, ia menerima berita duka itu dengan penuh keimanan dan kesabaran
*“Alhamdulillah yang telah memberiku kemuliaan dengan kematian mereka. Aku berharap, Allah akan mengumpulkanku dengan mereka di tempat limpahan kasih sayang-Nya”, harap Al-Khansa.*

Di masa jahiliyah, Al-Khansa’ R.A memenuhi dunia dengan tangisan dan keluh kesah atas kematian saudara kandungannya, Shakhr. Setelah masuk Islam dengan luar biasa beliau sanggup merelakan empat putera kandungnya sendiri untuk meraih mati syahid dalam perang Qadisiyyah.

Al-Khansa’ begitu tulus dan tabah dengan pengorbanan besarnya itu demi meraih anugerah menjadi penghuni syurga, kerana Rasulullah S.A.W pernah bersabda,

*“Siapa yang merelakan tiga orang putra kandungnya (meninggal dunia), maka dia akan masuk syurga. Seorang wanita bertanya, bagaimana jika hanya dua putra?, Rasulullah S.A.W kemudian menjawab: “begitu juga dua putra”.* (Diriwayatkan oleh Nasa’I dan Ibnu Hibban dari Anas radhiyallahu’anhu dalam kitab Al-Albani Shahiihul Jaami’ no 5969).

Al-Khansa wafat pada permulaan pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan pada tahun ke-24 Hijriyah.

## Tokoh Ketujuh : Tokoh Sayyidatina Mariah Al- Qibtiyah

توكوه سيدتنا مرية القبطية (مؤلف)

TOKOH SAYYIDATINA MARIAH AL-QIBTIYAH (MUALAF)

Nama sebenar Sayyidatina Mariah al-Qibtiyah ialah Maryah binti Syam’un. Ayah beliau berbangsa Qibti, manakala ibu beliau berasal dari Romawi dan menganut agama Nasrani. Beliau lahir di sebuah desa yang jauh di Mesir, iaitu Hafn. Sayyidatina Mariah mewarisi kecantikan ibu beliau dengan memiliki kulit yang putih, berparas cantik, berpengetahuan luas, dan berambut ikal.

Pada awal usia remaja, beliau bersama saudaranya, Syrin telah berkhidmat di istana Raja Qibti al-Muqauqis sebagai pelayan raja. Beliau merupakan seorang hamba perempuan yang beragama Kristian Qibti (Koptik).

Pada tahun keenam Hijrah, Rasulullah SAW mengirim utusan, Hathib bin Abi Balta'ah untuk menyampaikan sepucuk surat kepada Raja Qibti al-Muqauqis yang mengajak untuk memeluk Islam.

Muqauqis menyampaikan balasan melalui Hathib dan meminta maaf untuk penolakan bangsa Koptik tentang ajakan untuk menerima Islam dan memintanya untuk menjaga apa-apa rahsia yang telah dilihat dan didengar dari bangsa Koptik. Hathib pun kembali kepada Nabi (SAW) dengan membawa tiga orang hamba perempuan iaitu Mariah, Syrin dan Maburi bersama-sama dengan seribu aun emas dengan dua puluh baju Mesir dan seekor keldai serta beberapa jenis madu dan wangian.

Di tengah perjalanan, ketiga-tiga hamba itu kelihatan sangat sedih. Mereka seakan tidak rela meninggalkan kampung halamannya, Mesir. Hathib menghibur dengan menceritakan tentang Rasulullah SAW dan keindahan agama Islam termasuklah keindahan Kota Mekah dan Hijaz. Lalu, dia mengajak Mariah, Syrin, dan Maburi untuk memeluk Islam dan mereka menerima dengan ikhlas untuk memeluk Islam.

Mereka tiba Madinah pada tahun ketujuh Hijrah, dan pada waktu itu Nabi (SAW) telah baru pulang dari Hudaibiyah. Di Madinah, Rasulullah SAW telah menerima kabar tentang penolakan dari Muqauqis. Namun, beliau tidak menduga mendapat kiriman tiga orang hamba. Nabi mengambil Sayyidatina Mariah sebagai hamba, dan menyerahkan Syrin kepada penyairnya, Hasan bin Tsabit dan Maburi diberikan kepada Abu Hudzaifah al-‘Adawi.

Rasulullah SAW membebaskan Mariah, lalu menikahi beliau. Walaupun merupakan bekas hamba, Nabi Muhammad SAW tidak membezakan Sayyidatina Mariah dengan isteri-isterinya yang lain. Baginda menempatkan Mariah di rumah Haritsah bin Nu’man yang terletak berhampiran masjid. Kecantikan beliau pernah mengundang cemburu madu-madunya yang lain. Sayyidatina Aisyah pernah mengungkapkan rasa cemburunya dengan berkata, "Aku tidak pernah cemburu kepada wanita kecuali kepada Mariah karena dia berparas cantik dan Rasulullah SAW sangat tertarik kepadanya”.

Sayyidatina Mariah merupakan wanita kedua yang memberikan zuriat kepada Rasulullah. Pada satu malam tahun kelapan Hijrah, Sayyidatina Mariah mengetahui bahawa dirinya telah hamil. Berita kehamilan itu membuatkan Nabi (SAW) berasa sangat gembira dan bersyukur kepada Allah. Beliau dikurniakan seorang anak lelaki bersama Rasulullah SAW iaitu Ibrahim, namun begitu anak beliau meninggal dunia ketika masih kecil.

Sayyidatina Mariah adalah seorang wanita yang berbudi luhur, taat beragama, dan sopan. Nabi (SAW), dalam mengungkapkan cintanya terhadap beliau mengatakan: "Jika kalian menakluki Mesir, tolong perlakukan mereka dengan baik, kerana saya adalah menantu mereka”.

Beliau  telah wafat pada tahun 16 Hijrah ketika zaman pemerintahan Umar bin al-Khattab dan dimakamkan di perkuburan Baqi’.

## Tokoh Kelapan : Tokoh Siti Hajar Al-Qibtiyah

توکوه ستي هاجر القبطية (اينوۏاتيف)

TOKOH SITI HAJAR ALQIBTIYYAH (INOVATIF)

Siti Hajar adalah wanita yang begitu mulia dan dihiasi dengan sifat kesabaran yang tinggi. Siti Hajar berasal dari Qibti, Mesir. Beliau merupakan isteri kedua kepada Nabi Ibrahim A.S. Melalui Siti Hajar, Nabi Ibrahim A.S dikurniakan cahaya mata yang berakhlak mulia iaitu Nabi Ismail A.S. Sebelum berkahwin dengan Siti Hajar, Nabi Ibrahim A.S telah berkahwin dengan Siti Sarah. Namun, pernikahannya dengan Siti Sarah tidak dikurniakan zuriat dan Siti Sarah kemudiannya meminta Nabi Ibrahim A.S untuk berkahwin lagi. Dengan berat hati namun tetap menyerahkan segalanya kepada Allah SWT, Nabi Ibrahim A.S memenuhi permintaan Siti Sarah dengan mengahwini Siti Hajar.

Perkahwinan Nabi Ibrahim A.S dan Siti Hajar diuji apabila Allah memerintahkan Nabi Ibrahim membawa Siti Hajar ke suatu lembah gersang iaitu Mekah. Dari Syam, Nabi Ibrahim A.S membawa Siti Hajar dengan unta ke selatan hingga ke tapak kota purba bernama Faran yang kini ialah lokasi Mekah. Ibnu Abbas menceritakan bahawasanya, wanita pertama yang memakai bengkung ialah Siti Hajar. Beliau menggunakannya (dengan melabuhkan hujung kainnya) untuk menghapuskan jejaknya dari diketahui oleh Siti Sarah yang tidak menyenanginya.

Nabi Ibrahim A.S meninggalkan Siti Hajar dan Nabi Ismail A.S di situ dengan berbekalkan beberapa biji tamar dan sebekas air. Tiada seorang manusia pun ada di situ ketika itu dan ini menimbulkan rasa bimbang kepada Siti Hajar.

Semakin jauh Nabi Ibrahim A.S meninggalkannya, Siti Hajar lalu mengejar suaminya dan mengatakan, *"Apakah Allah yang memerintahkan kepadamu untuk melakukan ini?." "Benar"* jawab Nabi Ibrahim A.S. "*Kalau Allah yang memerintahkan demikian ini, nescaya Dia tidak akan menyia-nyiakan kami*," ungkap Siti Hajar.

Sebagai seorang isteri, Siti Hajar begitu patuh pada suami. Beliau merupakan seorang wanita yang mempunyai sifat tawakal yang tinggi dan beriman hanya kepada Allah semata-mata. Nabi Ibrahim A.S meninggalkan mereka dan kembali ke Palestin.

Selepas Nabi Ibrahim tidak lagi kelihatan, Siti Hajar memandang semua wilayah di lembah, kosong, gersang dan sangat panas. Beliau tidak pernah mengeluh atau menyerah kalah dan sentiasa berusaha mencari penyelesaian untuk meneruskan kehidupan. Apabila tangisan Nabi Ismail semakin kuat kerana dahaga, Siti Hajar lantas mendaki Bukit Safa yang terdekat dengannya dengan harapan meninjau keadaan dan melihat jika ada kelibat manusia. Hasrat tersebut menemui kegagalan. Apabila sampai ke tengah-tengah lembah, Siti Hajar berlari-lari anak. Kemudian beliau terus berjalan hingga tiba ke Bukit Marwah. Harapan yang sama juga menemui kebuntuan.

Siti Hajar mengulangi perbuatan itu sebanyak tujuh kali. Peristiwa ini akhirnya menjadi salah satu pensyariatan rukun sa'i dalam ibadah haji dan umrah. Setelah sampai ke puncak Marwah, Allah menunjukkan kekuasaaNya seiring dengan hentakan kaki Nabi Ismail A.S sehingga terpancar keluar air dari tempat itu. Siti Hajar terus berlari dan membuat batas di sekeliling tempat mata air tersebut sambil mengisi bekas minumannya dengan air yang mula melimpah keluar. Inovasi terhebat ini di buat oleh seorang wanita yang sangat mulia. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, "Semoga Allah merahmati ibu Ismail A.S. Jika beliau membiarkan air zamzam mengalir (tanpa dibuat batasan seumpama telaga) nescaya zamzam akan menjadi sebuah sungai yang mengalir ke seluruh pelosok bumi'.

## Tokoh Kesembilan : Tokoh Sayyidatina Juwairiyah Al-Harith




Sayyidatina Juwairiyah R.A  adalah salah seorang isteri Rasulullah SAW yang mulia. Sayyidatina Juwairiyah  R.A   berasal dari kaum Bani Musthaliq. Nama sebenarnya adalah Burrah binti Harith bin Abu Dhirar bin Habib bin Aid bin Malik bin Judzaimah bin Mustaliq bin Khuzaah. Beliau dikatakan sebagai seorang *influencer* atau seorang yang berpengaruh pada zamannya kerana  bapanya Al-Harith merupakan pemimpin Bani Musthaliq.

Sayyidatina Juwairiyah  R.A   mempunyai rupa paras yang cantik, baik hati, dan luas ilmunya. Beliau berkahwin dengan Musafi' bin Shafwan. Kehadiran Sayyidatina Juwairiyah  R.A   membawa keberkatan bagi kaumnya kerana melalui keIslamannya, seluruh kaumnya yang musyrik dan mengangkat senjata melawan Rasulullah SAW turut masuk Islam. Sayyidatina Aisyah RA menggambarkan Sayyidatina Juwairiyah  R.A  , "Aku tidak pernah melihat seorang perempuan yang paling banyak membawa keberkatan bagi kaumnya iaitu dari Sayyidatina Juwairiyah R.A".

Kisah keislaman Sayyidatina Juwairiyah  R.A   tidak terlepas dari permusuhan Bani Musthaliq dan Islam. Harith bin Abu Dhirar, ayah kepada Sayyidatina Juwairiyah  R.A   yang menyembah berhala hendak menghalangi dakwah Rasulullah SAW di Madinah. Mendengar Bani Mustaliq bersiap mengangkat senjata, Rasulullah SAW memerintahkan para sahabat untuk membuat persiapan untuk berjihad. Rasulullah SAW menjadi panglima dalam perang Mustalaq ini. Beliau telah mengamanahkan Abu Dzar al-Ghifari sebagai pengganti beliau di Madinah.

Tentera Islam ditempatkan di sebuah telaga bernama Al-Muraysī', berhampiran laut dan Mekah. Mereka berlawan dengan panah selama sejam sebelum tentera Muslim mara dengan cepatnya dan mengepung al-Musthaliq lalu menawan mereka serta merampas ternakan dan barangan Bani Musthaliq. Pertarungan ini berakhir dengan kemenangan Islam.

Dalam pertarungan tersebut, suami Sayyidatina Juwairiyah R.A, Mustafa bin Safwan, telah terbunuh. Pada mulanya beliau berada dalam tawanan sahabat baginda, Thabit bin Qays bin Al-Shammas. Kemudian, Sayyidatina Juwairiyah R.A memohon ihsan daripada baginda yang kemudiannya, baginda melamar untuk mengahwini beliau lalu membebaskannya daripada Thabit bin Qais dan seterusnya memperbaiki keadaan puaknya yang tertawan.

Sayyidatina Aisyah R.A memperihalkannya seperi berikut, "Beliau ialah wanita yang disenangi. Tiada yang melihatnya melainkan terpesona dengannya. Sementara Rasulullah S.A.W berehat, dimasuki pula Sayyidatina Juwairiyah R.A bertanya tentang penjanjian tebusannya (dengan Thabit). Demi Allah, sebaik sahaja aku melihatnya, aku tidak suka dia memasuki tempat Rasulullah S.A.W kerana aku tahu baginda akan lihat apa yang aku lihat.

Beliau kemudiannya berkata kepada Rasulullah S.A.W, "Wahai Rasulullah! Saya Juwairiyah binti al-Harith ketua kepada orang-orangnya. Tuan tidak sedar apa yang berlaku kepada saya. Saya menjadi tawanan Thabit bin Qais dan saya bersetuju dengannya untuk menebus diri saya dengan sembilan Uqiyah. Maka, bantulah saya membebaskan diri saya". Rasulullah S.A.W menjawab, "Mahukah kamu sesuatu yang lebih baik daripada itu?" Beliau berkata, "Apakah itu?" Rasulullah S.A.W berkata, "Saya akan membayar bagi pihak kamu dan kemudian mengahwini kamu". Beliau menjawab, "Baiklah, wahai Rasulullah". Rasulullah S.A.W kemudian berkata, "Saya telah melakukannya".

Beliau datang kepada Rasulullah S.A.W mencari apa yang bagus tetapi dia mendapat sesuatu yang lebih bagus dan baik lagi. Tiada ragu lagi perbuatan baginda ini meninggalkan kesan yang mendalam di dalam hati beliau dan juga keluarga serta kaumnya.

KeIslaman pemimpin Bani Musthaliq, Harith bin Abu Dhirar, terjadi setelah ia bermaksud menebus anaknya. Ia bermaksud menyerahkan unta-untanya kepada Rasulullah SAW sebagai tebusan. Tapi, ia menyembunyikan dua unta terbaiknya di Aqiq. Saat menemui Rasulullah SAW, seperti diriwayatkan Ibnu Hisyam, Harith ditanya tentang dua untanya yang disimpan di Aqiq. Takjub dengan pengetahuan Rasulullah kerana tidak seorang pun tahu dia menyimpan dua untanya, maka Harith pun mengikrarkan syahadah. Islamnya Harith juga diikuti Islamnya seluruh Bani Musthaliq yang masih tersisa.

Setelah itu, dilangsungkan pernikahan antara Rasulullah dan Sayyidatina Juwairiyah R.A dengan mahar 400 dirham. Setelah menjadi Ummul Mukminin, Sayyidatina Juwairiyah R.A banyak menghabiskan waktunya dengan ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Nama Sayyidatina Juwairiyah R.A pun diberikan Rasulullah SAW setelah mereka menikah. Sayyidatina Juwairiyah R.A dikenal dengan sahabiyah yang ahli solat.

Sayyidatina Juwairiyah R.A wafat pada masa pemerintahan Muawiyah bin Abu Sofyan. Beliau wafat pada usia 60 tahun dan dikuburkan di Baqi', bersebelahan dengan makam isteri Rasulullah lainnya.

"Jika seorang isteri mengerjakan solat 5 waktu, berpuasa di bulan Ramadan, menjaga kemaluannya, mentaati suaminya, nescaya akan dikatakan kepadanya, 'Masuklah ke syurga'."

HR. Ahmad

# Tokoh HSK 2021




## توكوه سيدتنا خديجة خويلد (اوسهاوان)

## TOKOH SAYYIDATINA KHADIJAH KHUWAILID (USAHAWAN)

# Hajah Wan Habsah Wan Ahmad

Tokoh Sayyidatina Khadijah Khuwailid telah dinobatkan kepada Hajah Wan Habsah Wan Ahmad yang dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan dan terkenal dengan nama Chef Ustazah. Beliau berumur 47 tahun dan telah mendirikan rumah tangga dengan Haji Wan Abdul Fatah Hassan, 50 tahun. Hasil perkahwinan tersebut, mereka memiliki 6 orang cahaya mata.

Beliau melanjutkan pendidikan di peringkat sarjana muda di Universiti Mu'tah Jordan dalam jurusan Syariah dan Pengajian Islam. Seterusnya, beliau menyambung ke peringkat sarjana menerusi jurusan yang sama. Beliau merupakan bekas pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dan pernah bekerja di bawah NGO muslim selama 4 tahun sebagai penganalisis. Pada masa yang sama, beliau merupakan pendakwah bebas dan penceramah motivasi kepada pelajar, pekerja dan keluarga. Selain itu, Puan Hajah Wan Habsah pernah mengendalikan rancangan ceramah pilihan di radio Kelantan FM selama 4 tahun.

Setelah itu, beliau memulakan perniagaan sendiri di rumah secara sambilan pada tahun 2008 dengan menubuhkan Fatha Marketing. Beliau telah mewarisi kepakaran memasak daripada ibu beliau yang

merupakan pengusaha restoran selama lebih dari 20 tahun dan terkenal di Kota Bharu. Bersandarkan minat yang mendalam dalam bidang perniagaan, beliau menimba ilmu dan mengambil pengalaman daripada beberapa usahawan yang telah berjaya dalam menambah baik kaedah pemasaran produk. Usaha gigihnya berhasil, apabila beliau berjaya mengusahakan produk muslim keluarannya sendiri iaitu 13 produk rempah *ready-made* yang menggunakan nama YHM iaitu Yes Halal atau Rempah Ustazah.

Selain berperanan sebagai pengarah urusan di Syarikat Fatha, beliau juga menjadi jurulatih masakan kepada usahawan, pengusaha katering, suri rumah dan orang awam yang berminat untuk melibatkan diri dalam keusahawanan. Beliau turut menjadi jurulatih kepada beberapa program iaitu kursus motivasi, kursus agama dan keusahawanan serta beliau juga mengendalikan kelas-kelas agama dan Fardhu Ain, Kelas Bahasa Arab dan Kelas Hafazan Al-Quran.

Sejak tahun 2009, Chef Ustazah sentiasa muncul di televisyen, radio, akhbar dan majalah. Beliau turut mempunyai rancangan masakan sendiri di televisyen seperti rancangan Serambi Ustazah di TV1 dan Lazeez Jiddan di TV Al-Hijrah. Selain itu, produk beliau turut mendapat liputan meluas dan didokumentasikan di Selamat Pagi Malaysia TV1, MHI TV3 dan Rancangan Assalamualaikum di TV Al-Hijrah. Pada setiap bulan, beliau akan muncul di Radio IKIM untuk rancangan Inspirasi bagi memberi motivasi kepada masyarakat di luar sana. Kini, Chef Ustazah mempunyai lebih 45 ribu orang pengikut di laman *Facebook* beliau.

Pada tahun 2016 beliau telah memenangi Anugerah Ikon Usahawan Halal Negeri Kelantan 2016. Selain itu, beliau berjaya merangkul Anugerah Inovasi Kelantan selama 2 tahun berturut-turut iaitu tahun 2018 dan 2019. Manakala tahun 2019 pada tahun yang sama, beliau telah menerima Anugerah Teknopreneur Mardi 2019. Sehingga kini, produk daripada Chef Ustazah telah dikenali ramai baik dalam negara dan luar negara. Beliau telah membawa produk beliau di peringkat antarabangsa iaitu Indonesia, Jepun, Dubai, Jerman, Mesir dan banyak lagi.




توکوه سيدتنا عائشة ابو بکر (ڤنديديقن)

TOKOH SAYYIDATINA AISYAH ABU BAKAR (PENDIDIKAN)

## Prof. Madya Dr. Mahaneem Mohamed

Prof. Madya Dr. Mahaneem Mohamed merupakan anak jati Kota Bharu, Kelantan yang dilahirkan pada 17 Oktober 1968. Hasil pernikahan beliau dengan Mohd Kamal Yatiban telah dikurniakan 7 orang cahaya mata iaitu 5 orang perempuan dan 2 orang lelaki.

Pada tahun 1990, Prof. Madya Dr. Mahaneem melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan meneruskan ke peringkat ijazah perubatan di universiti yang sama. Seterusnya, beliau berjaya mendapat kelulusan sarjana dalam bidang fisiologi dan menamatkan pengajian di peringkat doktor falsafah dalam Fisiologi (Endokrinologi dan Reproduksi) pada tahun 2011 di Universiti Sains Malaysia (USM).

Beliau memulakan kerjaya sebagai pegawai perubatan di Hospital Raja Perempuan Zainab I pada tahun 1995 dan beliau menjadi pensyarah perubatan di pusat pengajian sains perubatan, Universiti Sains Malaysia selama 5 tahun. Setelah itu, Prof. Madya Dr. Mahaneem berkhidmat sebagai pensyarah perubatan kanan di USM sejak tahun 2010 sehingga 2016. Kini, beliau bergelar sebagai profesor madya dalam bidang perubatan fisiologi di universiti yang sama sejak tahun 2016.

Prof. Madya Dr. Mahaneem merupakan seorang pakar dalam bidang fisiologi, pembiakan, toksikologi, perubatan integratif dan produk semula jadi. Beliau telah membuat kajian berkaitan reproduksi wanita di peringkat sarjana dan menghasilkan artikel penyelidikan dan membentangkan hasil kajian beliau di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sepanjang beliau berkhidmat, beliau telah menghasilkan puluhan artikel dalam jurnal pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta modul pembelajaran pada peringkat universiti. Beliau pernah memberi konsultasi kepada industri termasuk Kelantan Biotech Sdn. Bhd. dan pernah dilantik oleh Min House Camp & Kelantan Biotech Sdn Bhd untuk memberi konsultasi berkaitan pemeliharaan dan produk lebah kelulut.

Penglibatan aktif beliau dalam masyarakat adalah untuk membuka mata mereka dengan memberi ceramah motivasi di sekolah dan kepada masyarakat setempat berkaitan dengan kesihatan, pengurusan dan kepentingan produk semulajadi terutama berkaitan produk lebah kelulut. Selain itu, beliau turut menyumbang idea dan tenaga kepada kerajaan negeri Kelantan seperti Kelantan Biotech Sdn. Bhd. dan penternak lebah di Kelantan bagi pengurusan lebah dan produk lebah berdasarkan ilmu dan kepakaran beliau dalam bidang produk semulajadi. Hal ini kerana beliau memiliki sifat yang suka berkongsi ilmu dan pengalaman dengan orang lain untuk manfaat dan kesihatan semua.

Beliau merupakan timbalan presiden Persatuan Apiterapi Malaysia (*Malaysian Apitherapy Society*, PROTEMP) pada tahun 2011, ahli Pertubuhan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA), ahli persatuan Produk Semulajadi Malaysia (*Malaysian Natural Products Society*, MNPS) dan setiausaha Persatuan Apiterapi Malaysia. Sumbangan beliau kepada masyarakat, negeri dan negara seharusnya diberikan penghargaan agar kisah beliau dapat menjadi inspirasi dan motivasi kepada masyarakat.




# توكوه سيتي امينة عبدالوهاب (ارملة)

TOKOH SITI AMINAH ABDUL WAHAB (ARMALAH)

## Norhanan Mohd Nor

Pemenang anugerah Tokoh Siti Aminah Abdul Wahab pada tahun ini adalah Puan Norhanan Mohd Nor atau lebih mesra dikenali dengan nama Che Nan yang berasal dari Melor, Ketereh. Membesarkan anak seorang diri seramai tujuh orang bukanlah suatu yang mudah bagi beliau. Sejak 17 tahun lalu, beliau terpaksa mengambil alih tanggungjawab membesarkan anak-anak seorang diri.

Semenjak dari muda, hidup beliau sentiasa diuji dengan pelbagai mehnah dan tribulasi. Sewaktu beliau baru berumur 13 tahun, beliau telah kehilangan ibunya di dalam kemalangan kebakaran. Peristiwa itu mendidik beliau menjadi seorang yang cekal dan pandai berdikari sejak dari kecil. Che Nan ditakdirkan untuk mendirikan rumah tangga pada umur yang muda. Seusia 20 tahun, beliau telah menjadi seorang ibu dan tanggungjawab ini digalas sebaiknya. Redha dengan ketentuan takdir Ilahi yang menetapkan jodoh perkahwinannya cuma bertahan separuh jalan, Che Nan mula menggalas tugas sebagai seorang armalah atau ibu tunggal sewaktu mengandungkan anaknya yang bongsu.

Dikurniakan anak seramai tujuh orang, merekalah yang menjadi tunjang kekuatan Che Nan. Terpaksa membesarkan anak-anaknya dalam serba kekurangan, kini Che Nan mengalirkan air mata kegembiraan bila seorang demi seorang anaknya berjaya di dalam kerjaya dan pelajaran. Berkat dari kesabaran beliau, walau tiada pendapatan tetap, Che Nan berjaya membesarkan anak-anaknya hasil dari berjimat-cermat wang zakat yang

diterima serta sumbangan dari sanak-saudara yang sering membantu. Anak-anaknya kini ada yang menjadi jururawat, penguatkuasa tempatan, inspektor siasatan, jurutera dan yang lain masih menuntut di institut pengajian tinggi, pondok agama dan sekolah menengah.

Memahami kesusahan dan penderitaan ibu mereka yang bersusah payah membesarkan mereka seorang diri, kesemua anaknya tidak melupakan jasa Che Nan. Sewaktu masih belajar di universiti lagi, anak-anak Che Nan sentiasa mengirimkan wang biasiswa mereka untuk ibu di kampung. Dengan wang itulah Che Nan berniaga kecil-kecilan untuk membesarkan anak-anak yang masih di bangku sekolah. Kini, setelah menjawat jawatan besar, anak-anak beliau masih lagi setia membantu ibu mereka di kampung. Rumah buruk yang menjadi tempat berteduh Che Nan juga telah diganti baru oleh anak-anaknya yang sudah bekerjaya.

Walau diuji dengan kesukaran membesarkan anak-anak seorang diri, Che Nan tidak pernah lupa untuk belajar ilmu agama dan sentiasa menghadirkan dirinya ke pelbagai program dan ceramah keagamaan. Walau terpaksa menggendong anak kecil dan menaiki bas dari Melor ke Kota Bharu, Che Nan gigih untuk menghadiri setiap minggu kuliah ilmu yang disampaikan oleh Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz sewaktu almarhum masih hidup. Beliau aktif dengan pelbagai kerja sukarelawan dan misi kemanusiaan. Beliau pernah dilantik sebagai ahli majlis Majlis Daerah Ketereh (MDK) selama hampir 3 tahun bermula tahun 2014 sehingga 2016. Selain itu, beliau juga sangat aktif dalam NGO Misi Kembara Dakwah dan pernah menyertai aktiviti kemanusiaan di Bangladesh. Malahan, ke ceruk pedalaman Gua Musang juga Che Nan pernah jejaki demi membantu masyarakat yang memerlukan.

Setiap program yang disertai oleh beliau telah menyedarkan beliau dan melatih diri untuk menjadi insan yang sentiasa bersyukur atas apa yang diberikan oleh Allah SWT. Che Nan mengharapkan setiap penglibatan beliau dalam misi kemanusiaan ini menjadi asbab kepada keampunan dari Allah dan mendapat bekalan yang dapat dibawa ke akhirat kelak. Semoga penerima Tokoh Siti Aminah Abdul Wahab ini mampu menjadi contoh kepada masyarakat bahawa seorang ibu tunggal mampu membesarkan anak-anak dan dalam dalam masa yang sama aktif menabur bakti kepada masyarakat.




# توکوه زنيرة الروميّة (اورڠ کورڠ اوڤاي)

TOKOH ZINNIRAH AR-RUMIYAH (ORANG KURANG UPAYA)

## Zawati Yusoff

Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Walaupun Zawati Yusoff dikategorikan sebagai insan yang tidak sempurna dari sudut fizikal, namun ianya tidak menjadi halangan untuk beliau menyumbangkan tenaga, memberi ilmu kepada pelajar (seorang guru) dan memberikan sokongan kepada masyarakat.

Pendidikan menengah beliau bermula di SMU (A) Kedai Buloh pada tahun 1986. Seterusnya, beliau meneruskan pengajian di SMU (A) Maktab Pengajian Islam peringkat SPM dan menyambung pengajian di SMU (A) Maahad Muhammadi (P) peringkat STPM. Beliau meneruskan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Minat yang mendalam dalam bidang perguruan, mendorong beliau untuk melanjutkan pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) pada tahun 2005.

Kekurangan fizikal tidak menghalang beliau dalam melibatkan diri dengan memberi sumbangan kepada masyarakat. Beliau bergiat aktif berkhidmat sebagai guru kelas fardhu ain dari tahun 1991 – 1994 di masjid atau surau secara sukarela dan berkhidmat di bahagian Dakwah Halaqat Negeri Kelantan sebagai guru quran semenjak tahun 2009

sehingga sekarang. Beliau juga banyak terlibat dengan aktiviti Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan (YOKUK) bersama murid-murid istimewa dengan membantu serta memberi sokongan.

Beliau mempunyai tahap kesabaran yang tinggi kerana ianya bukan mudah untuk mengajar murid-murid OKU yang mempunyai pelbagai masalah pembelajaran seperti Sindrom Down dan Autisme. Selain itu, beliau melibatkan diri dalam aktiviti persatuan sukan dan kebajikan OKU Anggota Negeri Kelantan dengan menyelesaikan permasalahan OKU Kelantan.

Bakat dan minat serta kebolehan beliau dalam bidang perguruan telah melayakkan beliau menerima pelbagai hadiah dan penghargaan di peringkat negeri dan peringkat kebangsaan. Antara anugerah yang telah diperolehi ialah Anugerah Guru Cemerlang Orang Kurang Upaya peringkat negeri Kelantan pada tahun 2010 dan Anugerah Guru Cemerlang Orang Kurang Upaya Peringkat Negeri Kelantan pada tahun 2016. Seterusnya, beliau menerima Pencalonan Guru Cemerlang Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan pada tahun 2017.

Beliau turut berjaya menterjemahkan buku dalam Bahasa Arab ke Bahasa Melayu bertajuk Qissasul Al-Hayawan Fi Al-Quran oleh Ahmad Behjat dan kemudian diterbitkan oleh JAKIM. Beliau juga menghasilkan beberapa modul PDP untuk murid pendidikan khas seperti Modul Wuduk dan Solat, Modul Keusahawanan Pendidikan Khas, Modul Terapi Al-Quran dan lain-lain lagi. Di atas sumbangan dan pencapaian beliau, maka selayaknya beliau dinobatkan sebagai Tokoh Zinnirah Ar-Rumiyah (HSK 2021).




توکوه سيدتنا زينب خزيمة (کمشارکتن)

TOKOH SAYYIDATINA ZAINAB KHUZAIMAH (KEMASYARAKATAN)

## Dzukaidah Ali Muhammad

Puan Dzukaidah Ali Muhammad yang lebih mesra disapa sebagai Kak Dah telah dilahirkan pada tanggal 16 Jun 1962. Beliau merupakan seorang yang tidak asing lagi di kalangan penduduk setempat kerana telah diamanahkan untuk menjadi Penghulu Tanpa Mukim Wanita bagi Parlimen Pasir Puteh. Beliau mempunyai sepuluh orang cahaya mata iaitu tiga orang lelaki dan tujuh orang perempuan.

Tokoh ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Tengku Mahmood Besut dan meneruskan pengajian di peringkat sekolah menengah di Sekolah Menengah Agama Maarif Kampung Raja, Besut dan menamatkan pengajian di peringkat Sijil pelajaran Malaysia (SPM).

Sememangnya beliau seorang yang cakna dengan keperluan penduduk setempat, pada tahun 2001, Kak Dah bersama beberapa orang penggerak memulakan sekolah PASTI Ainul Mardhiah untuk anak-anak kecil berumur 4 hingga 6 tahun di kampungnya. Disebabkan ketiadaan tempat sesuai untuk membuka sekolah itu, Kak Dah berinisiatif untuk mengajar pelajar-pelajar PASTI di rumahnya sendiri. Pelajar-pelajar miskin dan susah yang sebelum ini keciciran disebabkan kemiskinan dan sekolah yang terletak jauh dari kampung mereka mula mendapat peluang untuk belajar di PASTI Ainul Mardhiah. Kak Dah mengajar di PASTI Ainul Mardhiah ini sehingga tahun 2019.

Setelah lelah mengajar di pagi hari, Kak Dah membuka pula kelas pengajian Al-Quran secara percuma pada sebelah petang. Lebih 40 orang pelajar yang mendatangi rumahnya pada setiap petang untuk belajar mengaji Al-Quran. Bukan hanya sibuk mengajar, beliau juga mengambil tanggungjawab untuk menjadi pemandi jenazah wanita setempat. Setiap kali ada kematian penduduk wanita, pasti beliau akan dicari untuk memandikan jenazah. Merasakan yang tanggungjawab fardu kifayah ini harus dipelajari oleh masyarakat, beliau turut aktif mengajar cara-cara pengurusan jenazah dan sentiasa dijemput sebagai pengajar di kursus pengurusan jenazah sama ada dianjurkan oleh pihak masjid atau sekolah. Bukan hanya menjadi pengajar di kawasan sekitar, beliau juga turut memenuhi jemputan hingga ke Terengganu.

Kak Dah dilantik sebagai Pembantu Halaqat pada tahun 2003 dan seterusnya dilantik sebagai Penghulu Tanpa Mukim Wanita bagi DUN Gaal pada tahun 2004. Kemudian, pada tahun 2009 Kak Dah dilantik menjadi ahli majlis daerah dan pada tahun yang sama juga jawatan beliau ditukar kepada Penghulu Tanpa Mukim Wanita Parlimen Pasir Puteh. Kak Dah bukan hanya turun melawat penduduk setempat disebabkan kerja rasmi, tetapi juga aktif bergerak dalam kerja-kerja NGO. Antara misi kemanusiaan yang pernah disertainya adalah misi menghantar bantuan ke Kemboja pada 2017 dan juga pernah ke tempat pedalaman di Sarawak.

Pada 2015, Kak Dah diuji dengan ujian berat apabila suaminya yang tercinta telah pergi untuk selama-lamanya. Beliau ditinggalkan seorang diri untuk membesarkan 10 orang anaknya. Walaupun mempunyai seorang anak OKU, beliau tidak pernah menjadikan alasan anak sebagai penghalang untuk berbakti kepada masyarakat terutamanya dalam hal ehwal wanita.

Beliau menunjukkan sifat penyayang dan budiman terhadap masyarakat sekeliling sehingga mengingatkan kita kepada kisah Ummul Masakin, Sayyidatina Zainab Khuzaimah R.A yang sentiasa menyantuni fakir miskin dan cakna dengan keperluan mereka. Semoga tokoh ini dapat memberi inspirasi kepada ibu di luar sana bahawa walaupun sibuk di lapangan namun beliau tidak pernah mengabaikan urusan rumahtangga dan berjaya mendidik dan menguruskan anak-anaknya dengan baik




# توکوه الخنساء عمرو (کسنين)

TOKOH AL-KHANSA AMRU (KESENIAN)

## Hajah Kelthom Haji Hussin

Kesenian merupakan sesuatu bentuk ekspresi seni yang bersifat abstrak. Ianya dapat dipandang, didengari dan disentuh oleh jiwa tetapi kadang-kadang sukar untuk diterjemahkan melalui kata-kata dan bahasa. Kesenian terbahagi kepada beberapa manifestasi seperti seni ukir, seni muzik, seni pentas, seni bina, seni filem, seni sastera dan seupamanya.

Hajah Kelthom Haji Hussin merupakan anak kelahiran Kampung Penambang, Kelantan. Beliau telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Al-Khansa' Amru, (HSK 2021) kerana mempunyai pengalaman yang meluas tentang menenun songket dan mengekalkan tradisi turun-temurun songket secara tradisional.

Beliau berumur 75 tahun dan hasil daripada perkahwinan, beliau telah dianugerahkan 4 orang putera. Antara sumbangan beliau ialah telah dilantik oleh pihak Kraftangan Malaysia untuk mengajar pelajar-pelajar daripada Institusi Kraf Negara dan menjadi sebagai pusat rujukan dibidang tenunan songket oleh pelajar-pelajar universiti, penggiat seni dan kraftangan Malaysia, Tumadhar binti 'Amr bin Syuraid bin 'Ushayyah As-Sulamiyah atau dikenali sebagai al-Khansa (kijang) adalah wanita yang

mulia dan sangat terkenal sebagai seorang penyair. Syairnya ditujukan kepada orang-orang tercinta yang telah meninggal dunia, terutama kepada kedua orang saudara lelakinya. Di samping itu, kejayaan Hajah Kelthom binti Haji Hussin telah menghasilkan tenunan songket untuk digunakan sebagai pakaian istiadat dan pakaian rasmi bagi DYMM Al-Sultan Kelantan dan pembesar-pembesar negeri Kelantan dan menjadi pakar rujukan bagi pengiat seni songket.

Penglibatan dalam bidang seni ini telah memperlihatkan beberapa kejayaan dan pencapaian oleh Hajah Kelthom Haji Hussin. Antara pencapaian beliau ialah telah dianugerahkan Pewaris Kraf Kebangsaan pada tahun 1999, Adiguru Kraf Kebanggsaan pada tahun 2014, Kedai Harga Patut pada tahun 2006 sehingga 2014 kerana menjual songket dengan harga yang berpatutan dan dianugerahkan Tokoh Wanita Kelantan UMK 10 pada tahun 2014.




# توكوه سيدتنا مارية القبطية (مؤلف)

TOKOH SAYYIDATINA MARIAH AL-QIBTIYAH (MUALAF)

## Siti Nur Aini Lin Abdullah

Allah SWT berfirman:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَـٰكِنَّ اللَّـهَ يَهْدِي مَن يَشَاءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

*"Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang (ada persediaan untuk) mendapat hidayah petunjuk (kepada memeluk Islam)."* (Surah al-Qasas : 56)

Siti Nur Aini Lin Abdullah adalah seorang wanita yang berumur 42 tahun dan merupakan ibu tunggal kepada 3 orang cahaya mata iaitu Siti Nurhayati binti Zamri, merupakan seorang Eksekutif Maritim, Siti Nur Izzati Zamri, merupakan seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Pejabat dan Muhammad Zaim Hafizuddun bin Zamri, yang masih di bangku sekolah menengah. Beliau seorang tabah dan cekal dalam membesarkan anak-anaknya sehingga berjaya.

Walaupun tidak dapat melanjutkan pelajaran pada zaman muda, beliau tabah untuk melanjutkan pendidikan pada tahun 2018 sehingga sekarang di Open University Malaysia, peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajian Islam. Hasil daripada kesungguhan dan kegigihan beliau dalam menimba ilmu telah memberikan dorongan dan semangat kepada anak-anaknya untuk berjaya sehingga ke menara gading.

Beliau mula tertarik untuk mengenali agama Islam apabila mula berkawan dengan orang melayu Islam semasa di sekolah rendah dan sekolah menengah. Pada tahun 1995, beliau berhijrah ke Kelantan dan memeluk agama Islam pada 15/8/1995 di Pejabat Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Pada tahun yang sama, beliau bertemu jodoh dan berkahwin. Hasil daripada perkahwinan tersebut, beliau dikurniakan 4 orang cahaya mata. Perjalanan beliau memeluk Islam pada mulanya sedikit perit dan terpaksa melalui pelbagai rintangan dan halangan. Namun begitu, Allah itu Maha Esa dan beliau mampu melaluinya dengan baik sehingga ke hari ini.

Beliau yang berbangsa Cina dan bekerja di Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) Kelantan. Beliau memegang jawatan sebagai setiausaha, guru jahitan dan guru bahasa Mandarin pada tahun 2016 sehingga sekarang. Beliau merupakan wakil dan sukarelawan MACMA Kelantan bagi program-program kebajikan yang dianjurkan oleh NGO di negeri Kelantan.

Selain itu, beliau juga telah mengendalikan kelas-kelas pengajian Islam kepada para mualaf dan merupakan tenaga pengajar bagi kelas bahasa Mandarin dan bengkel jahitan. Bengkel jahitan ini adalah bertujuan untuk memberikan kemahiran kepada para mualaf agar dapat meringankan beban dan membantu keluarganya. Beliau juga mengetuai program menjahit PPE (*Personal Protect Equipment*) untuk petugas barisan hadapan dengan kerjasama Mercy dan MACMA. Di samping itu, beliau menguruskan pembahagian zakat atau bantuan kepada para mualaf yang memerlukan di Kelantan. Hasil daripada sumbangan beliau, Siti Nur Aini Lin binti Abdullah telah dianugerahkan sebagai Tokoh Sayyidatina Mariah Al-Qibtiyah (Mualaf) sempena program Hari Sayyidatina Khadijah 2021.




توکوه ستي هاجر القبطية (اينوۏاتيف)

TOKOH SITI HAJAR ALQIBTIYYAH (INOVATIF)

## Prof Madya Dr. Wan Iryani Wan Ismail

Tokoh Siti Hajar Al-Qibtiyah, Prof Madya Dr. Wan Iryani merupakan anak jati Kelantan, lepasan Maahad Muhammadi (P) Lilbanat Kota Bharu, Kelantan. Seterusnya, beliau menyambung pengajian di USM, Pulau Pinang di peringkat Matrikulasi Ekspress, Ijazah Sarjana Muda dan peringkat Ijazah. Beliau juga menyambung pengajian di peringkat PhD di University of Cape Town South Africa pada tahun 2010.

Beliau telah berjaya menjadi seorang pensyarah dan saintis dalam bidang farmaseutikal bioteknologi di Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, UMT. Sejak menuntut di USM, Pulau Pinang sehingga kini, beliau telah menerima lebih 50 anugerah. Lebih membanggakan, Prof Madya Dr. Wan Iryani telah mengharumkan nama Malaysia sekaligus nama negeri Kelantan apabila disenaraikan sebagai *Top 100 Asian Scientist 2020.* Antara anugerah yang diterima beliau sama ada di peringkat dunia dan negara adalah, *Fellowship for Women in Science* (FWIS): *L'Oréal-UNESCO 2019, Special Award and Gold Medal in Seoul International Innovation Fair (SIFF) 2019, Gold Medal*, *International Festival of Innovation on Green Technology 2019* dan lain-lain. Pencapaian ini adalah hasil daripada penyelidikan yang beliau lakukan. Antaranya yang berkaitan madu lebah dan madu kelulut yang menggunakan teknologi dan ilmu yang terkini.

Hasil daripada  pengajian PhD beliau sejak tahun 2010, telah dapat membuktikan bahawa madu dapat digunakan untuk mengawal obesiti, mengawal diabetes dan berpotensi membunuh sel kanser. Walau bagaimanapun, ramai yang agak skeptikal dengan penyelidikan madu yang beliau lakukan. Tetapi beliau yakin akan kebenaran firman Allah SWT di dalam Surah An-Nahl, ayat 65-69, bahawa madu itu adalah penawar segala penyakit.

Hasil kajian seterusnya, beliau telah membuktikan bahawa madu tiruan telah memberi mudarat kepada pengguna dan ianya menyebabkan obesiti dan diabetes. Sebaliknya, madu asli dapat mengawal obesiti dan menurunkan kandungan gula darah dan kolesterol. Hasil kajian beliau telah dikongsi dengan masyarakat, agensi kerajaan dan NGO. Dalam masa yang sama, beliau telah bekerjasama dengan penternak, Kementerian Pertanian dan Asas Tani, MARDI dan Jabatan Pertanian bagi meningkatkan penghasilan madu asli.

Beliau turut bekerjasama dengan KPDNKK, Kementerian Kesihatan, SIRIM, Jabatan Standard Malaysia bagi menghasilkan Dokumen MS2683:2017 untuk menguji ketulenan madu dalam pasaran menggunakan data penyelidikan beliau. Biarpun beliau telah menerima pelbagai ancaman dari penjualan madu tiruan, beliau tetap meneruskan usaha membanteraskan penghasilan madu tiruan untuk kebaikan masyarakat dan membenarkan firman Allah.

Beliau menunjukkan komitmen yang berterusan dan istiqamah dalam bidang keilmuan dan inovasi sejak dari bangku sekolah sehingga kini. Beliau turut menghasilkan Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara (PPIKN) 2020–2030. Hasil komitmen beliau dalam penyelidikan dan inovasi lebah dan kelulut di Malaysia, sebanyak RM20 juta nilai madu tempatan dapat dijana pada tahun 2017. Ianya amat bermakna kerana kebanyakan penternak terdiri dari kumpulan B40, ibu tunggal, asnaf dan belia.

Beliau juga turut terlibat dalam perkongsian hasil penyelidikan beliau dan kaedah mengenalpasti ketulenan madu melalui pelbagai saluran seperti penerbitan ilmiah, buku, artikel di dalam majalah, surat khabar, perkongsian melalui TV, radio, media sosial, ceramah dan bengkel. Beliau turut menghasilkan dokumen rujukan untuk mengukur kualiti dan ketulenan madu di Malaysia yang dikenali MS2683:2017 *Kelulut Honey Specification* dan pelan strategik pembangunan industri lebah kelulut di Malaysia untuk 10 tahun (PPIKN 2020-2030).




# توكوه سيدتنا جويرية الحارث (اينفلوءينسر)

## TOKOH SAYYIDATINA JUWAIRIYAH AL-HARITH (Influencer)

## Noor Neelofa Mohd Noor

Siapa yang tidak kenal dengan nama besar Neelofa, selebriti yang menempa nama bukan hanya di dalam Malaysia, bahkan di persada dunia. Anak Kelantan yang dilahirkan di Pasir Mas ini aktif dalam bidang lakonan, peragaan, pengacaraan dan juga usahawan. Beliau yang dilahirkan pada 10 Februari 1989 adalah anak ketiga dari sembilan orang adik-beradik. Gadis manis berketurunan Melayu, Pakistan dan Arab ini sememangnya seorang yang cemerlang semenjak dari zaman sekolah lagi. *'Beauty with brain'* begitulah ungkapan yang sesuai diberikan untuk Neelofa. Beliau sentiasa mendapat keputusan terbaik di peringkat sekolah iaitu memperoleh 5A untuk UPSR, 8A untuk PMR dan juga 10A untuk SPM. Beliau kemudiannya mendapatkan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Sunway dalam bidang Perdagangan Antarabangsa dan Pemasaran.

Beliau meraih pelbagai pencapaian sepanjang kariernya sebagai anak seni dan antara yang terbesar adalah Pengacara TV Wanita Popular di Augerah Bintang Popular Berita Harian ke-27, 28, dan 29, Top Top MeleTOP (Wanita) di Anugerah MeleTOP Era ke-4 dan ke-5 dan banyak lagi. Neelofa bukan hanya aktif di dalam bidang seni, tetapi juga beliau adalah seorang usahawan berjaya yang bijak mengatur pelbagai langkah untuk mengembangkan empayar perniagaannya.

Beliau mempunyai pelbagai produk keluaran sendiri seperti pakaian Muslimah Naelofar Hijab, kanta lekap Lofalens, Susu Pisang Nilofa, beg tangan Lofarbag dan pelbagai lagi. Beliau menjadi antara 300 individu yang tersenarai dalam *Forbes 30 Under 30 Asia 2017*. Malahan, beliau juga pernah menggondol Anugerah Usahawan di *Influencer Awards 2019* yang berlangsung di Monte Carlo, Monaco. Antara pemenang pada majlis tersebut termasuklah blogger fesyen dari Perancis, Caroline Receveur (kategori *Lifestyle*) dan jurumekap Kim Kardashian, Mario Dedivanovic (kategori *Make-Up Artist influencer*).

Pada tahun 2014, Neelofa telah mengambil keputusan untuk berhijrah dan mengenakan tudung. Pada tahun lepas, sekali lagi Neelofa membuat kejutan ramai apabila beliau mula memakai purdah atau niqab yang menutup sebahagian mukanya. Neelofa juga dilihat semakin aktif mendalami ilmu agama dan sering terlibat dalam aktiviti keagamaan. Malahan, beliau turut melancarkan *The Noor* yang merupakan aplikasi gaya hidup Muslim komprehensif merangkumi semua aspek kerohanian dan kehidupan harian. Fungsi asas aplikasi ini adalah waktu solat, arah kiblat, pemain media al-Quran serta terjemahan. Selain itu, Neelofa juga aktif dengan NGO Kasih Neelofa yang ditubuhkan untuk membantu individu yang memerlukan terutama warga emas, anak yatim, ibu tunggal, mualaf, orang miskin dan orang kelainan upaya melalui program amal, perkongsian pengetahuan, latihan dan aktiviti kemasyarakatan.

Seorang yang sentiasa menjadi ikutan anak muda dan mempunyai 8 juta *follower* di *Instagram*, Noor Neelofa Mohd Noor dilihat adalah seorang yang mempunyai pengaruh besar di kalangan masyarakat atau seorang i*nfluencer*, yang mana tindak-tanduknya boleh menjadi *trending* dan ikutan masa kini. Menelusuri lembaran sirah Nabawiyah, Ummul Mukminin Sayyidatina Juwairiah Al-Harith R.A merupakan seorang tokoh *influencer* di kalangan kaumnya. Selepas Sayyidatina Juwairiah R.A memeluk Islam, sebahagian besar kaumnya juga turut ikut memeluk Islam. Besarnya pengaruh seorang *influencer* boleh membawa ramai manusia mengenal Allah. Kalau buruk contoh yang ditunjukkan oleh seorang *influencer*, maka besarlah juga impaknya kepada masyarakat yang mungkin terikut-ikut dengan *influencer*. Semoga pemenang anugerah Tokoh Sayyidatina Juwairiah Al-Harith ini mampu memberi contoh yang baik dan membawa orang lebih mendekati Allah sebagaimana Sayyidatina Juwairiah Al-Harith R.A.




# ANUGERAH KHAS WANITA ORANG ASLI

## Andak Anjang

Majoriti kehidupan orang asli begitu dekat dengan hutan dan alam semula jadi. Ada beranggapan mereka ini golongan terpinggir kerana jauh ketinggalan daripada kemajuan masyarakat luar yang lebih moden dan serba canggih. Namun begitu, orang asli bukan golongan terpinggir. Mereka adalah masyarakat eksklusif yang berpegang teguh kepada budaya, adat dan kepercayaan untuk diturunkan kepada generasi yang akan datang.

Andak Anjang, merupakan anak jati Kampung Tuel, Gua Musang, Kelantan. Beliau dilahirkan pada 23 September 1976 dan berumur 45 tahun. Beliau merupakan pemenang Anugerah Khas Wanita Orang Asli bersempena Hari Sayyidatina Khadijah 2021 kerana banyak menggembleng tenaga dan menyumbang bakti kepada masyarakat.

Andak Anjang telah bertemu jodoh dengan Abdul Razak Amat. Hasil perkahwinan beliau dengan suami, mereka telah dikurniakan sepuluh orang cahaya mata dimana 4 orang telah bekerja. Manakala, 4 orang lagi sedang menyambung pelajaran. Salah seorang anak beliau, Maria, pernah muncul di dalam akhbar Sinar Harian pada 25 Ogos 2019 dengan tajuk ‘Anak Orang Asli Antara 210 Graduan KIAS’. Hasil galakan daripada ibu dan ayah, Maria telah berjaya menamatkan

Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak Secara Islam. Pencapaian ini bukanlah sesuatu yang boleh dipandang mudah kerana tidak ramai dari kalangan orang asli yang menamatkan pendidikan di peringkat tinggi.

Andak Anjang adalah seorang yang baik hati dan ringan tulang dalam membantu masyarakat terutama jika mereka memerlukan bantuan serta menjadi ketua tukang masak di majlis keraian. Selain itu, beliau juga memegang jawatan yang penting iaitu sebagai ketua kaum wanita orang asli. Antara sumbangan beliau kepada masyarakat adalah menjaga kebajikan penduduk dari segi khidmat bantuan serta lantang menyuarakan isu wanita orang asli di dalam mesyuarat. Di samping itu, beliau juga seorang yang mesra kerana selalu mengajak wanita orang asli untuk ke kelas fardhu ain dan membantu suaminya yang seorang penggerak Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dalam kerja-kerja dakwah. Bak kata pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.




# ANUGERAH KHAS WANITA BUKAN ISLAM

## Wee Sock Yam

Wee Sock Yam atau nama pena beliau ialah Sujata Wee. Beliau merupakan anak kelahiran Kampung Jelawat Bachok, Kelantan. Beliau telah dianugerahkan Anugerah Khas Wanita Bukan Islam bersempena program Hari Sayyidatina Khadijah 2021 kerana mempunyai pengalaman yang meluas dalam bidang penulisan.

Beliau bersama penulis Malaysia dan penulis nusantara di dalam 67 buah antologi pelbagai gaya termasuk pantun, sajak, syair, gurindam, cerpen dan penulisan makalah. Beliau seorang yang aktif mendeklamasikan sajak sama ada di dalam dan di luar negara dan beliau pernah ke Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan lain-lain negeri serta dijemput ke Thailand dan Indonesia untuk acara sastera dan mendeklamasikan sajak.

Selain itu, beliau merupakan Ahli Persatuan Penulis Kelantan, Persatuan Penyair Kelantan dan Persatuan GEMA serta menjadi biro dan wakil kampung kepada Persatuan Peranakan Cina Kelantan. Di samping itu, beliau juga merupakan AJK Persatuan Buddha Wakaf Bharu dan giat menghadiri aktiviti kesasteraan dalam negeri Kelantan. Bak kata pepatah, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Bakat beliau turut terserlah dalam penulisan puisi eceran kerana tersiar didalam beberapa akhbar seperti akhbar Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Sinar Harian, Buletin Penyair, Jurnal Pemuisi, Wilayahku, New Sabah Times, Jendela Timur, Berita Harian, majalah Dewan Sastera, Dewan Budaya dan Pelita Bahasa. Antara karya yang diterbitkan oleh beliau adalah dua buah buku persendirian iaitu kumpulan sajak dan cerpen 'Tidak Terkalahkan' dan buku kumpulan cerpen 'Merenda Impian'.

Penglibatan dalam bidang seni ini telah memperlihatkan beberapa kejayaan dan pencapaian Wee Sock Yam. Antara pencapaian beliau ialah dianugerahkan Hadiah Penghargaan Sajak dan Cerpen anjuran GEMA dua tahun berturut -turut iaitu pada tahun 2019 dan 2020. Selain itu, beliau memenangi tempat ketiga sayembara  pantun empat kerat anjuran KEMBARA SASTERA 2020, memenangi hadiah saguhati sayembara sajak 2020 anjuran UMK Kelantan, memenangi hadiah saguhati Sayembara Malaysia Prihatin anjuran Perpustakaan Awam Kelantan 2020, hadiah penghargaan cerpen sempena Perayaan Jubli Emas 50 Tahun GAPENA 2020 dan lain-lain.




## ANUGERAH KHAS PENDIDIKAN
Allahyarham Dr. Rus Sanani @
Asiah Hassan

Anugerah Khas Pendidikan merupakan salah satu anugerah yang baru diperkenalkan pada sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2021. Anugerah ini dinobatkan kepada Allahyarham Dr. Rus Sanani @ Asiah Bt Hassan yang berasal daripada Kota Bharu, Kelantan. Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama Ustaz Nik Razi Nik Mat yang merupakan adinda kepada Allahyarham Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Hasil perkahwinan ini telah dikurniakan dua belas orang cahaya mata. Anak-anak beliau telah mendapat kerjaya yang baik dan sesuai dengan bidang masing-masing.

Allahyarham Dr. Rus Sanani menyambung pengajian di peringkat ijazah dalam Syariah dan Undang-Undang di YPTIK Nilam Puri dan meneruskan pengajian diploma dalam bidang Pendidikan Islam di Universiti Ain Syam, Mesir pada tahun 1980. Dengan minat yang mendalam untuk menuntut ilmu, beliau melanjutkan pendidikan di Universiti Azhar, Mesir dalam pengajian Perundangan Islam/ Syariah. Pada tahun 2005, beliau telah berjaya menamatkan pengajian beliau di peringkat doktor falsafah dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Universiti Malaya (UM).

Pada awal kerjaya beliau, Allahyarham Dr. Rus Sanani merupakan seorang guru agama di Madrasah Sullamiah, Bunut Payong pada tahun 1982 sehingga 1983. Kemudian, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di beberapa universiti seperti ITM Shah Alam, ITM Kelantan dan Kias, Nilam Puri. Walaupun beliau seorang yang aktif dalam kerjaya dan lapangan, beliau tidak pernah melupakan tugasnya sebagai seorang ibu di rumah. Beliau berjaya menguruskan anak-anak beliau dengan baik sehingga mereka berjaya dan menjadi insan yang berbakti kepada masyarakat dan bangsa.

Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai pensyarah, beliau telah mendapat banyak penghargaan dan pengiktirafan pihak universiti di atas usaha dan kejayaan beliau sebagai pendidik. Antara penghargaan yang diperolehi ialah Tokoh Penulisan 2007, Anugerah Penulisan 2008, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008 (UiTM Kelantan), Anugerah Pembentangan sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf UiTM Kelantan 2009, Anugerah Pembentangan sempena Hari Kemuncak Inovasi UiTM Kelantan 2010 dan Anugerah Khidmat Cemerlang 2014 sempena Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang Staf KIAS 2014. Hal ini menggambarkan bahawa beliau seorang yang gigih dan sentiasa berusaha dalam setiap tugasan yang diberikan.

Selain itu, tokoh ini juga aktif dalam memberi sumbangan dalam bidang penulisan dan menulis kertas kerja di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Beliau mempunyai kemahiran dalam penyelidikan dan telah menerbitkan beberapa buku bagi menjawab kemusykilan agama dalam isu kekeluargaan, wanita, ibadah, akidah dan lain-lain. Di samping itu, beliau juga suka berkongsi ilmu dan pengalaman bersama mahasiswa dan masyarakat terutama dalam isu fiqh, ibadah, perkahwinan, keluarga dan lain-lain.

Setiap yang bernyawa pasti akan merasai mati. Pada tanggal 9 Julai 2019, Dr. Rus Sanani telah pergi meninggalkan kita untuk selama-lamanya. Pemergian beliau merupakan satu kehilangan yang sangat besar dalam dunia pendidikan. Semoga ilmu yang pernah beliau kongsi dan tinggalkan bakal menjadi ilmu bermanfaat dan amal jariah yang sentiasa berpanjangan. Kisah beliau sangat memberi motivasi dan inspirasi kepada wanita dan ibu di luar sana untuk terus berusaha mencapai yang terbaik. Al-Fatihah untuk beliau.




## ANUGERAH JASAMU DIKENANG
## Allahyarham Mariani Sulaiman

Budimu disanjung, Jasamu dikenang.
Penerima Anugerah Jasamu Dikenang, Allahyarham Mariani Sulaiman dilahirkan pada 1 Mac 1968. Anak kelahiran jati Kelantan ini pada waktu hidupnya adalah merupakan pasangan kepada Roslan Ismail dan dianugerahkan dua orang cahaya mata perempuan iaitu Nur Nadhirah Roslan, dan Nur Aliyah Roslan. Kedua-dua orang anak perempuannya berkelulusan peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Beliau memulakan pendidikan awalnya di Sekolah Menengah Teknik Alor Star peringkat SPM. Menyedari betapa perlunya memiliki tahap pendidikan yang tinggi, pada tahun 1987 sehingga 1988 beliau meneruskan pengajian di Universiti Teknologi Mara. Kemudian, beliau menyambung pelajaran di Kolej Kejururawatan HKL, Diploma Kejururawatan pada tahun 1989 sehingga 1991. Pada tahun 2001 sehingga 2004, beliau meneruskan pengajian di Universiti Sains Malaysia, kelulusan Ijazah Sarjana Muda.

‘Umpama orang mengantuk disorongkan bantal’, itulah peribahasa yang tepat untuk menggambarkan perasaan beliau tatkala menerima surat tawaran untuk menjadi seorang jururawat. Nampaknya, impian untuk bergelar seorang jururawat sudah tercapai. Khidmat baktinya sebagai jururawat bermula di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian (HUSM) pada tahun 1992 sehingga 2020 sebagai ketua jururawat.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau pernah menjadi petugas haji sepanjang dua tahun berturut-turut pada tahun 2007 dan 2008 dalam bidang perubatan dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji di Mekah. Selain itu, beliau menjadi ahli badan kebajikan dan ahli koperasi di HUSM. Seterusnya, beliau juga merupakan Biro Pendidikan Kejururawatan HUSM dan menyertai Persatuan Jururawat Malaysia.

Sesiapa yang mengenalinya akan mengatakan beliau seorang jururawat yang berdedikasi, penyayang dan mudah didekati di kalangan kakitangan HUSM dan pesakit. Selain itu, beliau seorang yang tegas dan menjadi contoh kepada kakitangan HUSM serta seorang yang bijak menguruskan masalah melibatkan staf dan pesakitnya. Sepanjang perkhidmatannya, beliau menerima Anugerah Maal Hijrah pada tahun 2009 dan menerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada tahun 2006 dan 2016. Beliau juga menerima Anugerah Sanjung Budi.

Pada tahun 2020, negara kita dilanda pandemik COVID-19 yang menyebabkan para petugas barisan hadapan terpaksa sentiasa bersiap siaga berkhidmat tanpa mengira waktu dan penat lelah. Akhirnya, pada 15 Disember 2020, seorang petugas barisan hadapan, Mariani Sulaiman telah gugur meninggalkan kita semua akibat jangkitan COVID-19. Beliau difahamkan positif COVID-19 sewaktu melakukan kerja-kerja mengesan kontak rapat pesakit. Setelah dua puluh sembilan tahun menabur bakti sebagai seorang jururawat, beliau akhirnya pergi untuk selama-lamanya ketika berusia 52 tahun. Semoga amal beliau sebagai seorang jururawat dan petugas barisan hadapan hingga mengorbankan nyawanya akan dinilai oleh Allah serta rohnya ditempatkan di kalangan para syuhada’ dan orang soleh. Al-Fatihah.

# Ikon HSK 2021




# IKON USAHAWAN

## Nur Aliyah Syofia Mohd Mazalan

Penerima anugerah Ikon Usahawan pada tahun ini adalah seorang ibu muda dari Jeli. Beliau dilahirkan pada 16 Disember 1992. Baru menghampiri usia 29 tahun, ibu kepada tiga orang cahaya mata ini mempunyai semangat usahawan yang tinggi. Mendapat sokongan dari suami, Mohamad Sukri dan keluarga sendiri, beliau terus melangkah laju ke hadapan.

Bermula pada tahun 2019 secara kecil-kecilan, Nur Aliyah Syofia Mohd Mazalan kini mampu tersenyum bangga apabila usahanya menjual takoyaki mendapat sambutan hangat dari seluruh negara. Walaupun perniagaannya boleh dikatakan baru, beliau kini mempunyai 14 orang pekerja, 20 orang stokis, ribuan ejen dan lebih 2,000 dropship dari seluruh negara. Melalui penjualan takoyaki ini juga, beliau telah membantu para stokis, ejen dan dropship di bawahnya yang terdiri daripada pelbagai lapisan termasuk suri rumah dan pelajar untuk menjana pendapatan sendiri. Malahan, ada di kalangan mereka yang mendapat hasil jualan melebihi empat angka sebulan hasil dari penjualan takoyaki.

Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Pada waktu negara diuji dengan wabak pandemik COVID-19, banyak perniagaan yang terpaksa gulung tikar dan ramai yang hilang pekerjaan. Tetapi dalam masa yang sama, perniagaan takoyaki Aliyah terus mendapat tempat di hati pelanggan beliau. Dalam masa tidak sampai setahun, beliau mampu membuka kilang takoyaki buatan muslim di Jeli. Melihat kepada gaya pembungkusan Takoyaki Express yang menarik dan kreatif, ramai yang beranggapan ianya dihasilkan di Kuala Lumpur, tetapi hakikatnya adalah ia merupakan hasil keluaran anak jati Kelantan yang dipasarkan ke seluruh Malaysia dan dihasilkan dari kilang yang beroperasi di Jeli.

Tidak melupakan nikmat yang Allah kurniakan, Aliyah aktif membantu golongan yang memerlukan. Zakat perniagaan juga menjadi kewajipan yang harus dikeluarkan. Semoga dengan pengiktirafan ini, mampu menjadikan Aliyah terus maju ke hadapan dan menjadi hartawan Muslimah yang berjiwa Khadijah.




# IKON PENDIDIKAN
## Farahana Mohamed

Nama Farahana Mohamed menjadi bualan apabila beliau dianugerahkan Hadiah Pelajaran Diraja oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada akhir tahun 2019. Anak Kelantan yang dilahirkan di Kampung Sarah Sering ini merupakan graduan UKM bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan. Bukan calang-calang orang yang layak untuk menerima Hadiah Pelajaran Diraja yang disampaikan sendiri oleh Tuanku Canselor UKM ini. Selain mencapai tahap paling cemerlang dalam pencapaian akademik, penerima anugerah ini juga harus aktif dalam aktiviti ko-kurikulum. Calon juga perlu lulus sesi temuduga di hadapan satu barisan panel yang dilantik khusus untuk membuat pengesahan tahap kecemerlangan calon dari aspek personaliti, komunikasi dan pengetahuan. Tidak hanya mementingkan bidang akademik, Farahana juga aktif dengan aktiviti ko-kurikulum dan menyandang jawatan Naib Presiden Majlis Perwakilan Pelajar.

Siapa sangka, di sebalik kejayaan beliau dalam bidang akademik, anak muda ini telah menempuh 1001 halangan untuk sampai ke puncak. Beliau pernah menolak tawaran melanjutkan pelajaran ke UNIMAS kerana ayahnya yang merupakan seorang buruh kasar telah diserang sakit angin ahmar dan menyebabkannya terlantar sakit serta tidak lagi mampu bekerja. Seorang anak yang bertanggungjawab, beliau tidak

sanggup meninggalkan keluarganya untuk ke Sarawak sewaktu ayahnya sakit terlantar. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran di dalam Diploma Mikrobiologi di UiTM Kuala Pilah dan kemudiannya ke UKM. Bagi menampung keperluan pengajiannya, Farahana akan mencari kerja sendiri setiap kali cuti semester.

Tidak cukup dengan penderitaan ayah, ibu beliau pula jatuh sakit. Segala tanggungjawab menguruskan keluarga telah dipikul oleh dua orang kakak yang bekerja sebagai guru dan adik yang bekerja sebagai jururawat. Merekalah tempat bergantung harap selain dari abang-abangnya. Beliau turut mempunyai seorang adik yang mengalami masalah pembelajaran sejak sekolah lagi. Walaupun sedih dengan pemergian ibunya pada tahun lalu, Farahana cekal dan tabah menghadapi ujian hidup. Kejayaan beliau wajar dicontohi oleh semua dan beliau mampu membuktikan yang aktif di dalam aktiviti kepimpinan dan ko-kurikulum juga boleh cemerlang dalam akademik di samping tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga.




# IKON KEPIMPINAN

## Nurhamizah Salleh

Ikon Kepimpinan bagi Hari Sayyidatina Khadijah 2021 telah dinobatkan kepada wanita muda yang berusia 28 tahun. Beliau merupakan Nurhamizah Salleh yang berasal daripada Kota Bharu, Kelantan. Kini, beliau berkhidmat sebagai guru KAFA JAKIM di Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian 2.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Long Ghaffir dan meneruskan pengajian sekolah menengah di maahad Taqaddum Al-Maarif, Pasir Tumboh dengan kelulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Seterusnya, beliau berjaya melanjutkan pelajaran di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor bagi jurusan pengajian ijazah sarjana muda. Berbekalkan minat beliau yang mendalam untuk menjadi seorang pendidik, beliau menyambung pengajian di peringkat diploma pendidikan lepasan ijazah di Universiti Sultan Zainal Abidin atau UniSZA dan menamatkan pengajian pada tahun 2019. Ikon ini memulakan kerjaya beliau dengan memilih untuk menjadi seorang pendidik dan ingin berjasa kepada masyarakat dan bangsa.

Pencapaian beliau yang terbesar pada tahun 2020 iaitu telah menerima Anugerah Muslimah Muda dalam program realiti Daie Muda Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia Bersama TV Al-Hijrah. Beliau telah menjalani latihan bagi program Daie Muda selama 4 bulan. Selain itu, beliau juga seorang sukarelawan aktif dalam Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan NGO lain.

Ikon ini dikenali sebagai anak muda yang suka membantu dan sentiasa berkongsi ilmu di lapangan dan media sosial beliau. Beliau juga mempunyai misi dan visi yang jelas untuk merealisasikan impian beliau. Justeru, beliau menjadi inspirasi kepada wanita muda untuk menjadi seorang yang berani untuk menonjolkan diri di depan khalayak ramai bagi berkongsi ilmu dan pengalaman beliau.




# IKON KEMASYARAKATAN

## Wan Nur Azimah Wan Zainuldin

Berbekalkan iltizam dan semangat yang tinggi untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat, melayakkan Wan Nur Azimah Wan Zainuldin, 33 tahun dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Kategori Ikon Kemasyarakatan. Anak kelahiran Pasir Hor, Kota Bharu ini merupakan seorang Pegawai Sains di HUSM. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pasir Hor, seterusnya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 1 dan menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Bioperubatan di Universiti Putra Malaysia.

Minat yang mendalam dalam bidang kesukarelaan mendorong beliau melibatkan diri dalam NGO seterusnya diangkat sebagai setiausaha merangkap koordinator Pertubuhan Gabungan Bantuan Bencana NGO Malaysia (BBNGO) bermula tahun 2015 sehingga kini. Sewaktu “Bah Kuning” yang melanda Kelantan pada tahun 2014 beliau bersama BBNGO bertungkus lumus membantu mangsa banjir serta mengadakan program Jiwa Murni Semarak Ramadan, Program Korban bersama mangsa banjir. Beliau juga turut terlibat dalam Bulan Kesiapsiagaan Bencana Nasional, terlibat dalam program *Community Resilient* Pelajar Medikal Tahun 2 & 3 UPNM serta membantu mangsa banjir di Pahang.

Selain tumpuan kepada misi bantuan banjir, beliau juga turut aktif membantu masyarakat orang asli antaranya mengadakan program bersama orang asli di Pos Pasik, Kg. La, Gua MUsang serta terlibat dalam misi kemanusiaan bantuan kebakaran di Sandakan, Kota Kinabalu, Putatan dan Kudat Sabah. Kesibukan ibu kepada dua orang cahaya mata ini menguruskan kerja hakiki serta tugas mengurus keluarga bukanlah penghalang untuk beliau meneruskan khidmat bakti untuk masyarakat. Malah bermula Mac 2020 sehingga kini beliau turut merupakan pengkoordinasian bantuan COVID-19 dalam mengharungi cabaran pandemik yang berlaku di seluruh negara.

Sumbangan beliau tidak hanya berkisar dalam negara sahaja malah diluaskan ke perigkat antarabangsa. Antaranya beliau terlibat dalam misi bantuan Banjir Sisakhon, Yala, Patani dan Nakhon di Tammarat, Thailand. Beliau juga dipertanggungjawabkan menyertai misi bantuan banjir di Banten, Indonesia. Sesungguhnya beliau seorang yang bertuah kerana mempunyai keluarga yang sangat menyokong penglibatan beliau dalam membantu masyarakat malah suami beliau juga merupakan seorang aktivis NGO.




# IKON KESENIAN

## Siti Nurwanis Mohamed

Siti Nurwanis Mohamed atau lebih dikenali dengan nama pena Hikmatul Islam, berusia 32 tahun dan merupakan anak kelahiran Pasir Mas. Dilahirkan pada tahun 1989, beliau merupakan Ikon Kesenian yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang seni penulisan kreatif.

Beliau mula berjinak-jinak dalam bidang penulisan semenjak menuntut di universiti lagi, iaitu pada tahun 2013 dan menghadiri bengkel penulisan bersama penulis terkenal. Kemudian, pada tahun 2015, proposal buku pertama diterima dan diterbitkan oleh Syarikat Mustread bertajuk “Wanita Solehah, Awak Kat Mana”. Karya sulung ini berbentuk motivasi umum kepada para wanita dengan memaparkan kisah-kisah menarik bagaimana para wanita yang sedang mencari jati dirinya untuk berubah menjadi wanita yang lebih baik di sisi-Nya sehingga mampu mencapai gelaran wanita solehah. Buku ini berjaya mengangkat nama beliau di persada penulisan seni kreatif sehingga setanding dengan penulis hebat lain dan buku ini diulang cetak sebanyak tiga kali cetakan.

Tidak terhenti di situ, beliau keluar dengan karya kedua bertajuk “Demi Allah Aku Tidak Kuat, Kerana Allah Aku Harus Kuat” terbitan Rusydee Artz Studio yang merupakan syarikat percetakan beliau sendiri. Buku ini khusus untuk para wanita yang banyak diuji dengan soal cinta manusia yang memaparkan setiap kisah cinta dengan membawa semula pembaca mengenal cinta Allah SWT yang lebih utama. Manakala buku ketiga bertajuk “Tuhan Aku Perlukanmu” berbentuk motivasi umum, sarat dengan untaian kata-kata hikmah yang membawa pembaca untuk memahami ujian Allah, dan berpegang semula kepada Allah dengan sepenuhnya. Buku keempat pula bertajuk, “Ketika Cinta Harus Berpisah” membawa tema kepada perpisahan, yang ingin mengembalikan semula semangat dan kepercayaan seseorang yang telah berpisah.

Sosok tubuh ini seringkali diundang memenuhi jemputan bedah buku hampir 40 tempat di peringkat sekolah, kolej dan universiti di seluruh negara sama ada turun lapangan atau secara atas talian (media). Beliau juga aktif menulis di akaun *Facebook* dan *Instagram* setiap hari dan mempunyai pengikut melebihi 20,000 orang di *Facebook* dan melebihi 40,000 orang di *Instagram*. Beliau juga turut aktif menjadi tutor personal (coaching online) di telefon dan mempunyai pengalaman membantu lebih daripada 200 orang yang menelefon secara personal untuk meluahkan masalah peribadi. Di samping itu juga, beliau aktif menjalankan Kelas Terapi Hati di dalam *secret group* di Facebook berkisar pengisian tauhid dan rohani yang mana terbuka kepada seluruh masyarakat.

Dakwah beliau adalah melalui penulisan, berbentuk kata-kata hikmah yang bertujuan menarik para remaja khususnya serta seluruh masyarakat untuk lebih dekat kepada Allah dan Rasulullah SAW.




# IKON SUKAN

## Siti Nur Syahirah Mohd Ruzaizol

Berbekalkan hobi dan minat yang mendalam terhadap dunia sukan dan aktiviti lasak melayakkan Siti Nur Syahirah Mohd Ruzaizol dinobatkan sebagai Ikon Sukan. Beliau merupakan pemegang ijazah dalam bidang dakwah komunikasi daripada Universitas Islam Negeri Sumatera (UIN).

Pada mulanya beliau memasuki dunia sukan sekadar untuk mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah. Namun, minat serta peluang yang ada terus digilap dan disemai. Beliau terlibat aktif dalam bidang sukan bermula sebagai fasilitator program pendakian anak muda tawan Gunung Stong yang diuruseliakan oleh Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) selama enam tahun ketika beliau masih belajar di peringkat diploma, KIAS.

Minat serta semangat ini tidak terhenti malah dibawa sehingga ke peringkat yang lebih jauh. Peluang diterima belajar di Universitas Islam Negeri Sumatera (UIN) tidak disiakan malah diguna sebaik mungkin. Berbekalkan prinsip wanita juga boleh lakukan aktiviti sukan dengan menutup aurat sempurna, beliau ternyata telah berjaya mengangkat martabat wanita muslimah dalam bidang sukan yang diceburi seperti pendakian, badminton, ping pong, bola baling, futsal, bola jaring dan sukan lasak panjat tebing dan harung jeram.

Antara pencapaian yang telah dicapai antaranya beliau berjaya mendaki Gunung Kerinci (paling extreme Kepulauan Sumatera) pada tahun 2019, melakukan pendakian ke Gunung Kinabalu dan Pendakian Winter ke Annapurna Base Camp Nepal pada tahun 2020. Manakala antara kejayaan yang telah dimenangi beliau adalah menjadi juara Badminton Beregu dan Double Medan Games, tempat ketiga Badminton di Bandung Games, johan badminton dan tempat ketiga acara bola baling di Akasuma Games Medan, tempat kedua Piala Konjen bagi kategori futsal wanita dan mendapat tempat kedua kategori ping pong dalam Piala Konjen.

Paling membanggakan beliau diberi penghargaan menjadi mahasiswa Malaysia pertama yang mengikuti organisasi Mapala Indonesia serta dihadiahkan buku penulisan sendiri Wali Kota Sumatera Barat. Olehkerana pencapaian, pengalaman yang luas serta komitmen yang tinggi beliau kini diangkat sebagai Presiden Kelab Kembara Ukhwah Outdoor. Diharapkan dengan penganugerahan ini boleh memberi inspirasi kepada para remaja untuk turut sama menceburi bidang sukan dan aktiviiti lasak serta pada masa yang sama memakai pakaian yang menutup aurat dengan sempurna dan patuh syariah.




# IKON INOVATIF

## Azzah Amran

Azzah Amran, berusia 37 tahun merupakan anak jati Kampung Sireh, Kota Bharu, Kelantan. Dilahirkan pada 1984 merupakan ikon inovatif yang mempunyai pengalaman yang luas dan memperoleh kejayaan yang banyak dalam bidang inovatif. Beliau dianugerahkan empat orang cahaya mata yang berusia lapan tahun, enam tahun, empat tahun dan sebulan hasil daripada perkahwinannya bersama suami tercinta, Mohamed Zarimi Mohamed Zahidi.

Beliau mendapat pendidikan menengah di SMU (A) Maahad Muhammadi Perempuan dalam aliran perakaunan pada tahun 2001. Setelah memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia, beliau melanjutkan pengajian awal di universiti pada peringkat Diploma Pengajian Perniagaan di Universiti Teknologi MARA pada tahun 2003. Kemudian, pada tahun 2006, beliau melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda dalam jurusan pentadbiran perniagaan dalam bidang kewangan. Untuk lebih mendalami bidang tersebut, beliau telah menyambung pengajian di peringkat sarjana dalam bidang yang sama iaitu pentadbiran perniagaan pada tahun 2008. Beliau memulakan kerjaya sebagai penyelidik dari tahun 2009 hingga 2010 di UiTM *Graduate Business School*. Beliau kemudiannya menjadi pensyarah kanan di UiTM Kampus Kota Bharu bermula pada tahun 2010 sehingga kini.

Kerjaya beliau sebagai pensyarah dalam bidang keusahawanan, kewangan dan perniagaan sejak tahun 2010 telah membuka peluang kepada beliau dan pelajar untuk meneroka idea-idea baharu untuk dipertandingkan dan dikomersilkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Malah beliau telah melatih ramai pelajar yang memenangi anugerah dan dipilih untuk dipersembahkan kepada syarikat gergasi di tanah air seperti Samsung, IM4U dan *Youth Malaysia*. Terdapat juga kepakaran beliau digunapakai oleh pihak industri dan perusahaan untuk kemajuan perniagaan.

Beliau sentiasa berminat mencabar kebolehan dirinya untuk menempatkan dirinya sebagai *innovator* di persada antarabangsa. Minat tersebut telah membawa beliau ke beberapa ekspo dan pertandingan inovasi di luar negara dan pernah dinobatkan sebagai *Best Woman Inventor* dan *Gold Medal-Quat Products* oleh *Tummiad – High Counsil Of Judges (Turkey) – Euroinvent* di Romania pada tahun 2016 dan mendapat *Gold Medal in I-Biz Play (Innovation In Islamic Finance Board Games*) *in World Invention Creativity Olympics – WICO 2017* di Korea. Selain daripada ini, terdapat banyak lagi pingat dan anugerah inovasi yang telah dimenangi oleh beliau.

Beliau menjadi rujukan di universiti, komuniti malah kepakaran beliau semakin diiktiraf apabila dilantik sebagai juri pertandingan inovasi antarabangsa *Asia Lohas - Korean University Invention Association Invention* di Korea. Lantikan dan jemputan ini adalah daripada *Korean University Invention Association* (KUIA) dan sangat menjadi kebanggaan pihak universiti (UiTM Kelantan). Melalui pengalaman ini, beliau juga pernah dilantik sebagai *Malaysian Delegate* oleh pihak Korea (KUIA) pada tahun 2018 untuk mengendalikan kontijen Malaysia ke pertandingan inovasi di Korea. Semoga anugerah Ikon Inovatif ini akan menjadi pemangkin untuk beliau meneruskan sumbangan yang berimpak tinggi untuk negeri dan negara.




# IKON KHAS JURI

## Dr. Hafizah Noor Isa

Pada 2016, nama Malaysia telah diharumkan oleh seorang anak muda dari Machang yang pada ketika itu merupakan calon PhD di University of Glasgow. Nama beliau termasuk dalam kumpulan saintis yang berjaya membuktikan teori *Albert Einstein* berhubung gelombang graviti. Anugerah Ikon Khas Juri ini sememangnya layak diberikan kepada saintis muda yang berjiwa cekal ini.

Dr. Hafizah Noor Isa, merupakan graduan PhD di University of Glasgow ialah antara 1,004 orang penyumbang yang menulis kertas saintifik, *'Observation of Gravitational Waves from a Binary Black Hole Merger'* yang diketuai oleh Laser Interferometer Gravitational-Wave Observatory (LIGO) di Amerika Syarikat.

Dalam penyelidikan ini, beliau terlibat secara langsung di United Kingdom dalam menghasilkan alat bagi mengesan gelombang graviti dan seterusnya dapat membuktikan teori Albert Einstein berhubung “Teori Relativiti”. Hasil dari pengesanan gelombang graviti ini, kumpulan penyelidik bersama ini telah berjaya meraih hadiah “Nobel” dalam bidang fizik pada tahun 2016.

Di atas kejayaan ini juga beliau dianugerahkan Anugerah Perdana Belia Negara *dan Special Breakthrough Prize In Fundamental Physics* pada tahun 2016. Beliau yang kini berkhidmat sebagai pensyarah di UniversitI Islam Antarabangsa Kampus Kuantan dan merupakan bekas pelajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta Sekolah Menengah Kebangsaan Machang. Kejayaan anak jati Kelantan ini mengingatkan kita tentang tokoh ahli fizik Islam Al Biruni yang berpengetahuan luas dalam bidang fizik, matematik, astronomi dan sains semulajadi.

# Tokoh Wanita Parlimen 2021

# SENARAI TOKOH WANITA PARLIMEN

| BIL | PARLIMEN | NAMA |
|---|---|---|
| 1. | TUMPAT | Maziah Awang Senik |
| 2. | PENGKALAN CHEPA | Wan Norarini Wan Ibrahim |
| 3. | KOTA BHARU | Rosnah Mahmood |
| 4. | PASIR MAS | Salbiah Md Noor |
| 5. | RANTAU PANJANG | Wan Hanisah Wan Ibrahim |
| 6. | KUBANG KERIAN | Zainiah Halim |
| 7. | BACHOK | Sakinah Mohd Amin |
| 8. | KETEREH | Fauziah Ismail |
| 9. | TANAH MERAH | Hasnah Yaacob |
| 10. | PASIR PUTEH | Meriam Jusoh |
| 11. | MACHANG | Makalthum Mohamad |
| 12. | JELI | Aslamyah Zakaria |
| 13. | KUALA KRAI | Noorizan @ Noriah Awang @ Che Noh |
| 14. | GUA MUSANG | Hjh Mek Yah Yaacob |

# Tokoh Wanita DUN 2021

# SENARAI TOKOH WANITA DUN

| BIL | PARLIMEN | DUN | NAMA |
|---|---|---|---|
| 1. | TUMPAT | Pengkalan Kubor | Maziah Awang Senik |
| 2. | | Kelaboran | Rohati Mat Nor |
| 3. | | Pasir Pekan | Che Bidah @ Che Yam Che Soh |
| 4. | | Wakaf Bharu | Hafizah Abdullah |
| 5. | PENGKALAN CHEPA | Chempaka | Khairiah Mohamed |
| 6. | | Kijang | Sanifah Mohd Yasok |
| 7. | | Panchor | Wan Norarini Wan Ibrahim |
| 8. | KOTA BHARU | Tanjong Mas | Rosnah Mahmood |
| 9. | | Kota Lama | Suriati Muhamad |
| 10. | | Bunut Payong | Minah Bernawi |
| 11. | PASIR MAS | Tendong | Salbiah Md Noor |
| 12. | | Pengkalan Pasir | Zainah Ismail |
| 13. | | Meranti | Rukiah Haron |
| 14. | RANTAU PANJANG | Chetok | Wan Hanisah Wan Ibrahim |
| 15. | | Gual Periok | Hedarohani Muhammed |
| 16. | | Apam Putra | Mek Embong @ Noriah Zakaria |
| 17. | KUBANG KERIAN | Salor | Saodah Yaakub |
| 18. | | Pasir Tumboh | Khadijah Mohamed Salleh |
| 19 | | Demit | Zainiah Halim |
| 20. | BACHOK | Tawang | Che Hasmat Abd Kadir |
| 21. | | Pantai Irama | Sakinah Mohd Amin |
| 22. | | Jelawat | Zakiah Ibrahim |

# SENARAI TOKOH WANITA DUN

| BIL | PARLIMEN | DUN | NAMA |
|---|---|---|---|
| 23. | KETEREH | Melor | Fauziah Ismail |
| 24. | | Kadok | Rohmah Dollah |
| 25. | | Kok Lanas | Noriah Razak |
| 26. | TANAH MERAH | Bukit Panau | Norhayati Isa |
| 27. | | Gual Ipoh | Hasnah Yaacob |
| 28. | | Kemahang | Hasni Abdullah |
| 29. | PASIR PUTEH | Selising | Meriam Jusoh |
| 30. | | Limbongan | Faudziah Yusof |
| 31. | | Semerak | Zainun Che Ahmad |
| 32. | | Gaal | Zanah Ismail |
| 33. | MACHANG | Pulai Chondong | Mahani Abd Kadir |
| 34. | | Temangan | Hamidah Hj Hassan |
| 35. | | Kemuning | Makalthum Mohamad |
| 36. | JELI | Bukit Bunga | Siti Aminah Mohamed |
| 37. | | Ayer Lanas | Suzana Yahya |
| 38. | | Kuala Balah | Aslamyah Zakaria |
| 39. | KUALA KRAI | Mengkebang | Salma Ismail |
| 40. | | Guchil | Noorizan @ Noriah Awang @ Che Noh |
| 41. | | Manek Urai | Mariyam Hussin |
| 42. | | Dabong | Hasmah Husin |
| 43. | GUA MUSANG | Nenggiri | Khadijah Ismail |
| 44. | | Paloh | Hjh Mek Yah Yaacob |
| 45. | | Galas | Zarinah Yazid |

# Ikon Wanita Parlimen 2021

## SENARAI IKON WANITA PARLIMEN

| BIL | PARLIMEN | NAMA |
|---|---|---|
| 1. | TUMPAT | Khairani Hanim Mohd Rasid |
| 2. | PENGKALAN CHEPA | Dr. Nurul Saidatul Husna Mohamad Abd Karim |
| 3. | KOTA BHARU | Dr. Azliani Ismail |
| 4. | PASIR MAS | Nur Fatin Athifah Romli |
| 5. | RANTAU PANJANG | Rosmalini Mohd Nasir |
| 6. | KUBANG KERIAN | Siti Farhanah Md Shakri |
| 7. | BACHOK | Zaihasni Mat Yaman |
| 8. | KETEREH | Nurulaishah Mat Jais |
| 9. | TANAH MERAH | Najibah Mohd Salleh |
| 10. | PASIR PUTEH | Nurzalinaiza Indah Zakaria |
| 11. | MACHANG | Nurul Huda Yusoff |
| 12. | JELI | Wan Ainun Mardiyah Wan Aziz |
| 13. | KUALA KRAI | Asmawani Hashim |
| 14. | GUA MUSANG | Dek Shazlina Zakaria |

# Galeri Foto

## Program Wanita Kelantan

# Program Wanita Kelantan

## DIARI HARI SAYYIDATINA KHADIJAH 2019







Majlis Acara Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2019







Program Turun Padang KPWKM 2021 selama 6 siri

# Berita & Keratan Akhbar

## KERATAN AKHBAR





# Kemuncak HSK –Dirimu semulia Khadijah

Oleh SALMAH MAT HUSAIN



Harakah Fikrah

# Peserta HSK dekati budaya rakyat Kelantan

Oleh RIZAL TAHIR



# HSK- 'Agar Dirimu Semulia Khadijah'

Harakah 3-5 Nov 2017

Oleh SALMAH MAT HUSAIN
Foto RIZAL TAHIR

BAGI menghargai jasa dan pengorbanan wanita, kerajaan Kelantan melalui Urusetia Pembangunan Wanita Kelantan (UPWK), menganjurkan program Hari Sayyidatina Khadijah (HSK).

Program berkenaan menjadi acara tahunan kerajaan negeri mengambil sempena nama isteri Rasulullah s.a.w, dengan temanya 'Agar Dirimu Semulia Khadijah'.

Khadijah lambang kepada wanita agung yang berkorban harta, jiwa raganya demi memperjuangkan agama Islam yang dibawa suaminya Muhammad s.a.w.

Jasanya dikenang dan disanjung baginda hingga ke akhir hayat lantaran cinta dan kasih Khadijah terhadap Islam dan Rasulullah sendiri yang tidak bertepi.

Kerana itu, Kelantan mengabadikan nama suri hati Junjungan Besar itu sebagai ikon yang perlu diikuti oleh muslimat di negeri Tadahan Wahyu itu.

Sejak tahun 2015 tiada lagi program Hari Wanita, yang ada Hari Sayyidatina Khadijah yang disembut di peringkat negeri dan Dewan Undangan Negeri seluruh Kelantan.

Sempena program istimewa ini, sembilan wanita telah dianugerahkan dengan sembilan tokoh yang disediakan khusus untuk mereka yang hebat itu.

Antaranya, Tokoh Suri Kepimpinan, Tokoh Suri Kemsyarakatan, Tokoh Suri Emas, Tokoh Suri Hero Rakyat, Tokoh Suri Orang Kurang Upaya, Tokoh Suri Kerjaya, Tokoh Suri Lestari, Tokoh Suri Inspirasi dan Tokoh Buah Hati Suri.

Anggota Parlimen Rantau Panjang, Ustazah Siti Zailah Mohd Yusof dianugerahkan Tokoh Suri Misali (Suri Kepimpinan), kerana tokoh kepimpinan yang ada padanya.

Tokoh Suri Kemasyarakatan pula dianugerahkan kepada Nik ...

Datin Tuan Sabariah merasmikan Logo Majlis Perundingan Wanita.

Datin Nik Zulaili Nik Yakob, menerima anugerah Tokoh Suri Inspirasi kerana kejayaan dan suami mendidik anak-anak.

Tokoh Suri Kepimpinan dianugerahkan kepada Ustazah Siti Zailah Mohd Yusof.

Para penerima anugerah bergambar kenangan dengan pemimpin wanita Kelantan.

... masyarakat.

Tokoh Suri Inspirasi, Datin Nik Zulaili Nik Yakob, iaitu isteri kepada pendakwah tersohor Ustaz Dato' Dr Abdul Basit Abdul Rahman

Nik Zulaili dianugerahkan tokoh berkenaan memandangkan kejayaannya dari suami mendidik anak-anak hingga cemerlang dalam pendidikan khususnya pendidikan agama dan al -Quran.

Pengerusi Jawatankuasa ... Md Nawi, berkata program berkenaan diadakan untuk mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan negeri.

Katanya, melalui program ini ianya menjadi medan untuk mempromosikan pencapaian wanita Kelantan melalui pelbagai bidang.

Selain itu, katanya ianya bertujuan untuk meletakkan nama Sayidatina Khadijah dan personalitinya sebagai ikon semua ...

Menurut Mumtaz, umat Islam khususnya kaum ibu amat wajar mencontohi baginda agar diri semulia Khadijah.

Sementara itu, isteri Menteri Besar Kelantan, Datin Bentara Kanan, Datin Siti Zabedah Abdul Hamid, mengingatkan kaum muslimat tidak terikut cara Barat dalam menuntut hak mereka.

Katanya, ini kerana Islam telah meletakkan hak kaum itu di tempat yang paling tinggi.

Beliau juga mengingatkan golongan itu tidak mengikut wanita Barat khususnya dalam menuntut kebebasan ...

... dan politik sewajarnya perlu dicontohi oleh semua kaum hawa biar di zaman mana sekalipun.

Turut hadir pada majlis itu, isteri Timbalan Menteri Besar, Datin Hasmahani Hussin, isteri Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, Datin Rowiah Ghazali dan lain-lain kepimpinan.

Sempena majlis itu juga, diadakan majlis perasmian serentak Logo Majlis Perundingan Wanita dan buku yang bertajuk Suri Hati Tok Guru (Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak).

Lebih 2,000 orang hadir pada majlis yang diadakan di Dewan ...

UTUSAN ONLINE

Berita Rencana Hiburan Bisnes Sukan Mega TV Utusan Deals Lagi

Berita › Wilayah Johor Kedah Kelantan KL & Putrajaya Melaka N.Sembilan Pahang Perak Perlis P.Pinang Sabah Sarawak Selangor Terengganu

# Prof. Dr. Nik Hazlina antara Tokoh Wanita Kelantan 2019

Asma Hanim Mahmood

27 Jun 2019 12:31 PM

926



Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob menyampaikan anugerah Tokoh Saidatina Aisyah Abu Bakar kepada Prof. Dr Nik Hazlina Nik Hussain bagi menghargai sumbangannya dalam bidang pendidikan dalam majlis perasmian Hari Saidatina Khadijah (HSK) 2019 di Hotel Grand Riverview di Kota Bharu semalam. - UTUSAN ONLINE

KOTA BHARU - Penulis ruangan kesihatan Mingguan Malaysia, Prof. Dr. Nik Hazlina Nik Hussain dinobat sebagai penerima anugerah Tokoh Saidatina Aisyah Abu Bakar bagi menghargai sumbangannya dalam bidang pendidikan sempena sambutan Hari Saidatina Khadijah (HSK) tahun ini.

# Buku-buku U-KeKWa




Buku Inspirasi Wanita 2019 (MISK)
Jilid 1

Buku Inspirasi Wanita 2019 (MISK)
Jilid 2







Buku Inspirasi Wanita 2019 (MISK)
Jilid 3




Buku Jelira (2018)




Buku Kelantan Cakna Wanita (2017)




Buku Kelantan Cakna Keluarga (2017)




Buku Suri Hati Tok Guru (2017)




Buku Kelantan Cakna Kebajikan (2017)




Buku Sinar Thurayya di Serambi Mekah (2017)




Buku Memartabatkan Wanita Kelantan (2016)




Buku Wanita Islam Kontemporari (2016)




Buku Pengurusan Khairat Bantuan Banjir Negeri Kelantan (2017)




Buku Teks Jahitan (2012)

خديجة
HARI SAYYIDATINA
KHADIJAH

Hari Sayyidatina Khadijah

019-981 3918

013-9846914 / 019-981 3918

HariSayyidatinaKhadijah

HSKhadijah

# Sekalung Penghargaan

**Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob,**
**Menteri Besar Kelantan**

**Yang Berhormat Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff,**
**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**Yang Berhormat Dato' Hjh Mumtaz binti Md. Nawi,**
**Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita,**
**Negeri Kelantan**

**Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Dato' Hj Nazran bin Muhammad,**
**Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**

**Yang Berhormat Rohani binti Ibrahim,**
**Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan,**
**Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan**

**Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Kerajaan Negeri Kelantan**

**Yang Berusaha Puan Ilvira binti Mohd Dasuki,**
**Ketua Pengarah Program Hari Sayyidatina Khadijah 2021**

**Yang Berusaha Puan Hasmaryanti binti Kamaruzzaman**
**Timbalan Ketua Pengarah I Program Hari Sayyidatina Khadijah 2021**

**Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaksana**
**Hari Sayyidatina Khadijah 2021**

**Seluruh Agensi Kerajaan, Pihak Swasta, NGO dan Individu**

**Wakil-wakil Media**

**Para Tetamu Jemputan**

**Para Penaja Dermawan**

**Semua Pihak Yang Terlibat**
**Secara Langsung Dan Tidak Langsung**

“Wanita dikahwini kerana empat hal: Kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya, dan kerana agamanya. Maka hendaklah kamu pilih kerana agamanya, sebab kalau tidak demikian, nescaya kamu akan celaka” (Hadith Shahih Riwayat Bukhari & Muslim)

# Inisiatif Kelantan Cakna Wanita

1. Melantik wanita sebagai Exco Kerajaan Negeri Kelantan
2. Melantik wanita sebagai Timbalan Exco Kerajaan Negeri Kelantan
3. Melantik wanita sebagai Senator mewakili Kerajaan Negeri sebagai Ahli Dewan Negara
4. Melantik wanita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)
5. Melantik Ahli Parlimen Wanita
6. Melibatkan wanita dalam penggubalan pelaksanaan undang-undang semakan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam
7. Menubuhkan urus setia khusus untuk menguruskan pembangunan wanita Kelantan (Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan)
8. Melantik Pegawai Khas Wanita
9. Melantik Pengarah Wanita
10. Melantik Pemandu Wanita Khas untuk Exco Wanita Kerajaan Negeri
11. Melantik wanita sebagai Pegawai Tadbir Negeri (PTN)
12. Melantik wanita sebagai Pegawai Tadbir Ugama (PTU)
13. Melantik wanita sebagai Ahli Majlis Daerah
14. Melantik wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah (ALP)
15. Melantik Penghulu Tanpa Mukim Wanita (PTMW) DUN
16. Melantik wanita sebagai Penghulu Parlimen
17. Melantik Penghulu Wanita Wakil Kaum
18. Melantik wanita sebagai Penghulu Mukim
19. Pelantikan 45 orang Penyelaras Pembangunan Armalah DUN (PPAD)
20. Pelantikan 45 orang Guru Jahitan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK)
21. Melantik wanita sebagai Pegawai Halaqat
22. Perlantikan Guru Al-Quran Wanita di 45 DUN
23. Penubuhan Majlis Perundingan Wanita Negeri dan Parlimen
24. Perlantikan Penguatkuasa Wanita
25. Mewujudkan Kumpulan Pengurusan Acara (*Team Event Manager*) di kalangan wanita
26. Menganjurkan Hari Sayyidatina Khadijah
27. Menganjurkan sukan wanita yang menutup aurat seperti Nisa' Games 2007

28. Penganjuran aktiviti berkuda dan memanah, *Nisa' Indoor Games*, Kejohanan Bola Jaring, Boling Wanita dan Pertandingan Senam Robik.
29. Menganjurkan program hiburan wanita secara tertutup seperti *Ladies Night, Wanita Kelantan Got Talent* dan Hari Kebudayaan & Kesenian Wanita DUN
30. Menukar nama Pasar Besar Buluh Kubu kepada Pasar Besar Siti Khadijah
31. Pengisytiharan Hari Suri Rumah sebagai pengiktirafan kepada semua suri rumah tangga
32. Pengiktirafan wanita melalui penganugerahan Tokoh Wanita Kelantan
33. Mengiktiraf peranan para ibu dengan mengurniakan anugerah Ibu Mithali
34. Mengiktiraf peranan para beliawanis dengan memberikan anugerah Tokoh Beliawanis
35. Mengiktiraf kecemerlangan para wanita Kelantan dalam pendidikan seperti mengurniakan anugerah Ikon Pendidikan Malaysia dan meraikan pelajar cemerlang SPM
36. Memperkenalkan Logo Kelantan Cakna Wanita pada tahun 2005
37. Membina Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) di 45 DUN sebagai pusat aktiviti wanita
38. Mengadakan Majlis Graduasi khas untuk pelajar jahitan & sulaman PPWK
39. Perkongsian Bijak / Smart Exchange Universiti Lim Kok Wing & PPWK
40. Pelancaran Kelab Alumni Jahitan Wanita Kelantan ( AJWA )
41. Menaik taraf PPWK kepada Mini Darul Niswah
42. Menganjurkan Jom Buat Duit Dari Rumah
43. Menganjurkan Kem Bina Usahawan kepada pelajar-pelajar PPWK yang telah bergraduasi
44. Menganjurkan Kursus Kulinari Desa
45. Bantuan khusus untuk usahawan wanita melalui Tabung Usahawan Wanita
46. Bantuan Pembangunan Sosio Ekonomi Armalah
47. Melancarkan Projek Dapur Hijau 'Gardenita' di PPWK 45 DUN

48. Mengadakan bengkel, kursus usahawan wanita serta menubuhkan IKS Wanita Niaga
49. Hospital wanita (Pusat Perubatan An-Nisa')
50. Nisa' Book Café
51. Penubuhan sekolah wanita seperti Maahad Muhammadi Perempuan, Sekolah Menengah Kebangsaan Naim Lilbanat, Maahad Muhammadi Pasir Pekan, Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah dan Sekolah Menengah Sains Pasir Puteh (P)
52. Penubuhan Pusat Kemahiran Wanita Kelantan (PKWK)
53. Penubuhan Pusat Sulaman Negeri Kelantan (PSWK)
54. Rumah Perlindungan Wanita Sinar Harapan (Darul Auni)
55. Penubuhan Taska Keluarga Mawaddah
56. Mewujudkan dan menggalakkan penubuhan pusat rekreasi khas untuk wanita seperti gim wanita, pusat refleksologi wanita, pusat sukan tertutup bagi wanita
57. Polisi pulang kerja awal satu jam di bulan Ramadhan
58. Pelaksanaan Cuti Ihdad (Cuti 30 hari dengan gaji penuh untuk kakitangan wanita yang kematian suami)
59. Cuti bersalin ditambah dari 42 hari kepada 60 hari
60. Melancarkan seluar mesra syariah untuk ibu bersalin yang dinamakan *Mamapride* (2014)
61. Suami kepada isteri bersalin diberi cuti seminggu (termasuk cuti am)
62. Kahwin Perdana
63. Melancarkan Skim Manfaat Armalah (SMA) (منفعة)
64. Melancarkan Skim Khairat Armalah (SKA) (خيرات)
65. Menyediakan Bantuan *one-off* kepada Armalah miskin (رحمة)
66. Menyediakan Bantuan Sosio Ekonomi (تجاره)
67. Bantuan Rancangan Kecil Pembangunan (RKP)
68. Bantuan Orang Miskin (BOM)
69. Skim Pendidikan Anak Yatim/ Anak Armalah (SPA) (راسة)
70. Menubuhkan skuad ziarah kebajikan (Skuad Kita Cakna)
71. Menubuhkan Majlis Sukarelawan Rakyat Kelantan (MESRA)
72. Perlantikan pegawai khidmat nasihat khas untuk wanita-wanita teraniaya
73. Skim takaful pelbagai peringkat seperti Skim Takaful Warga Emas (Kifaalah), Skim Khairatul Ummah dan Skim Takaful Belia / Nisa
74. Kuliah Bulanan Wanita khas untuk wanita

75. Kuliah Fiqh Wanita di setiap Parlimen
76. Usrah berkala ( Kakitangan UPWK ), Sinar Nurani (Guru PPWK) & Usrah Muaddibah bagi Pengasuh Taska Keluarga Mawaddah
77. Kelas Al-Quran
78. Kuliah mingguan halaqat wanita yang diadakan di surau dan masjid
79. Program Munajat & Tadarrus Perdana
80. Program Pembangunan Jati Diri Armalah ( Ibu Tunggal )
81. Menerbitkan Buku Teks Jahitan
82. Mewujudkan web *wanitakelantan.com*
83. Pertandingan Video Pendek "Pakaianku, Pakaian solatku" untuk kempen menjaga aurat
84. Edaran doa bulanan di program UPWK
85. Program Generasi Solat
86. Majlis Khatam Quran Peringkat Parlimen
87. Kursus Halimatus Saa'diah iaitu kursus kepada muaddibah dan juga pengasuh kanak-kanak
88. Program 'Kami Mendengar' kepada kaunselor
89. Penggubalan Dasar Wanita Kelantan (2001)
90. Penggubalan Dasar Belia Negeri
91. Mengeluarkan Pekeliling Pemakaian Menutup Aurat kepada kakitangan awam
92. Menetapkan penguatkuasaan pemakaian menutup aurat kepada pekerja-pekerja di premis perniagaan
93. Menghapuskan kegiatan pelacuran(Berita Minggu, 13 Januari 1991)
94. Meluluskan Enakmen Kawalan Hiburan Negeri 1998
95. Menetapkan lima hari bekerja sahaja, menjadikan hari Jumaat sebagai hari menuntut ilmu dan hari Sabtu sebagai hari keluarga. (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8, 1995)
96. Tidak membenarkan papan iklan yang memperagakan wanita mendedahkan aurat
97. Mengasingkan kaunter bayaran antara lelaki dan wanita di pusat-pusat membeli belah

98. Pemisahan tempat duduk lelaki dan wanita dalam majlis kerajaan dan rasmi
99. Pelancaran Zon Menjaga Aurat dalam Kompleks Kota Darulnaim dan Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri
100. Pelaksanaan Dasar Mesra Keluarga dalam Pertukaran dan Penempatan Kakitangan
101. Penubuhan Jawatankuasa Pendidikan Dan Pematuhan Aurat Negeri Kelantan
102. Menubuhkan Pusat Sumber Sayyidatina Hafsah
103. Pembentukan Jawatankuasa Silibus Pendidikan Wanita (Surah An Nur)
104. Mengadakan program Dapur Hijau 'Gardenita'
105. Penerbitan Buku Jelira
106. Skim Gaji Mudarribah dan Gaji PPAD dinaikkan
107. Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah diadakan pada Peringkat Antarabangsa untuk kali kedua. Terdapat Anugerah Tokoh dan Ikon Wanita Peringkat Negeri dan Antarabangsa.
108. Pelancaran buku inspirasi wanita (MISK) sempena sambutan HSK 2019
109. Pertandingan Jahitan Sembat (AJWA)
110. Membuat Rakaman NONA di PLWOA
111. Penganugerahan Ikon Usahawan Muda Jahitan dan Penganugerahan Ikon Alumni Jahitan Wanita Kelantan (AJWA)
112. Mengadakan program bedah buku Di Bawah Naungan Satu Ayat anjuran Pusat Sumber Sayyidatina Hafsah.
113. Program turun padang KPWKM selama 6 siri
114. Sumbangan one-off Cakna Pekerja Rendah Wanita sempena HSK Parlimen 2020
115. Projek Komuniti Lestari bersama KUM (Minyak Masak Terpakai dan Baja Kompos)

# Autograf

# Autograf

# Penajaan

*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*

ikhlascare
COMPLEMENTARY MEDICINE

Ikhlas Care Complementary Medicine ditubuhkan pada Jun 2015 . Ia adalah idea dan usaha dari seorang doktor perubatan Dr Wan Marlina Binti Wan Yusoff yang ingin membuka pusat rawatan alternatif tradisional dan komplementari. Ikhlas Care menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti Urutan Tradisional, Urutan Spa, Facial Spa, Rawatan Ceragem, Skrab dan Rawatan Bekam Klinikal. Kini beroperasi di Bachok, Kelantan.

**Ikhlas Care Complementary Medicine**
**PT 121 Wisma Sri Jelawat,**
**Pekan Jelawat 16370**
**Bachok Kelantan**

018-906 2000 | ikhlascaremy | ikhlascaremy

## IKHLAS CARE

*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*

Selamat Menyambut
**Hari Sayyidatina Khadijah.**

**TAHNIAH**
kepada semua penerima anugerah

*Persatuan Wanita Sejahtera Negeri Kelantan (WANIS)*

## PERSATUAN WANITA SEJAHTERA NEGERI KELANTAN

*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*

Selamat Menyambut
**Hari Sayyidatina Khadijah.**

**TAHNIAH**
kepada semua penerima anugerah

YEK & HAQ BERSAUDARA
MISI KEMBARA DAKWAH
DUNIAKU DAKWAHKU

## MISI KEMBARA DAKWAH

## TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA SEMUA PENAJA

KELANTAN GOLD TRADE SDN BHD




## Kelantan Gold Trade SDN BHD

Tajmeel تجميل

"Where Beauty Begins"

Set Penjagaan Diri
untuk
Seisi Keluarga



YB Dato' Hajah Mumtaz MD Nawi
Pengerusi Bio Tajmeel Cosmeceutical Sdn. Bhd.

## Bio Tajmeel Cosmeceutical SDN BHD



Diedarkan Secara Eksklusif Oleh :

BIO TAJMEEL COSMECEUTICAL SDN. BHD.

LOT 3174, BATU 23, JALAN KOTA BHARU-MACHANG, 18000 MACHANG, KELANTAN

09-976 5280 / 010-828 8484




**CHEF USTAZAH**

Kini Semua Orang Boleh Masak



LGM PROPERTIES CORPORATION
LGM Properties Corporation (LGMPC) diperbadankan pada 1 Januari 2002 di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 2001 dan telah memulakan operasinya pada 1 Julai 2002. Perbadanan ditubuhkan untuk menjana pendapatan bagi Lembaga Getah Malaysia (LGM) melalui pengurusan tanah dan harta kepunyaan LGM, menyediakan perkhidmatan pengurusan dan perkhidmatan juru runding pengurusan harta kepada LGM dan perhidmatan pengurusan harta dan perkhidmatan juru runding kepada orang atau badan yang terlibat dalam getah atau berhubung dengan industri getah.
BANGUNAN GETAH ASLI
www.lgmpc.com.my
LGM Properties Corporation
lgmpropertiescorporation
LGM Properties Corporation
Ir. Haji Abdul Ariffahmi Ab Rahman
Ketua Pegawai Eksekutif
LGM Properties Corporation




ڤوست ڤروبتن النساء
PUSAT PERUBATAN AN-NISA'
PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN
KLINIK OBSTETRIK & GINEKOLOGI
Pemeriksaan Kesihatan
Perancang Kehamilan
Rawatan Am Wanita
Paps Smear
Ujian Makmal (kanser/darah/urin)
Swab Test (Pandu Lalu)
Perundingan pakar
Antenatal/Postnatal
Infertiliti
Keguguran
Masalah sakitpuan
Confinement Care
HOSPITAL BERSALIN 24 JAM
Bersalin Pakar
Bersalin Norma
Bersalin Forcep
Bersalin Vacuum
Bersalin Pembedahan
WAKTU OPERASI :
KLINIK PESAKIT LUAR (8 PAGI - 5 PETANG)
HOSPITAL BERSALIN (24 JAM)
SEGALA MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:-
011-1072 1484
09-741 4444 / 741 447
09-741 4443
infoannisa.hostcare@gmail.com
pusat perubatan an-nisa'
annisa.com.my

jatimas®

# JATIMAS, Bukan Jati Biasa






Jatimas Furniture Sdn Bhd
No 147 Jalan Besar Selayang
Indah 68100 Selangor

03-6138 8199 014-947 4667

www.jatimas.com.my

MPOC

*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*

## Misi MPOC



Menggalakkan perkembangan pasaran minyak sawit Malaysia dan produknya dengan meningkatkan imej minyak sawit Malaysia

Mewujudkan penerimaan lebih baik terhadap produk sawit melalui kesedaran mengenai pelbagai kelebihan teknologi dan ekonomi
serta kelestarian alam sekitar

Sawit
ANUGERAH TUHAN

# MALAYSIAN PALM OIL COUNCIL

فربادنن كماجوان اقتصاد نكري كلنتن

**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**

## *"Penggerak Pembangunan Ummah"*

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah.






**Ab Aziz Bin Yunus**
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Tingkat 4-11, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani, 15000 Kota Bharu, Kelantan.
www.pkink.gov.my Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
pkink@pkink.gov.my Tel : 09-7414141 Faks : 09-7414140

اوروس ستيا كباجيكن، ڤمباڠونن كلوارک دان وانيتا كراجأن نڬري كلنتن

URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA
KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Pejabat U-KeKWa, Aras 2, Blok 2, Kompleks Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu Kelantan
Tel: 09-747 6568/ 09-748 1957 Faks: 09-747 6510
Emel: ukekwa@kelantan.gov.my

ukekwa@kelantan.gov.my ukekwa u_kekwa ukekwa wanitakelantan.com

Hari Sayyidatina Khadijah